

**DEWAN RKAYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KELIMA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

<b>Bil. 28</b>	<b>Khamis</b>	<b>3 Ogos 2017</b>
----------------	---------------	--------------------

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 9)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 38)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) 2017	(Halaman 39)
Rang Undang-undang Penilai, Pantaksir dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2017	(Halaman 107)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Khamis, 3 Ogos 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato Sri' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]** minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah wujud keperluan untuk memberikan permit teksi kepada pihak syarikat tertentu dan bukannya secara terus kepada pemandu teksi.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]:**

Terima kasih, *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, sejak penubuhannya tahun 2010, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) tidak pernah mengeluarkan permit teksi baru kepada syarikat sejak mengambil alih fungsi daripada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) pada tahun 2010. Pada masa ini, syarikat teksi akan dibenarkan meneruskan operasi menggunakan permit sedia ada. Mengenai keperluan kewujudan permit teksi syarikat, ingin dimaklumkan bahawa syarikat yang memiliki permit teksi turut telah menyumbang dan memainkan peranan yang tersendiri dalam industri ini.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, terdapat sebilangan pemegang permit individu yang tidak mampu untuk mendapatkan kemudahan pinjaman kenderaan melalui institusi kewangan. Ini boleh disebabkan oleh pelbagai faktor seperti usia, rekod kewangan yang tidak memenuhi kehendak institusi kewangan dan sebagainya. Syarikat-syarikat teksi bersedia untuk memberikan kemudahan sewa beli kenderaan yang kita kenali sebagai sistem pajak. Di akhir kontrak perjanjian dalam sistem pajak ini, kenderaan tersebut akan menjadi milik pemandu. Ini bermakna, perjanjian dalam sistem pajak ini adalah sama konsepnya seperti perjanjian dengan izin, *hire purchase* kenderaan yang digunakan oleh institusi kewangan. Namun dalam perjanjian sistem

pajak ini kita dapati bahawa terma-terma yang diguna pakai dalam industri pada masa ini adalah berat sebelah dan tidak menjaga kebajikan pemandu.

Oleh sebab itulah antara cadangan pindaan dalam rang undang-undang yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ini pada minggu lalu, adalah untuk membolehkan SPAD memastikan terma-terma kontrak ini memenuhi standard piawaian minimum yang ditetapkan bagi memberi keadilan kepada kedua-dua pihak iaitu pemandu dan syarikat. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan itu tadi. Di kesempatan ini saya hendak alu-alukan kehadiran rombongan PBB cawangan Asajaya, Kota Samarahan.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, saya mohon penjelasan mengenai penggunaan aplikasi *e-hailing* seperti *Easy Cabs*, *Budget Taxi* yang kurang mendapat perhatian di kalangan pemandu teksi bagi mendapatkan pelanggan dan apakah usaha SPAD bagi menggalakkan penggunaan teknologi di kalangan pemandu teksi? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya menyedari Yang Berhormat memang mempunyai merasa kebajikan untuk teksi. Ini adalah satu perkara yang diutamakan, sama, inilah kita dalam kerajaan. Jadi Yang Berhormat, apa yang kita dapati ialah teksi yang dalam platform *e-hailing* ini, di Malaysia, sekarang ini ada 14,000. Bilangan ini nampaknya bertambah dan ada yang tidak berani ataupun mungkin mereka tidak begitu *IT savvy*, dengan izin, tidak menggunakan *e-hailing*. Ada juga umur, disebabkan oleh usia dan ada juga merasakan mungkin ini adalah, mereka itu adalah yang menggunakan *e-hailing* itu adalah menjadi *rival* ataupun pesaing kepada mereka. Jadi ini di antara masalah ataupun cabaran.

Akan tetapi kita dalam kerajaan dalam SPAD, kita tetap meneruskan usaha kita dengan mengadakan *engagement* dengan izin, *engagement* di mana kita mahu memahami apakah yang terbaik bagi mereka melalui TITP yang kita perkenalkan, sebab apa yang kita lakukan adalah untuk kebaikan pemandu-pemandu teksi. Kita mengharapkan dengan *engagement* yang kita adakan dengan izin, ianya akan membolehkan untuk mereka memahami lebih lanjut bagaimana mereka boleh memanfaatkan sistem ini. Ini kerana, seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dahulu, kita mahu membantu mereka keluar daripada sistem pajak ini.

## ■1010

Dengan itu juga kita memberi mereka geran RM5,000 supaya ini menjadi satu galakan kepada mereka yang mempunyai masalah dalam hal sistem pajak ini. Apabila keluar daripada sistem pajak dan telah menyelesaikan di bawah sistem pajak ini, mereka akan mendapat galakan melalui geran RM5,000 dan boleh menukar jenis ataupun model teksi. Jadi *engagement* ini Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, berterusan diadakan oleh kita dalam SPAD. Kita telah mengadakan banyak *engagement* dengan beberapa syarikat. Selama ini kita sudah menganjurkannya. Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucapkan terima kasih kepada SPAD ya kerana telah membekukan pemberian permit kepada syarikat-syarikat teksi kerana pada saya memang tidak ada manfaatnya pemberian lesen permit teksi ini kepada syarikat-syarikat seperti diakui oleh Tan Sri Haji Noh bin Omar satu ketika dahulu di dalam Dewan Rakyat.

Maka persoalan saya, memandangkan kos sewa dan sewa beli teksi yang begitu tinggi bila masa perमितnya dimiliki oleh syarikat, apakah yang mampu dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan perjanjian yang telah dimeterai dahulu tidak membebankan pemandu teksi yang telah terikat sehingga ke hari ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. Seperti yang saya nyatakan tadi, apa yang kita lakukan kita memperkenalkan TITP dan TITP ini adalah untuk membaiki keadaan yang dahulu dan kita mengadakan *lab* bersama dengan— yang telah kita lakukan, ada 54 buah syarikat yang telah duduk bersama dalam *lab* pada Disember tahun 2015 di mana kita telah menerangkan apa yang kita hendak lakukan. Kita telah menerangkan beberapa perkara untuk memastikan syarikat-syarikat ini akan *comply* dengan izin, dengan apa yang kita nyatakan melalui terma-terma yang kita perkenalkan supaya mereka boleh membantu pemandu-pemandu teksi ini.

Selain daripada tu juga, kita telah nyatakan pemandu teksi juga yang mana mereka banyak mengadu tidak dapat insurans, bercuti pun kena bayar. Itu semua kita ambil kira dalam terma-terma kontrak yang baharu yang telah kita maklumkan kepada syarikat-syarikat teksi supaya pemandu mereka dapat dibantu. Kita juga tidak mengeluarkan permit baharu kepada syarikat dan kita telah membuka kepada individu-individu supaya mereka mempunyai permit seperti mereka ingini untuk menjadi pemandu ataupun *permit holder* yang individual dengan izin, kerana inilah yang mereka inginkan, ini yang mereka hasratkan selama ini. Mereka mengatakan mereka mahu supaya mereka menjadi orang yang seperti *businessman* sendiri, dengan izin.

Jadi inilah di antara perkara-perkara yang telah kita lakukan tetapi banyak secara terperinci Yang Berhormat kalau saya dapat nyatakan di sini, banyak yang telah kita lakukan pembaharuan untuk membantu mereka. Akan tetapi kalau Yang Berhormat hendak...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Boleh beri secara bertulis?

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Ini adalah di antara terma-terma yang telah kita bincangkan. Cuma belum lagi di termeterai dalam perjanjian yang diperbaharui. Kalau saya kasi ini, ini adalah bukan dimuktamadkan lagi, Yang Berhormat ya. Akan tetapi telah dibincangkan melalui *lab*, mereka mengetahuinya. *Lab* ini kita mula dari Disember tahun 2015 dan kita telah mengadakan banyak perbincangan dengan semua, beberapa buah teks syarikat iaitu 54 buah syarikat teks. Terima kasih.

**2. Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah rasional penutupan beberapa Institut Pendidikan Guru yang ditukar statusnya kepada kolej vokasional dan politeknik sedangkan masih timbul isu kekurangan guru di kawasan pedalaman.

**Menteri Pendidikan [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Langat atas soalan yang berkaitan dengan status IPG yang ditukar fungsi. Sukacita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa di seluruh negara Institut Pendidikan Guru kesemuanya berjumlah 27 IPGK. Cadangan untuk mengubah fungsi bukan menutup kepada 10 IPGK. Bermakna baki masih lagi 17 Institut Pendidikan Guru yang ada di seluruh negara. Daripada 17 IPGK ini ataupun IPG ini boleh menampung keseluruhan pengambilan guru. Ini disebabkan oleh pada satu masa dahulu pengambilan guru boleh mencapai jumlah lebih daripada 20,000 pengambilan di 27 IPG. IPG boleh menampung *enrollment* keseluruhan 34,300.

Untuk tahun 2009 misalnya, pengambilan pelajar ataupun keseluruhan pelajar di IPG berada pada 5,155. Tahun 2010 sebanyak 5,083 dan pada 2015 keseluruhan pelajar 2,902 di IPG. Oleh yang demikian kerajaan berpendapat sesuai dengan transformasi pendidikan, wajarlah bangunan-bangunan yang berlebihan di IPG ini diubahsuai untuk digantikan dengan kolej vokasional ataupun politeknik kerana di sana akan ada proses pengambilan pelajar secara berperingkat daripada tahun 2018. Pada masa yang sama IPG masih berfungsi sehingga tamat pelajar-pelajarnya pada tahun 2020. Maknanya hanya mulai tahun ini pengambilan tidak diambil tapi pelajar di sana ada tahun dua, tahun tiga, tahun empat dan tahun akhir di sana. Jadi pelajar masih ada sehingga tahun 2020. Terima kasih.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya memang peminat Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Jadi saya menyokong pertukaran ataupun perubahan fungsi ini. Akan tetapi saya hanya ingin mendapat penjelasan dari segi pensyarah-pensyarah yang selama ini berada di 10 IPG itu, di mana mereka di tempatkan ataupun oleh sebab saya nampak ada satu Pusat Latihan Jurulatih Pendidikan Teknikal mungkin adakah sebahagian daripada pensyarah-pensyarah diberi latihan semua? Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih, Yang Berhormat Hulu Langat terhadap soalan tambahan. Seperti yang saya katakan tadi 10 IPG yang akan diubah fungsinya itu, penyuraian pensyarah akan bermula pada tahun ini secara berperingkat-peringkat hinggalah ke tahun 2020. Maksudnya pelajar masih ada lagi tahun dua, pelajar masih ada tahun tiga dan tahun empat di sana. Jadi maksudnya pensyarah yang tidak bergerak itu adalah pensyarah yang masih mempunyai peranan dengan IPG sehinggalah IPG berakhir pada tahun 2021. Jadi bagi mereka yang telah dalam senarai untuk penyenaraian daripada IPG dia ada pilihan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan melalui proses yang akan berlakunya apabila— satu, dia berpindah ke IPG yang lain, dia berpindah ke Jabatan Pendidikan Negeri, dia berpindah ke pejabat Pendidikan Negeri, dia berpindah ke sekolah.

Jadi maksudnya dalam itu ada susunan dibuat yang membolehkan kalaulah 22 tahun dia bertugas di satu IPG dan dia sudah *settled down*, dia beli rumah, ada *family* dan duduk di situ katalah daripada IPG A, takkan *you* hendak pindahkan dia ke satu IPG yang begitu jauh dengan dia? Dia pun sudah *settle down* di situ.

#### ■1020

Ini diambil kira dalam urusan apabila kita buat penyuraian pensyarah. Oleh kerana bagi pensyarah yang muda, pensyarah yang ada kepakaran dalam bidangnya, sudah tentulah dia beralih. Kedua, disebut oleh Yang Berhormat Kuala Langat tadi, yang masuk balik ke dalam kolej vokasional. Itu pun boleh diambil kira apabila sampai pada masanya. Akan tetapi saya tegaskan bahawa penyuraian itu berperingkat dalam tempoh lebih daripada lima tahun yang akan bermula pada tahun 2017. Oleh kerana tahun ini tahun permulaan kepada Tahun 1 di 10 IPG yang saya sebut tadi tidak mengambil pelajar. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga nak mengucapkan tahniah kepada kementerian atas perubahan ini. Soalan saya, apakah kesan-kesan jangka panjang terhadap Transformasi Pendidikan Vokasional yang dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan setelah perubahan ini dilaksanakan?

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pendang sebelah dengan Padang Terap. Untuk kolej vokasional sekarang ini di seluruh negara, kolej vokasional kita mempunyai 80 buah kolej vokasional. Daripada Sabah sampailah ke Perlis, kita ada 80 buah kolej vokasional. Pengambilan pelajar untuk kolej vokasional ini sebanyak 25,000 pelajar di kolej vokasional. Akan tetapi permohonan untuk masuk ke kolej vokasional ini sebanyak lebih daripada 100,000 yang nak memohon untuk masuk kolej vokasional. Jadi, dia tidak dapat masuk kolej vokasional dan sebahagiannya dia kekal di sekolah menengah biasa tapi kita masukkan juga subjek yang berkaitan dengan vokasional sebab memang dia tidak boleh masuk, sudah penuh.

Oleh itu, kita mencadangkan supaya ada penambahan tukar fungsi di IPG ini untuk membolehkan ramai lagi anak-anak kita yang dapat masuk ke kolej vokasional. Kita menjangkakan di akhir perubahan daripada IPG kepada kolej vokasional ini akan membolehkan satu jumlah angka yang agak besar yang boleh menampung dalam 36 kursus yang telah setakat ini yang telah diuruskan oleh pihak kolej vokasional. Daripada keseluruhan yang kita nampak, kalaulah kita kalau buat secara berperingkat ini, maknanya pelajar-pelajar yang berada dalam kawasan yang sekitar dengan IPG itu ataupun sekolah-sekolah yang berada di sekitar dengan IPG itu, boleh kita tampungkan pengambilan mereka di kolej yang berdekatan. Terima kasih.

**3. Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah penambahbaikan yang telah dan akan dijalankan oleh kementerian di kawasan PPR dalam memberi kesejahteraan hidup kepada golongan masyarakat bandar di negara kita.

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong yang prihatin dengan masalah rakyat miskin ini. Tuan Yang di-Pertua, penambahbaikan PPR boleh dikenal pasti daripada beberapa perubahan ketara seperti perancangan yang baik, aspek reka bentuk, kaedah pembinaan, kemudahan-kemudahan awam dan bentuk perbelanjaan yang disediakan. Pertama, perancangan. Dalam mengelakkan masalah kesesakan atau kepadatan penghuni di kawasan PPR, kementerian bercadang untuk membina rumah PPR tidak melebihi 500 unit bagi setiap projek, berbanding projek terdahulu yang tidak menetapkan sebarang had unit untuk dilaksanakan.

Walau bagaimanapun jumlah unit yang dibina akan bergantung kepada keseluruhan keluasan tapak. Tuan Yang di-Pertua, saya pernah melakukan lawatan ke kawasan jenis PPR jenis pangsa lima tingkat baru-baru ini. Saya melihat sendiri kesukaran penduduk, terutamanya di tingkat atas yang terpaksa turun naik

menggunakan tangga tanpa kemudahan lif. Dalam perkara ini kementerian tidak lagi membina rumah yang boleh membebaskan penghuni seperti pangsa lima tingkat dengan memberikan fokus kepada rumah berbilang tingkat dengan kemudahan lif ataupun jenis atas tanah.

Kedua, reka bentuk. Dari aspek reka bentuk, terdapat penambahan keluasan lantai daripada 650 kaki persegi kepada 700 kaki persegi bagi unit biasa. Elemen kemasan lantai telah ditukar dari jenis lemparan simen ataupun *cement render* kepada kemasan jubin bagi keseluruhan lantai rumah. Ciri-ciri keselamatan rumah PPR ini juga tidak diabaikan selepas kementerian mengambil kira kejadian gempa bumi yang berlaku di sesetengah kawasan. Maka, kementerian telah memasukkan faktor seismik ke dalam reka bentuk bagi mengurangkan impak gegaran, terutamanya ke atas struktur bangunan.

Ketiga, kaedah pembinaan. Peringkat awal pembinaan projek PPR ini dibuat melalui kaedah konvensional tetapi kini telah diberi penambahan baik dengan penggunaan teknologi *industrialize building system* (IBS). Tuan Yang di-Pertua, pembaharuan yang keempat ialah kemudahan awam. Pihak kementerian juga amat mengambil berat terhadap pembangunan sosial penduduk melalui penyediaan kemudahan awam seperti dewan, surau, tadika, taman permainan, kedai, gerai dan juga tempat letak kereta.

Sebagai contoh, peruntukan tempat letak kereta bagi rumah berbilang tingkat dengan nisbah satu unit rumah kepada satu unit tempat letak kereta serta 20 peratus tempat letak kereta pelawat, berbanding PPR dahulu yang hanya memperuntukkan satu tempat letak kereta bagi kegunaan empat unit rumah. Dalam pembinaan keselamatan, kesihatan penghuni yang lebih terjamin, sistem penggunaan lif ini diberikan penambahan baik. Kelima ialah pembiayaan, di mana kita telah memperkenalkan sistem *rent to own* kepada mereka yang ingin memiliki rumah PPR. Terima kasih.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih. Saya nak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang diberikan. Jadi, soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri adalah, apakah kementerian ataupun kerajaan mempunyai satu *dateline* ataupun had masa untuk memastikan RTO ini dapat dilaksanakan ke seluruh Malaysia? Oleh kerana ada tohmahan daripada pihak-pihak tertentu dalam pembangkang ini, terutamanya daripada Sabah, yang mendakwa kononnya Malaysia Timur ini dianaktirikan. Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih, memang benar saya ada baca kenyataan daripada Yang Berhormat Sandakan yang tidak faham barangkali fasal RTO ini. RTO ini *rent to own* ini kita kena ingat, PPR ini ada dua. Satu, PPR yang kita buat untuk hanya disewa, yang kedua untuk dijual. Untuk disewa ini mana ada *rent to own*,



dia sewa, yang dikenakan *rent to own* ini ialah rumah yang hendak dijual. Sama ada oleh pihak kerajaan negeri bila kita serahkan pengurusannya kepada pihak kerajaan negeri atau pun pihak kementerian.

Jadi, apabila kita mengenakan *rent to own* ini, kita sudah mula sudah, sudah mula dan semua rumah yang akan dijual akan dikenakan *rent to own*. Oleh kerana kita dapati bahawa subsidiya terlalu banyak, lebih 150,000 ke atas. Untuk supaya *rent to own* ini ia lebih lagi telus, maka sistem kita, mana-mana mereka yang ditawarkan, nama-nama mereka ini akan dipamerkan. Dipamerkan di tempat-tempat tertentu, termasuk jugalah laman web kementerian dalam tempoh dua minggu.

Jadi, kalau mana-mana penerima ini kita lihat ada bantahan, maka orang ramai boleh buat bantahan dan kita akan siasat. Jadi, dan juga contoh yang diberi oleh Yang Berhormat Sandakan itu, dia pun tidak faham, Yang Berhormat Sandakan ini. Contoh-contoh yang kata Gua Musang, kampung asal, itu ialah rumah-rumah PPR yang kita nak jual. Di Sabah, kalau ada projek dan juga di Sabah dan di Sarawak, kalau mana-mana rumah PPR yang hendak dijual, memang boleh menggunakan sistem *rent to own* untuk memastikan bahawa mereka itu layak ditawarkan rumah tetapi tidak layak dapat pinjaman bank. Jadi, dengan adanya *rent to own*, maka mereka boleh masuk rumah tanpa membayar apa-apa deposit. Terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri, apakah mekanisme akan diperkembangkan dari segi pelaksanaan dan pemantauan bagi memastikan hanya individu yang benar-benar layak saja akan dapat manfaat daripada Program RTO ini? Terima kasih.

■1030

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Seperti yang saya sebutkan tadi, sebelum ini kita *offer* tawaran ini secara terus. Sebab sekarang ini seperti yang saya nyatakan, apabila senarai nama ini kita tapis— sekarang ini, yang pembaharuan, kita buat tapisan begitu ketat. Kalau dulu hanya melalui tapis kepada Lembaga Perumahan sahaja. Akan tetapi sekarang ini, pertama, kita akan rujuk kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk memastikan bahawa mereka ini yang memohon tidak pernah membeli rumah. Melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kemudian, oleh kerana orang yang layak ini telah pun dinaikkan pendapatan isi rumah daripada RM2,500 kepada RM3,000, maka tapisan yang kedua kita akan semak sama ada mereka ini penerima BR1M ataupun tidak. Jadi, kalau mereka tidak ada dalam senarai penerima BR1M, kita akan tolak. Kalau mereka sudah ada bukti Lembaga Hasil Dalam Negeri ada beli rumah, memang ada bukti, kita akan tolak. Itu dua tapisan.

Kemudian, sebelum kita tawarkan kepada mereka yang layak setelah lepas dua tapisan, kita pameran pula nama-nama mereka ini. Kita pameran nama untuk supaya orang ramai boleh melihat dalam tempoh dua minggu untuk membuat bantahan. Saya bagi satu contoh seperti yang berlaku di Hulu Selangor. Bila kita pameran nama ini, walaupun kita sudah semak, akhirnya ada dua bantahan dibuat dan apabila kita semak, bantahan itu memang betul, maka kita tolak mereka yang telah ditawarkan. Ini menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional akan menjalankan dengan telus kerana ini hak orang miskin, subsidi kerajaan lebih RM150,000 sebuah, maka kita hendak pastikan hanya mereka yang layak sahaja yang akan menerima faedah *rent-to-own* untuk memiliki PPR. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

***[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]***

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Rozman bin Isli [Labuan]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah jenis penyelidikan dan pembangunan (R&D) potensi pasaran yang telah kementerian laksanakan melalui inisiatif yang digagaskan China '*One Belt, One Road*' bagi memperluaskan industri sarang burung yang mempunyai potensi besar sebagai makanan tambahan kesihatan.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Nogeh anak Gumbek]:** Selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Labuan atas soalan yang dikemukakan.

Inisiatif *Belt and Road* menggariskan lima bidang utama termasuk perdagangan dan pelaburan. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menjalankan kajian risikan pasaran produk agromakanan yang berdaya saing seperti sarang burung walet dan buah-buahan tropika seperti nenas dan durian. Pengeksportan sarang burung walet merupakan hasil daripada aktiviti-aktiviti R&D, dengan izin, potensi pasaran yang telah dilakukan sejak dahulu lagi. Inisiatif *Belt and Road* dilihat dapat mengukuhkan lagi hubungan dagangan dan pelaburan antara China dan Malaysia terutamanya dalam pengeksportan sarang burung walet mentah bersih atau belum bersih.

Kementerian telah menandatangani satu perjanjian persefahaman ataupun MoU *in English*, mengenai kerjasama dalam bidang pertanian dengan negara China. Jadi di bawah MoU ini, kita telah juga menandatangani protokol *raw and uncleaned edible bird's nest* dengan jangkaan eksport sebanyak RM1.7 bilion menjelang tahun 2020 dan juga

protokol nanas dengan jangkaan eksport meningkat dua kali ganda kepada RM320 juta setahun menjelang tahun 2020 untuk mengambil manfaat melalui inisiatif *Belt and Road*. Sekian, terima kasih.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya, adakah kementerian bercadang untuk mengetengahkan teknologi robotik dalam bidang pemprosesan dan pembersihan sarang burung walet yang berupaya meningkatkan produktiviti dan kualiti sarang burung walet sebagai usaha untuk memenuhi permintaan dalam pasaran antarabangsa? Apakah *standard operating procedure* (SOP) yang diguna pakai oleh kementerian bersama agensi-agensi yang terlibat dalam memastikan prestasi penghasilan sarang burung walet dapat memenuhi piawaian yang ditetapkan khususnya berkenaan kandungan nitrat sarang burung walet? Mohon jawapan.

**Dato' Nogeh anak Gumbek:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Kesemua loji pemprosesan burung walet perlu mematuhi syarat-syarat seperti mesti mematuhi standard GMP, HACCP dan sebagainya untuk memastikan produk sarang burung walet itu dapat diterima di pasaran antarabangsa.

Mengenai robotik, belum ada *study* yang dibuat tetapi dalam masa akan datang, mungkin agensi kerajaan akan buat *study* untuk menggunakan robotik. Akan tetapi setakat ini di bawah EPP2 NKEA, kita telah mengadakan kurang lebih 36 projek mengenai R&D sarang burung walet ini yang merangkumi *the entire value chain starting from biology, genetic* sampai ke pasaran. Sekian, terima kasih.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Menteri, ada disebut bahawa terdapat persepsi pembeli-pembeli dari China yang mengatakan bahawa pembekal-pembekal dari Malaysia telah mengubah ataupun dalam bahasa *simple* 'kecoh', menipu gred-gred untuk dieksport produk ini ke China. Akibatnya, ada respons negatif terhadap pembeli-pembeli di sana. Jadi, bagaimanakah ini boleh di-*rectify*-kan? Terima kasih.

**Dato' Nogeh anak Gumbek:** Terima kasih atas soalan tambahan. Semua loji pemprosesan ini di-*inspect* oleh pihak asing dari China dan hanya yang telah diberi kelulusan— ada 19 kilang yang sudah diberi kelulusan dan 17 lagi masih menunggu *inspection* dari pihak kuarantin China. Dengan adanya kelulusan dari negara China ini, maka tidak timbullah produk-produk yang tidak mematuhi kehendak di dalam negara China. Sekian, terima kasih.

2. **Datuk Seri Dr. Wan Azizah bin Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan kesan penghantaran flotila ke Myanmar pada 3 Februari 2017, apakah tindakan kerajaan terhadap keengganan Myanmar membenarkan pasukan penyiasat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menyiasat dakwaan kes bunuh, rogol dan seksa oleh tentera Myanmar terhadap Rohingya; dan sama ada kerajaan bercadang memutuskan hubungan diplomatik dengan Myanmar.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Selamat pagi dan salam sejahtera. Terlebih dahulu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan kehadiran ahli-ahli Kelab UMNO Luar Negara dari UK, Australia, New Zealand, *Egypt* ke sidang Dewan Rakyat pada pagi ini. *[Tepuk]*

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh atas pertanyaan yang dikemukakan. Soalnya agak panjang, merangkumi tiga bahagian. Saya cuba rungaikan keseluruhannya.

Isu mengenai etnik Rohingya di Myanmar sememangnya amat kompleks dan perlu ditangani secara tuntas melalui pendekatan *constructive engagement* yang dilihat lebih berkesan untuk jangka masa panjang.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, melalui Resolusi Tahunan Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Situasi Hak Asasi Manusia di Myanmar yang telah dipersetujui bersama atau dengan izin, *adopted by consensus*, beberapa cadangan telah disyorkan termasuk penubuhan satu *fact findings mission* oleh PBB. Tujuan misi tersebut adalah untuk mengesahkan kesahihan tuduhan-tuduhan pencabulan hak asasi manusia dan penderaan yang dilakukan oleh pihak tentera dan pasukan keselamatan di wilayah Rakhine dan juga beberapa wilayah yang lain di Myanmar.

Dalam hal ini, Kerajaan Malaysia berpandangan bahawa siasatan penindasan terhadap etnik Rohingya seharusnya disiasat oleh mekanisme antarabangsa yang boleh menjalankan tugasnya secara bebas, saksama dan adil. Mekanisme siasatan yang akan dipilih juga hendaklah memastikan proses siasatan mendapat kerjasama negara berkenaan dan seterusnya boleh membawa pesalah laku ke muka pengadilan.

■1040

Namun begitu agak malang bila mana pihak Myanmar tidak mengiktiraf malahan enggan untuk memberi kerjasama kepada pasukan penyiasat PBB ataupun FFM untuk melaksanakan mandat tersebut. Walaupun pengeluaran visa kepada rakyat asing untuk memasuki atau keluar ke negara tersebut adalah merupakan *sovereign right* sesebuah negara berdaulat, namun keputusan Kerajaan Myanmar untuk tidak membenarkan pasukan penyiasat PBB membuat siasatan di wilayah Rakhine hanya akan memberi

isyarat yang salah kepada masyarakat antarabangsa mengenai komitmen Myanmar dalam menangani isu tersebut.

Walaupun begitu, Malaysia masih lagi menaruh harapan kepada satu lagi suruhanjaya yang ditubuhkan pada bulan Ogos 2016 iaitu *Rakhine State Advisory Commission* yang diletakkan di bawah pimpinan Kofi Annan, mantan Setiausaha Agung PBB yang pada waktu ini masih lagi mendapat kerjasama daripada Kerajaan Myanmar. Laporan interim dari *Advisory Commission on Rakhine State* telah pun dikeluarkan pada 16 Mac 2017 yang antara lain mengandungi 29 *recommendations* dan syor-syor untuk memulihkan keadaan di Rakhine. Laporan akhir akan dijangka dibentangkan pada akhir bulan ini iaitu bulan Ogos. Pada waktu ini, pada setakat ini perkembangan menunjukkan Kerajaan Myanmar lebih responsif kepada syor-syor yang telah dikemukakan oleh *Advisory Commission on Rakhine State*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu hubungan dua hala antara Malaysia dan Myanmar yang berada pada tahap yang baik pada waktu ini telah membolehkan misi kemanusiaan *Food Flotilla For Myanmar* disempurnakan dengan jayanya pada bulan Februari 2017. Kerajaan Myanmar telah menyambut baik inisiatif Kerajaan Malaysia dan juga inisiatif oleh NGO-NGO yang dipimpin oleh tidak lain dan tidak bukan, *the only one* Yang Berhormat Baling [*Tepuk*] dan Kerajaan Myanmar juga telah memberikan kerjasama penuh bagi memastikan proses pengagihan kepada komuniti yang terjejas di Rakhine berjalan lancar.

TYT ataupun Tuan Yang Terutama Mohd Haniff Abd Rahman, Duta Besar Malaysia ke Myanmar juga telah dibenarkan untuk mengadakan lawatan ke Rakhine pada 6 Mac hingga 8 Mac untuk memastikan semua proses pengagihan barang-barang keperluan yang dihantar ke perkampungan dan kem-kem pelarian berjalan dengan baik. Sebagaimana yang diketahui bahawa Kerajaan Myanmar pada lazimnya memberi kebenaran terhad kepada orang luar untuk— termasuk warganegara Myanmar sendiri untuk memasuki Rakhine. Jadi kebenaran yang diberikan kepada duta besar kita ini menunjukkan komitmen dan kepercayaan Kerajaan Myanmar untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam menangani isu ini.

Kejayaan Malaysia merealisasikan misi kemanusiaan ini dengan jayanya secara tidak langsung telah menunjukkan penerimaan positif Kerajaan Myanmar terhadap usaha dan inisiatif kerajaan dan rakyat Malaysia bersama-sama dengan masyarakat antarabangsa bagi menghentikan penindasan terhadap kaum etnik Rohingya. Justeru itu, Malaysia sebagai salah sebuah negara ASEAN akan meneruskan dan mengekalkan *the constructive engagement* ini sama ada dalam hubungan dua hala mahupun di peringkat multilateral dengan Kerajaan Myanmar bagi memberi sokongan dan untuk

mencari tumpuan khusus dan mencari punca-punca masalah ataupun *root causes* isu penindasan etnik Rohingya di Rakhine.

Atas sebab tersebut maka pandangan agar Malaysia memutuskan hubungan diplomatik dengan Myanmar dilihat tidak wajar kerana ia hanya akan meminggirkan Myanmar *in isolation*. Ini sekali gus juga akan menyempitkan peluang Kerajaan Malaysia mahupun negara-negara lain di ASEAN untuk berperanan dalam membantu menangani isu Rohingya di *Rakhine State* secara langsung mahupun secara tidak langsung. Malaysia juga akan terus menggunakan platform antarabangsa terutamanya di peringkat OIC untuk membangkitkan isu etnik Rohingya sebagai usaha mendesak Kerajaan Myanmar mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi menghentikan kekejaman dan penindasan ke atas etnik tersebut.

Pada masa yang sama, peranan masyarakat antarabangsa dalam semua peringkat dilihat amat penting untuk meningkatkan *engagement* dengan Myanmar dalam mencari penyelesaian dalam bentuk jangka masa panjang bagi memastikan keamanan dan kestabilan di *Rakhine State* dapat dipulihkan serta pencabulan hak asasi manusia terhadap kaum Rohingya dapat dihentikan. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya dengar balik untuk menjawab soalan ini. Apa yang diberikan gambaran adalah begitu baik sekali, *constructive engagement*. Akan tetapi kalau mengikut laporan-laporan, ini sudah beribu-ribu yang telah mati, *genocide* yang berlaku. Ini adalah mereka yang sesama agama dengan kita dan kalau kita lihat bahawa pelbagai insiden jenayah kemanusiaan terhadap Rohingya khasnya sebab mereka telah dinafikan *citizenship*. Ini adalah satu *concerted effort* yang diberikan laporan, dibakar hidup-hidup wanita, kanak-kanak. Ini adalah satu jenayah yang perlu kita tangani sebagai negara jiran. Ini melimpah kepada negara kita, jadi ia menjadi masalah kita.

Kalau jawapannya begitu sekali dan kalau PBB sendiri, Kofi Annan tidak dapat memberikan laporan dan juga tindakan yang membolehkan preventif, jangan segala *flotilla* bagi makan minum sahaja tetapi untuk yang dikatakan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang jangka panjang. Apakah tindakan kita? *Mass graves* dijumpai. Ini hendak kalau kata, "*Oh kita hendak engagement, kita hendak ada diplomatik sama-sama*", tetapi tidak memberikan kesan yang betul-betul kita perlukan untuk membela mereka sesama agama dengan kita. Jadi jawapan kalau boleh kita dapatkan usaha yang lebih baik daripada *just diplomatic answer*. Terima kasih.

**Dato' Seri Reezal Merican:** *I was not giving the diplomatic answer, I was giving the real one.* Saya hendak perjelaskan— terima kasihlah Yang Berhormat Permatang Pauh kerana bertanya soalan tambahan ini. Sebenarnya usaha-usaha untuk

memulihkan keadaan di Myanmar bukan hanya tertumpu di Rakhine. Kalau laporan PBB, Majlis Hak Asasi Manusia itu yang diketuai oleh *Special Rapporteur*, Yanghee Lee sebenarnya ia dibuat untuk Myanmar keseluruhan. Di Myanmar dia ada lebih kurang enam etnik minoriti dan keadaan *atrocities*, keganasan yang berlaku jauh lebih besar daripada di kawasan Rakhine berlaku di Shan dan berlaku di Kayin yang bersempadan dengan Thailand. Demikian juga Kachin yang bersempadan dengan China.

Saya hendak maklumkan bahawa kerajaan yang ditubuhkan oleh Aung San Suu Kyi ini adalah kerajaan yang baru berusia satu tahun empat bulan sedangkan Kerajaan Myanmar sejak merdeka 1948. Kemudian berlakunya *military coup* pada 1962 telah diperintah di bawah *military rule* selama hampir 50 tahun lebih. Kalau kita hendak lihat dari segi *progress* memang ada, saya tidak kata *it is always all the green*. Cuma ada kalanya kita tidak boleh menganggap bahawa *it will be an overnight solution, Rome was not build in a day*.

Jadi dalam soal ini kepada kita ialah daripada kita melihat tidak ada langsung dibuat kita usahakan dan *constructive engagement* adalah kaedah yang lebih mudah. Kalau dalam fikah pun, dalam Islam pun kata, [*Membaca sepotong ayat al-Quran*]. Kalau tidak boleh buat semua jangan tinggal semula. Jadi pendekatan yang dibuat oleh Malaysia ini sebenarnya Yang Berhormat telah mendapat pengiktirafan oleh OIC. Saya diberikan mandat untuk mengetuai delegasi di OIC. Dalam *resolution OIC*, salah satu daripada resolusi ialah *to command the government of Malaysia in initiating* tentang bantuan yang dihulurkan kepada minoriti Muslim di Myanmar ataupun di Rohingya.

#### ■1050

Ini memberi perlambangan bahawa apa yang kita usahakan memang sebenarnya ada kesan namun ia perlu lagi jangka masa panjang *and Malaysia alone will not be enough* kerana sebab itu saya sebut tadi dalam jawapan awal, ia memerlukan masyarakat antarabangsa secara keseluruhan. Akan tetapi, strategi kita, kita guna dua *track*, pertama, *we internationalize the issues, let the whole international community to have their eyes widely, open on what is happening in Rakhine*, benda itu menyebabkan *atrocities* terhenti.

Kemudian keduanya kita hendak *unimpeded humanitarian assistant* ke kawasan Rakhine, dulu susah hendak hantar, *Alhamdulillah* dapat dihantar bukan itu sahaja malahan kita dibenarkan duta kita untuk melihat sendiri. Ini adalah satu kejayaan yang kita tidak dapat nafikan dan kita harap dalam masa akan datang usaha-usaha yang dapat dilakukan boleh memberi impak yang lebih positif dalam menangani isu di Rakhine, terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab

soalan tadi, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Permatang Pauh yang seia dan sekata dengan saya dalam perjuangan ini. Terima kasih.

Dalam apa yang Menteri jawab tadi ini, saya amat tertarik kerana apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Permatang Pauh pun saya tertarik juga tapi untuk makluman Yang Berhormat Menteri sudah pernah ikut saya dalam misi tersebut. Kita bukan setakat ke Sittwe Rakhine State malah mereka ini berada di Mangdao daripada Mangdao mereka sudah jadi pelarian di Cox's Bazar, mereka sudah merentasi sungai sampai ke Bangladesh pada hari ini.

Di kesempatan ini saya hendak ucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Pekan yang telah mengambil inisiatif ini yang berani menghantar sebuah flotila yang mana 100 orang pemimpin PAS, 100 orang pemimpin UMNO di atas kapal tersebut. Terima kasih kepada Yang Berhormat Bachok, bersama-sama dengan saya dalam perjuangan tersebut.

Akan tetapi, apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh itu ada juga tempat soalan Yang Berhormat Permatang Pauh. *[Disampuk]* Dalam— saya hendak bagi tahu di sini saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah usaha kementerian Yang Berhormat Menteri untuk pergi mempengaruhi sahabat-sahabat rakan-rakan kita. Kita sudah buat yang terbaik, sudah yang macam Yang Berhormat Menteri sebut tadi sudah, tidak pernah mana-mana negara dibenarkan malah OIC pun tidak boleh pijak kaki dekat Rakhine State itu tapi dibenarkan negara Malaysia untuk pergi masuk ke kem itu membuat pengagihan makanan tersebut. Lebih 1,000 tan kita bawa bagi pengagihan makanan dan Menteri dia pun tunggu dan memberi penghormatan kepada kita.

Okey, sekarang ini apakah bantuan susulan, kaedah susulan yang mana kita boleh mempengaruhi negara-negara lain untuk sama-sama pergi untuk memberi bantuan. Usaha ini dipanjangkan lagi dan bukan setakat *one-off*, bukan setakat kita bagi makan, balik bagi makan balik dan apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Permatang Pauh tadi, macam mana kita hendak bantu mangsa-mangsa rogol, mangsa-mangsa ataupun bagaimana kita hendak bawa ke muka pengadilan, suami mereka disembelih, anak-anak mereka dibakar hidup-hidup, rumah mereka dibakar dan sebagainya.

Apakah usaha kementerian melalui Kerajaan Malaysia, khususnya Kerajaan Barisan Nasional bagaimana kita hendak lipat gandakan usaha yang telah digerakkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan di mata antarabangsa kita dilihat adalah pejuang. Kerajaan Barisan Nasional dilihat sebagai pejuang untuk memastikan kita dapat menjuarai di masa-masa akan datang.



Pada masa yang sama kepada Yang Berhormat Permatang Pauh, terima kasih kalau boleh lepas ini bagi tahu kepada anak-anak buah itu Yang Berhormat Bukit Katil ada, Yang Berhormat Ampang ada, semua ini *we have to walk the talk*, ikutlah kami pergi, kita pergi. Yang Berhormat Seputeh jangan bising dalam Dewan sahaja. Kalau berani mari ikut, kita pergi. Jadi ambil contoh macam PAS, PAS bagi 100 pemimpin dia ikut. Lepas ini saya minta Pakatan Harapan yang mana Kutty tidak Kutty, semua sekali kita pergilah sana untuk beri bantuan, terima kasih.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Panjang sungguh soalan dia. Macam itulah kalau Mamak tanya soalan. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang hendak jawab pun sama. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sekapal kah?

**Dato' Seri Reezal Merican:** Yang jawab ini kasta tinggi sikit. *[Ketawa]* Dia sebagaimana saya sebut tadi isu daripada awal pada soalan Yang Berhormat Permatang Pauh tadi bahawa isu Rohingya ini memang isu yang amat kompleks. Bukan mudah, bayangkanlah bila mana FFM ataupun *fact-finding missions* ini pun ditolak dan sebenarnya FFM ini bukan kali pertama dia tolak, di Burundi ditolak, Rwanda ditolak, Northern Korea ditolak, Syria ditolak. Maknanya FFM ini adalah satu usaha oleh badan antarabangsa Majlis Hak Asasi Manusia tapi terkadang-kadang ia akan terkekang kerana itu adalah hak *sovereignty right of the country*.

Cuma yang ada sekarang pada waktu ini adalah satu-satunya ruang yang kita lihat adalah *Advisory Commission of Rakhine State headed by Kofi Annan*. Untuk makluman, tadi lupa saya hendak maklumkan bahawa dalam penyediaan laporan mutakhir yang terakhir ini banyak cadangan-cadangan yang dibuat dan antara empat negara yang telah dipilih untuk menjadi rujukan adalah India, Thailand, Indonesia dan juga Malaysia. Oleh kerana, kita pada waktu ini mempunyai hubungan yang dalam keadaan baik, maka terdapat juga usaha-usaha yang masih lagi berjalan untuk menyalurkan bantuan.

Akan tetapi, usaha ini bukannya digerakkan oleh pihak kerajaan sahaja. Ini usaha ini digerakkan oleh pihak kerajaan bersama dengan NGO dan ada juga bersama dengan pihak media. So, pada saya bahawa tentang soal untuk melihat penyelesaian secara tuntas untuk berlaku di *Northern Rakhine State* ini ia memerlukan *political commitment* oleh *international community* secara keseluruhan. Sebab itulah seperti mana saya kata tadi kita *internationalize the issue* ini dulu sehinggakan ia diangkat oleh OIC.

Hari ini Setiausaha Agung OIC berada di Bangladesh akan melawat *Cox's Bazar* dan kemungkinan untuk mencari peluang dan ruang untuk juga melihat pelarian-pelarian Rohingya yang berada di sempadan. Ini sedikit sebanyak akan dilaporkan untuk disalurkan bantuan-bantuan, seandainya ada di kalangan negara OIC yang sanggup menyalurkan bantuan.

Kalaulah ini tidak diangkat di peringkat awal ketika mesyuarat tergepar pada bulan 1, tentulah permasalahan yang berlaku di *Rakhine State* ini tidak mendapat perhatian dunia. Jadi sebagaimana saya kata, Malaysia *alone* kita tidak boleh buat secara bersendirian. Kita perlukan rangkaian, *the international community* untuk bersama-sama dengan kita, terima kasih, cukup kah?

**3. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan bilangan akaun-akaun media sosial palsu yang telah disiasat dan dikenal pasti serta apakah tindakan penguatkuasaan dan undang-undang yang telah diambil untuk mengekang gejala penyebaran berita palsu dan fitnah.

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Simpang Renggam dan Yang Berhormat Sipitang pada 9 Ogos 2017 kerana menyentuh isu yang sama berkaitan dengan penyebaran berita palsu dan fitnah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan dalam menangani gejala penularan kandungan serta berita palsu di platform media sosial, laman sesawang dan internet amnya. Undang-undang yang sedia adalah Kanun Keseksaan, Akta Hasutan 1984, Akta Fitnah 1957 dan Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998, di mana Jabatan Peguam Negara akan menentukan peruntukan yang paling sesuai untuk tindakan pendakwaan.

Dalam tahun ini sahaja, pelbagai tindakan yang telah diambil ke atas hampir 2,000 akaun palsu yang telah dikenal pasti termasuk sekatan dan penutupan akaun. Untuk tindakan penutupan akaun, akaun-akaun palsu akan dilaporkan kepada pihak penyedia perkhidmatan media sosial yang kebanyakannya berada di luar negara seperti *Facebook* dan *Twitter* berdasarkan pelanggaran terma dan syarat yang ditetapkan oleh

mereka sendiri. Daripada 2,000 akuan palsu tersebut, hampir 75 peratus telah diambil tindakan dan selebihnya masih dalam siasatan.

■1100

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh Januari 2016 hingga Jun 2017 sebanyak 221 kes melibatkan media baru termasuklah media sosial, laman sesawang dan blog telah disiasat. Daripada jumlah tersebut, 19 kes telah dikenakan kompaun dan lima kes telah didakwa dan disabitkan kesalahan. Kerajaan juga telah menyediakan portal SEBENARNYA.MY bagi salah satu usaha menyokong inisiatif untuk menangani masalah penularan berita palsu. Aplikasi mudah alih juga sedang dibangunkan untuk portal tersebut untuk memudahkan proses pengaduan. Sementara itu orang awam boleh membuat aduan dan laporan menggunakan saluran sedia melalui *WhatsApp*, SMS, e-mel, telefon atau hadir sendiri di pejabat SKMM. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan sebentar tadi. Sebenarnya kita berasa bimbang kerana perkembangan sejak kebelakangan ini seperti dalam *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* banyak penyebaran palsu. Malah penyebaran palsu ini kadang-kadang boleh menjejaskan keamanan, keharmonian dan keselamatan negara.

Saya hendak tanya, soalan tambahan saya kepada kerajaan. Adakah kita sudah mengenal pasti siapakah *cyber trooper* yang beroperasi bagi pihak parti-parti politik dan juga mungkin daripada pihak pembangkang yang kerana kadang-kadang kita ada kepentingan politik dalam soal-soal tersebut. Saya hendak tanya satu soalan lagi. Adakah kementerian sedang atau sedia mempertimbangkan sebarang undang-undang baru yang *strong* dan *heavy* dalam mengekang penyebaran berita-berita palsu yang bermotifkan politik dan juga kebencian kepada rakyat seluruhnya. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya kita tidak bezakan individu yang menyebarkan berita palsu, sama ada dia pro kerajaan ataupun pro pembangkang. Kita akan tangani masalah ini berdasarkan ketetapan undang-undang. Kedua, kita juga memang mengkaji keseluruhannya peruntukan hukuman dalam Akta Komunikasi dan Multimedia untuk melihat bagaimana kita boleh tambah baik hukuman-hukuman tersebut. Kita juga ingin tentukan agar dalam kita mengendalikan perkara ini, kita juga harus terima hakikat bahawa ada di antara platform ini bukannya *hosted* di Malaysia tetapi di luar negara. Kita memerlukan kerjasama pengendali platform tersebut untuk menentukan agar mereka boleh mematuhi kehendak-kehendak kita daripada Malaysia.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang

Berhormat Menteri. Sebagaimana yang kita maklum, perkembangan media sosial, penggunaan media sosial negara kita ini amat pesat sehinggakan hampir lebih daripada 18 juta akaun *Facebook* terutamanya dan 13 jutanya yang aktif dalam sehari. Jadi persoalannya seperti mana yang dimaklumkan tadi ialah kerana wujudnya di sana penggunaan yang disalah gunakan, tidak kiralah daripada mana-mana pihak. Persoalan saya ialah bagaimana untuk yang diusahakan oleh pihak kementerian, dalam selain daripada kita mengenakan tindakan undang-undang iaitu kita perlu kepada soal pendidikan supaya ianya dapat dimanfaatkan untuk perkembangan sosial di negara kita.

Memandangkan di negara kita ini, hampir, setiap hari tiga jam pengguna *Facebook* yang menggunakan *Facebook*. Maka seandainya tidak ada langkah-langkah yang diambil selain daripada tindakan undang-undang, yang juga perlu diadakan tindakan dari segi program *educate* untuk kita melatih ataupun mendidik masyarakat negara ini supaya menggunakan media sosial ini benar-benar dia bersosial, bukan untuk bersial. Minta maaf, ya. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat di mana penting bagi kita mendidik masyarakat Malaysia tentang penggunaan media sosial ini. Kewujudan media sosial ini memang bertujuan baik. Pertamanya ialah untuk menentukan agar kita boleh mendapatkan maklumat yang terkini dan boleh berkongsi maklumat. Ia juga boleh melebarkan rangkaian kita.

Itulah sebabnya kita harus tentukan agar kita boleh bekerjasama dengan semua pihak di peringkat kementerian dan juga SKMM. Kita mempunyai banyak program untuk menentukan agar ini dapat dilaksanakan. Kita juga usahakan di peringkat sekolah, di peringkat institusi pengajian tinggi untuk memberi kesedaran kerana kita di Malaysia ini seperti mana Yang Berhormat katakan, hampir 21 juta penggunaan Internet.

Paling tertinggi ialah penggunaan *Facebook* dan juga *WhatsApp*. *WhatsApp* ini hampir 90 *percent*, 89 *percent* menggunakan *WhatsApp*. Kita antara yang tertinggi penggunaan *WhatsApp* di Malaysia ini. Masalah kadangkala kita apabila mendapat maklumat dalam *WhatsApp* ini, kita menjadi seolah-olah menjadi macam tabiat kita, kalau kita ada beberapa *group*, kita akan kongsi maklumat tersebut tanpa kita menentukan kesahihannya.

Itulah sebabnya kita mewujudkan di peringkat SKMM SEBENARNYA.MY. Tujuannya ialah untuk menentukan agar jika kita ada maklumat, kita kena periksa dahulu. Maklumat ini bukannya daripada kerajaan semata-mata. Kita juga banyak maklumat daripada kawan-kawan kita, daripada parti lawan di mana kita juga menyiasat dan tindakan-tindakan telah pun diambil. Kita ada data-datanya kerana dalam soal kita menangani masalah ini, kita harus lihat pendekatan yang *non-political* kerana ini adalah

untuk kepentingan rakyat Malaysia keseluruhannya. Kita ingin terlibat dalam soal masyarakat digital tetapi masyarakat digital ini ada juga kesan-kesan negatifnya kalau kita tidak hati-hati kerana kadangkala menjadi satu trend bagi kita, kita menjadi seronok kalau kita menyebarkan berita-berita yang tidak ada kesahihannya. Itulah pada pandangan saya, saya bersetuju proses untuk mendidik masyarakat itu amat penting kita utamakan. *Insyah-Allah* jika ada program-program mana-mana pihak pun yang bertujuan yang sama, kita boleh tentukan kita dapat bekerjasama dalam hal ini.

**4. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan pelan tindakan lengkap dengan langkah-langkah strategik untuk memperbaiki kedudukan Malaysia dalam indeks antarabangsa utama berkaitan daya saing, inovasi dan keusahawanan berasaskan teknologi serta sasaran jangka masa terdekat, pertengahan dan panjang.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Langkah-langkah strategik yang telah diambil dalam usaha memperbaiki kedudukan Malaysia dalam indeks antarabangsa berkaitan daya saing dalam jangka masa terdekat, pertengahan dan panjang adalah seperti berikut:

Dalam usaha menyalurkan maklumat prestasi daya saing Malaysia, pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia, *Malaysia Productivity Cooperation* (MPC) contohnya, telah pun menyediakan secara detil prestasi Malaysia dalam empat faktor dan 20 sub faktor serta indikator berkaitan dan telah diedarkan kepada semua Ketua Setiausaha kementerian dan agensi berkaitan untuk diambil tindakan.

Kedua, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) *Civil Service Delivery Unit*, JPM, PEMANDU dan MPC bekerjasama secara NBOS menyediakan analisis terperinci terhadap laporan daya saing antarabangsa dan mencadangkan penambahbaikan yang boleh segera dilaksanakan dalam tahun semasa. MPC telah mengadakan mesyuarat bersama 10 kluster yang terdiri daripada 19 kementerian.

Ketiga, mempergiatkan kerjasama di kalangan pelbagai agensi pembekal data dalam menyediakan data yang berkualiti kepada organisasi antarabangsa untuk memastikan ketepatan data.

Antara inisiatif jangka masa pertengahan, pertama, makmal bersama kementerian dan agensi yang berkaitan bagi merangka penambahbaikan ke arah menghasilkan anjakan besar dengan izin *quantum leap* dalam prestasi daya saing negara bagi laporan yang telah diputuskan di mesyuarat *Economic Council* pada 29 Mei 2017. Inisiatif ini diterajui oleh Ketua Setiausaha Negara. Makmal *quantum leap* akan

menjemput wakil daripada *World Bank* dan *IMB* yang antara lain akan memfokuskan kepada kajian amalan terbaik terhadap lima negara yang dijadikan tanda aras dan disuai padan.

Kedua, mendapatkan pakar-pakar teknikal daripada negara-negara yang ditanda aras untuk membantu Malaysia dalam membaiki prestasi daya saing seperti Switzerland dan Amerika Syarikat. Ketiga, meningkatkan kesamarataan antara sektor awam dan swasta dalam bentuk pasukan kerja seperti PEMUDAH dalam menjalankan usaha-usaha penambahbaikan ke arah mewujudkan persekitaran mesra perniagaan dan mengurangkan birokrasi beban peraturan.

#### ■1110

Untuk jangka masa panjang, inisiatif adalah seperti berikut; pertama ialah mempergiatkan usaha bagi meningkatkan produktiviti sebagai pemacu perubahan dengan izin, *game changer* yang mana daya saing adalah bergantung kepada prospek pertumbuhan ekonomi dan produktiviti dalam jangka masa panjang. Usaha untuk meningkatkan produktiviti telah dikenal pasti melalui lima teras yang digariskan dalam *Blueprint* Produktiviti Malaysia yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri. Sembilan subsektor telah dikenal pasti untuk melonjakkan produktiviti. Antaranya produktiviti *nexus* terdiri daripada:

- (i) peruncitan;
- (ii) F&B;
- (iii) elektrik elektronik;
- (iv) produk kimia;
- (v) mesin peralatan;
- (vi) pelancongan,
- (vii) agromakanan;
- (viii) teknologi maklumat;
- (ix) perkhidmatan profesional; dan
- (x) penjagaan kesihatan swasta.

Untuk memastikan pelaksanaan inisiatif di bawah dasar produktiviti ini, MPC bertanggungjawab sebagai pejabat pengurusan penyampaian atau *delivery management office* (DMO) yang memainkan peranan sebagai entiti yang cekap dan berorientasikan sebagai *outcome* untuk menyelaras, memantau, menilai pelaksanaan strategi produktiviti.

Terakhir ialah memperkukuhkan hubungan strategik dengan organisasi antarabangsa seperti WEF, IMD, OECD, INSEAD, IMF, *World Bank*, UNESCO, dan sebagainya bagi memastikan cadangan atau isu-isu dikemukakan di beri pertimbangan

dan tindakan yang sewajarnya. Di samping itu, kerjasama antara rakan institusi terutama di rantau Asia akan di perkukuhkan. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Terima kasih Timbalan Menteri kerana laporan yang diberi tapi saya dapati, apabila saya mengikuti perkembangan Silicon Valley, mengapa dia telah berjaya. Maknanya dia telah mempunyai satu *ecosystem* atau *environment* yang membolehkan percambahan inovasi dan keusahawanan kita untuk ingatkan kita Bill Gates, Steve Jobs, Hewlett Packard, *Google*, *Facebook*, semuanya lahir dalam keadaan yang tersebut. Jadi untuk menunjukkan bahawa Malaysia ingin mencapai ke tahap tersebut, boleh tak kita di terangkan di mana tempat di Lembah Klang ini yang kita anggap boleh menjadi Silicon Valley? Itu soalan yang pertama.

Kedua, apabila kita berbincang tentang keusahawanan, ada beberapa konsep yang perlu kita terima iaitu konsep berdikari bererti konsep *there is no free lunch*. Maknanya tidak ada benda yang kita buat dengan tidak ada pembayaran. Kemudian konsep *there is no subsidi*. Jadi kalau itu berlaku barulah kita boleh membangunkan negara kita ini menjadi negara usahawan yang boleh bersaing. Adakah perancangan ini, sudah ada dalam perbincangan yang begitu ramai yang telah di katakan di situ? Bagaimana usaha untuk membawa Malaysia kepada sistem berdikari ini? Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Tun Razak kerana memberikan dua perkara daripada pelbagai perkara diukur dari segi kita punya penarafan antarabangsa, yang pertama tadi tentang inovasi dan teknologi, kedua ialah tentang keusahawanan. Apa yang kita boleh nyatakan di sini bahawa tentunya Silicon Valley Malaysia ini ialah Cyberjaya dan Cyberjaya terus berfungsi sebagai pusat multimedia super koridor Malaysia. Pada 31 Mei 2017, Yang Berhormat Perdana Menteri telah merancang semula pembinaan Cyberjaya sebagai untuk masa depan dengan 11 projek kalau tidak silap saya yang akan menukar Cyberjaya kepada *smart city* dan *smart city* ini termasuklah untuk menjadikan sebagai *Asia big data centre* misalnya dan itu dari segi, ekosistem, inovasi dan teknologi yang kita boleh nyatakan di negara kita.

Dari segi daya saing keusahawanan, memang kita perlu usahawan yang daya saing yang boleh berdaya tahan dari peringkat antarabangsa tapi pada ketika yang sama apabila kita kata tiada subsidi secara total ia masih tidak boleh dilaksanakan kerana usahawan kita masih memerlukan bantuan dengan pelbagai tindakan yang telah pun diambil oleh pelbagai kementerian. Sebagai contoh semua kementerian sekarang ini sudah ada apa yang dipanggil sebagai bahagian pembangunan keusahawanan bumiputera di setiap 25 kementerian, kita masih lagi perlu membantu walaupun subsidi dalam bentuk yang lain di kurangkan tetapi dari segi bantuan, dari segi latihan, bantuan dari segi eksport misalnya supaya kita boleh berdaya saing ke luar negara, masih kita

tetap melaksanakan supaya kita boleh mampu berdaya saing dengan usahawan-usahawan di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya, adakah kementerian membuat kajian yang lebih terperinci mengenai kemahiran tepat, daya saing dan ruang niaga yang akan menjadi permintaan generasi TN50 dan juga permintaan dunia ketika itu iaitu tahun 2050. Ini penting bagi memastikan generasi negara ketika itu lebih bersedia untuk menghadapi inovasi yang menepati pendapatan jangka panjang dan generasi berpendapatan tinggi. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya kalau kita berpatah balik kepada soalan asal, dalam kita menghadapi masa depan TN50 sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar, di mana kedudukan Malaysia sekarang dari segi *World Competitiveness Yearbook* dengan izin, Laporan Tahunan Daya Saing Dunia. Malaysia nombor 24 daripada 63 tetapi di kalangan negara ASEAN, Malaysia nombor dua selepas Singapura. Ada dua lagi laporan utama dunia iaitu *Global Competitiveness Report* dengan izin yang dikeluarkan oleh *World Economic Forum*, yang pertama tadi di keluarkan oleh *Institute for Management Development Switzerland (IMD)*, Laporan Daya Saing Global ini pada tahun 2016-2017, Malaysia nombor 25 daripada 138.

Sekali lagi di Asian Malaysia nombor dua, itu kedudukan kita di ASEAN, sekali lagi nombor dua dan satu lagi yang di sediakan oleh *World Bank* atau Bank Dunia mengenai Laporan Menjalankan Perniagaan, *Doing Business Report* yang di keluarkan di Washington DC. Pada tahun 2017 kedudukan Malaysia ialah bernombor 23 daripada 190. Sekali lagi di ASEAN, Malaysia nombor dua.

Saya ingin menyatakan bahawa kedudukan kita di negara ASEAN selepas Singapura memanglah agak baik dan boleh lagi kita perbaiki kalau boleh jadi nombor satu. Kemahiran tepat sebagaimana di sebut Yang Berhormat Kuala Kangsar terutama untuk penyiapan TN50, MITI akan mengadakan juga sebagaimana kementerian lain, perjumpaan dengan anak-anak muda berhubung kait tentang apakah inspirasi mereka dari inovasi, dari segi teknologi, dari segi produktiviti, dari segi daya saing untuk 30 tahun yang akan datang dan kita akan juga mengumpulkan segala data dan maklumat hasrat mereka untuk masa yang akan datang Terima kasih.

**5. Dato Dr Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh mana usaha sama awam - swasta serta perjanjian antara kerajaan pada ketika ini bagi tujuan mempromosikan industri pelancongan kesihatan negara. Apakah inovasi mahupun perancangan masa panjang kementerian terhadap industri ini.



**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua Terima kasih kepada Yang Berhormat Lenggong. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini berkenaan dengan industri pelancongan kesihatan Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengenal pasti pelancongan kesihatan sebagai salah satu sektor penyumbang untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara. Malaysia mempunyai potensi yang sangat besar sebagai destinasi pelancongan kesihatan berdasarkan pelbagai faktor tarikan seperti kos perubatan kompetitif pakar perubatan yang berkelayakan dan bertaraf antarabangsa, sistem penjagaan kesihatan yang baik *facility* perubatan yang bertauliah antarabangsa, serta kemudahan perubatan yang canggih dan terkini.

Berikutan ini, Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia atau pun *Malaysia Healthcare Travel Council* (MHTC) ditubuhkan pada 2009 di bawah kementerian kesihatan untuk mempengerusikan dan memudah cara pembangunan industri pelancongan kesihatan Malaysia.

■1120

MHTC melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah jenama Malaysia Healthcare untuk meletakkan negara sebagai destinasi pilihan antarabangsa bagi penjagaan kesihatan melalui pelbagai kerjasama, perancangan dan pelaksanaan pemasaran antara pihak swasta dan Kerajaan Malaysia ataupun *public-private partnership* bersama MHTC, terutamanya hospital-hospital swasta dan agensi-agensi kerajaan di dalam dan di luar negara.

Kerajaan menyasarkan pendapatan melalui pelancongan kesihatan akan mencapai RM2.8 bilion setahun menjelang tahun 2020. Bagi mencapai aspirasi ini, MHTC memaparkan tiga pendekatan tunggal sebagai strategi untuk merencanakan inisiatif promosi dan pemasaran pelancongan kesihatan negara iaitu pemudahcaraan ataupun *facilitation*, pemasaran digital ataupun *digital marketing* dan kelestarian industri ataupun *industry sustainability*. Antara inisiatif jangka panjang yang telah di gariskan untuk pelancongan kesihatan Malaysia ialah:

- (i) Penjenamaan pelancongan kesihatan secara berterusan melalui kempen-kempen Malaysia Loves You;
- (ii) Memperluaskan aktiviti pemasaran melangkaui pemasaran tradisional iaitu Indonesia;
- (iii) Mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi untuk penjagaan kesihatan kepakaran dan sub kepakaran; dan
- (iv) Melancarkan kempen pemasaran yang berfokus agresif dan bersegi untuk menembusi pemasaran dengan lebih berkesan.

Inisiatif-inisiatif ini akan dilaksanakan oleh MHTC dengan usaha sama hospital swasta, syarikat-syarikat penerbangan, agensi-agensi seperti Tourism Malaysia, MATRADE serta Wisma Putra. Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha promosi yang dilaksanakan sehingga kini terbukti berjaya melalui pertumbuhan data pelancongan kesihatan yang menggalakkan serta pelbagai pengiktirafan antarabangsa yang memberi kesan yang amat positif kepada negara. Antaranya ialah Malaysia telah di anugerahkan sebagai destinasi pelancongan kesihatan oleh *International Medical Travel Journal* (IMTJ) yang berpusat di UK, sebanyak tiga kali berturut-turut pada 2015, 2016 dan 2017.

Prestasi pelancongan kesihatan menunjukkan peningkatan memberangsangkan dengan pertumbuhan sebanyak 23 peratus bagi *income* tahun 2016. Bagi tahun 2016, Malaysia telah merekodkan sejumlah RM1.123 bilion pendapatan yang dijana melalui 921,500 pelancong kesihatan. Pengumpulan data bagi tahun 2017 dijangkakan akan mencecah RM1.3 bilion iaitu peningkatan tahunan sebanyak 13 peratus bagi pendapatan yang dijana. Tuan Yang di-Pertua, purata pertumbuhan antara tahun 2011 sehingga 2016 adalah sebanyak lapan peratus bagi bilangan pelancong kesihatan dan 16.5 peratus bagi pendapatan ataupun *income* kepada negara, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan tahniah pada kerajaan kerana sebagai mana di laporkan tadi, Malaysia melakar kecemerlangan dalam bidang pelancongan, kesihatan dan perubatan kerana secara berturut-turut tiga tahun telah memenangi anugerah destinasi pelancongan kesihatan terbaik dan juga pada tahun 2017. Kalau ikut berdasarkan Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC), industri pelancongan perubatan berkembang 25 peratus pada tahun 2016 dan dianggar meraih RM1.15 bilion hasil daripada hospital.

Ini menunjukkan sesuatu yang amat baik sekali. Sejauh manakan peningkatan ini dan perkembangan dalam industri pelancongan ini dapat meningkat dan membangun prasarana, infrastruktur dan aplikasi teknologi hasil daripada perkembangan dalam bidang ini? Apakah impaknya yang boleh kita dapat dari segi pembangunan prasarana? Pembangunan teknologi dan sebagainya? Kemudian apakah kekangan yang dihadapi oleh kementerian dalam memastikan industri pelancongan kesihatan ini dapat terus kita kekal dan terus menjadikan Malaysia negara pilihan terbaik kepada masyarakat dunia?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita mendapat kerjasama sepenuhnya daripada pihak swasta ataupun hospital-hospital swasta. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, terdapat 78 buah hospital swasta yang terlibat dalam program ini yang berdaftar dengan pihak kita. Jadi— *sorry*. Jumlah *facility* swasta yang berdaftar, maknanya termasuklah 59 hospital, 12 pusat penjagaan *mobility*, 1 pusat penjagaan dialisis, 6 klinik pergigian dan kita sentiasa meningkatkan lagi jumlah tiap-tiap

tahun. Mereka sentiasa *upgrade* dia punya perkhidmatan dan yang penting ialah kita pihak MHTC mengadakan promosi yang amat agresif, Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini, jumlah yang fokus sekarang ini di Indonesia— kalau ikut jumlah *volume* ataupun jumlah pesakit - Indonesia, India, China, Japan, UK, Bangladesh, Philippines, Australia, Singapore, United States dan lain-lain, termasuk Europe, Tuan Yang di-Pertua. Satu angka— mereka dari UK pun datang sini, satu ribu contohnya, daripada US- 13, 000 datang ke Malaysia untuk rawatan.

Kita sentiasa mengadakan berbagai jenis promosi dan mendapat pelbagai *award*. Ini mendatangkan satu peningkatan dari segi publisiti, Tuan Yang di-Pertua. Contohnya, macam yang saya sebut tadi dalam jawapan asas *International Living* ataupun *Global Retirement Index* 2015, 2016, 2017, *Malaysia best country in the world for health tourism*, tiga tahun berturut-turut. Kemudian *International Medical Travel* pun dapat *award* 2016, berbagai-bagai Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian, *Global Health & Travel Consumers Choice* pun, berbagai-bagai *award* yang di terima oleh Malaysia. 2016, *Frost and Sullivan Asia Pacific Healthcare and Tourism Award*, kemudian ada lagi, *8th Annual World Medical Tourism & Global Healthcare Congress* pun dapat satu pengiktirafan, *MasterCard-CrescentRating Global Muslim Travel Index* pun kita diberi *award, top country for muslim travel* contohnya. *Readers Digest Asian Global*, kemudian berbagai-bagai lagi Tuan Yang di-Pertua, banyak. Ini mendatangkan satu peningkatan dari segi imej kita, sebab itu orang datang ke sini. Kedua, tentang *fee charges* yang dikenakan, kita *control*. Maksudnya, kita ada *fees schedule* kita dan pihak hospital tidak boleh caj lebih daripada itu.

Kita ada, contoh katakan lah apendiks RM3,000, tidak boleh lebih dan sebagainya. Jadi— tetapi sekarang ini oleh sebab permintaan daripada pihak swasta, kita benarkan mereka tambah lagi sedikit 35 *percent* daripada jadual yang telah di tetapkan. Yang mana ini di bawah kawalan. Cuma yang berbeza ialah tentang *facility* yang lain, bilik dan sebagainya, yang itu ada perbezaan. Jadi— dan Tuan Yang di-Pertua, di rantau ini cuma Malaysia sahaja yang kerajaan sendiri yang buat promosi *medical tourism* ini. Lain-lain negara, ia terpulang kepada hospital masing-masing. Akan tetapi di Malaysia, kerajaan yang mempromosikan. Jadi, kita akan teruskan walaupun bajet kita agak kurang sedikit tahun ini tetapi kita akan teruskan. Jadi, dengan kekurangan bajet, maka kita tidak dapat jalankan seperti yang telah dirancang dulu.

Walau bagaimanapun, oleh sebab nama kita sudah harum, ramai orang yang berminat mahu datang ke Malaysia, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah di atas beberapa anugerah yang diterima oleh pihak negara Malaysia dalam sektor perubatan ini, kesihatan, khususnya menarik ramai

pelancong untuk mendapat perubatan di negara kita. Dalam pada itu, adakah pihak kementerian sedar dan adakah pihak kementerian tidak bimbang apa yang berlaku di Amerika Syarikat pada hari ini dan di negara-negara yang membangun, di mana ketidakseimbangan *accessibility to health* oleh rakyat mereka oleh sebab keupayaan terbatas.

#### ■1130

Hari ini di Malaysia juga berlaku, contohnya di luar bandar, ubat tidak cukup di hospital-hospital, pakar-pakar pun tidak cukup untuk menangani keperluan masyarakat rakyat Malaysia tentang sektor kesihatan ini. Walaupun saya sedar itu penting bagi kita untuk mendapat hasil tapi dalam pada itu, keutamaan jangan di lupa iaitu untuk memastikan supaya rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan dan bimbingan, pertolongan daripada pihak pemerintah supaya mereka ini dengan izin, *accessible to health and affordable* yang mereka mampu untuk mendapat perubatan ini. Ini saya bimbang.

Hari ini di Amerika kita dapat lihat bagaimana *American have to go to Latin America, Mexico* untuk mendapat akses pergigian pun. Kalau kita tidak mengimbangi keadaan ini di mana pihak kerajaan memberi tumpuan kepada sektor perubatan, kemudahan kepada rakyat ini diutamakan— saya ingat Yang Berhormat perlu juga melihat keadaan ini jangan biarkan sehingga *it is market driven force* terlampau sangat. *It must be demand driven needed by the people in this country first*, yang menjadi keutamaan kita.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terkeluar sedikit daripada soalan asal tetapi tidak apalah, saya jawab.

Sebenarnya di Malaysia, perkhidmatan kesihatan kita sampai ke mana-mana walaupun bajet kita tidak seberapa, *only about 4.3 percent* daripada GDP termasuk pihak swasta, tetapi kita dapat sampaikan perkhidmatan kita kepada seluruh negara. Kita ada 146 buah hospital kerajaan, kita ada hampir 1,000 buah klinik kesihatan tahap satu sehingga tujuh dan kita juga mempunyai klinik desa, klinik ibu dan anak ada 2,000 di seluruh Malaysia, hampir tiap-tiap kampung ada di seluruh Malaysia.

Kita juga ada perkhidmatan *mobile clinic* melalui *four wheel drive, mobile bus* dan sebagainya hampir 300 *mobile clinic* pergi melalui jalan. Tidak cukup itu, kita ada juga *boat clinic* di Sabah, Sarawak. Ada *boat clinic*. Itu pun tidak sampai juga, kita hantar dengan helikopter. Kita ada 12 pasukan helikopter di seluruh Sabah dan Sarawak, dan di Semenanjung kita ada untuk Orang Asli, ada. Jadi, itu tidak ada masalah.

Dan jumlah doktor kita makin bertambah, Tuan Yang di-Pertua. Tahun sudah kita punya kadar doktor kepada penduduk kita satu kepada 660, sekarang dah makin kurang oleh kerana ramai yang dah balik daripada belajar, sekarang ini dah ada paling kurang

5,000 orang doktor baru yang termasuk yang balik ataupun yang dilatih di sini 5,000 setahun.

Selain daripada itu, ada juga latihan kita dari segi khidmat sokongan paramedik. Pun kita latih, kita ada 33 klinik. Kita teruskan usaha ini dan kita yakin tak lama lagi kita akan mencapai hasrat Perdana Menteri iaitu menurunkan kadar doktor kepada *population* iaitu satu doktor kepada 400 orang *population*, Tuan Yang di-Pertua. Jadi tidak timbul masalah. Yang pelancongan kesihatan, ia tumpu kepada pihak swasta, Tuan Yang di-Pertua, tidak termasuk pihak kerajaan. Terima kasih.

**6. Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]** minta Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi menyatakan status eksport minyak kelapa sawit kepada negara-negara di Benua Amerika dan Eropah sepanjang tahun 2016 sehingga Jun 2017 dan bagaimanakah sokongan dan penerimaan masyarakat mereka.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Hulu Langat.

Berdasarkan prestasi eksport minyak sawit dan produk-produk sawit sepanjang tahun 2016 hingga Mei 2017, Benua Eropah dan Amerika masing-masing berada di kedudukan ketiga dan keempat terbesar selepas Benua Asia dan Afrika. Pada tahun 2016, nilai eksport minyak sawit dan produk-produk sawit ke Benua Eropah berjumlah RM10.45 bilion iaitu 15.5 peratus daripada eksport minyak sawit dan produk-produk sawit pada tahun 2016. Sementara itu, pada tahun yang sama, nilai eksport minyak sawit dan produk-produk sawit ke Benua Amerika berjumlah RM5.25 bilion iaitu 7.8 peratus daripada eksport minyak sawit dan produk-produk sawit Malaysia pada tahun tersebut.

Bagi tempoh Januari hingga Mei 2017, sejumlah 1.35 juta tan minyak sawit dan produk-produk sawit bernilai RM4.81 bilion telah dieksport ke Benua Eropah iaitu 15 peratus daripada nilai eksport minyak sawit dan produk-produk sawit Malaysia untuk tempoh tersebut. Manakala 0.55 juta tan minyak sawit dan produk-produk sawit bernilai RM2.57 bilion atau lapan peratus daripada keseluruhan nilai eksport minyak sawit dan produk-produk sawit Malaysia dieksport ke Benua Amerika.

Tuan Yang di-Pertua, di Benua Eropah, negara-negara pengimport utama minyak sawit dan produk-produk sawit adalah Belanda, Itali dan Sepanyol. Di kalangan negara-negara di Benua Eropah, minyak sawit digunakan dalam industri makanan dan bukan makanan terutamanya bio diesel. Secara amnya, minyak sawit dan produk-produk sawit Malaysia diterima baik oleh negara-negara di Benua Eropah walaupun terdapat beberapa cabaran seperti tanggapan negatif terhadap sawit yang berkait

dengan isu alam sekitar, kemapanan serta isu berkaitan keselamatan makanan dan nutrisi. Ini menunjukkan bahawa penerimaan terhadap minyak sawit semakin meningkat di kalangan pengguna di Eropah sungguh pun terdapat kempen anti minyak sawit di rantau tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baru-baru ini keputusan mahkamah rayuan di Brussels, Belgium telah berpihak kepada Syarikat Ferrero iaitu pengeluar produk sapuan coklat yang dihasilkan dengan minyak sawit berjenama iaitu Nutella. Mahkamah telah memutuskan supaya Syarikat Delhaize menghentikan komunikasi tuntutan yang tidak tepat mengenai penggunaan minyak sawit pada label sapuan coklatnya. Mahkamah juga bersetuju dengan hujah-hujah yang diutarakan oleh pihak Ferrero bahawa dakwaan kononnya produk tanpa minyak sawit adalah lebih baik untuk alam sekitar dan mempunyai nilai pemakanan yang lebih baik berbanding dengan produk yang dihasilkan dengan minyak sawit adalah menyalahi undang-undang.

Keputusan ini telah membolehkan Syarikat Ferrero meningkatkan penggunaan minyak sawit dalam keluarannya di samping menerokai pasaran-pasaran baru. Ini akan meningkatkan imej minyak sawit di Eropah dan seterusnya membolehkan peningkatan eksport produk sawit ke benua tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di Benua Amerika pula, Amerika Syarikat, Brazil dan Kanada merupakan negara-negara pengimport utama minyak sawit Malaysia. Seperti di Eropah, minyak sawit digunakan dalam industri berasaskan makanan dan bukan makanan. Walaupun Amerika Syarikat dan Kanada merupakan antara pengeluar utama minyak sayuran seperti minyak kacang soya dan minyak sesawi ataupun *rapeseed*, minyak sawit Malaysia diimport disebabkan oleh kualiti yang tinggi, harga yang kompetitif dan sebagai bahan untuk diformulasikan dalam produk berasaskan makanan.

Penggunaan minyak sawit di Amerika Syarikat terus menunjukkan peningkatan berikutan penarikan semula status *generally recognized as safe* untuk lemak terhidrogenasi ataupun *hydrogenated fat* yang akan berkuat kuasa pada pertengahan tahun 2018.

Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya akan terus bekerjasama dalam menangani isu-isu berkaitan sawit dan memperkukuhkan imej produk-produk sawit Malaysia di Benua Eropah dan Amerika demi melindungi kepentingan industri sawit negara. Sekian, terima kasih.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian dan kerajaan kerana sekurang-kurangnya persepsi bahawa minyak kelapa sawit kita ini tidak berkualiti, mungkin dari segi nutrisinya, tetapi sekarang sambutannya mungkin baik. Seperti mana saya pernah sebut, ada program dalam televisyen

menunjukkan bahawa warganegara Amerika dan Eropah sendiri telah pun membuat kempen mengatakan bahawa minyak kelapa sawit ini baik untuk kesihatan.

■1140

Soalan tambahan saya, selain daripada Amerika dan Eropah, manakah lagi negeri-negeri yang mengimport, dalam perkataan lain Malaysia mengeksport minyak kelapa sawit ke negara mereka dalam kuantiti yang besar? Kalau saya melihat dari segi statistik 2012, mungkin ini terkebelakang, sebanyak 17.58 juta tan kelapa sawit dieksport. Sedangkan ada maklumat daripada PORIM, seluas 4.49 juta hektar tanah di Malaysia boleh menghasilkan 17.73 juta tan. Jadi bermakna apa yang dihasilkan seolah-olah semua dieksport. Bagaimana penggunaan dalam negeri? Adakah cukup untuk pengeksport-pengeksport yang kecil juga terlibat dalam mengeksport kelapa sawit ke luar negara? Terima kasih.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Langat. Satu soalan yang amat baik. Malaysia mengimport kepada hampir seluruh dunia minyak kelapa sawit. Sebenarnya minyak kelapa sawit itu mempunyai rekod yang baik dan segala laporan-laporan kesihatan juga menunjukkan bahawa tuduhan-tuduhan yang mengatakan bahawa minyak kelapa sawit ini adalah tidak baik untuk kesihatan sebenarnya tidak benar. Pakar-pakar kesihatan dan nutrisi juga di negara-negara Eropah dan Amerika membuktikan bahawa minyak kelapa sawit ini adalah baik untuk kesihatan. Selain daripada Amerika dan Eropah, pembeli yang terbesar ialah Benua Asia dan juga Benua Afrika. Ini adalah sebenarnya sebahagian besar daripada eksport Malaysia ini dihantar ke China dan juga India. India adalah negara yang mengimport terbesar di seluruh dunia minyak kelapa sawit daripada Malaysia.

Jadi unjuran pada tahun ini untuk pengeluaran minyak kelapa sawit adalah lebih kurang 20 juta, itu hanya anggaran sahaja. Sebanyak 20 juta untuk tahun ini, 20 juta tan ya. Manakala tahun lepas adalah 17.5 juta tan. Jadi adalah dianggarkan bahawa tahun ini akan meningkat. Sebenarnya tahun lepas pengeluaran menurun. Jadi tahun ini adalah tahun yang agak lebih baik dan mungkin akan dapat 20 juta tan pada tahun ini.

Jadi sebenarnya Malaysia tidak juga terlalu mengharapkan mengeksport semua minyak kelapa sawitnya disebabkan ialah sebenarnya apabila kita mengeksport ke luar negeri, maka harga tidak boleh stabil. Dia berpandukan kepada permintaan-permintaan daripada luar negara dan kadangkala ini disebabkan masalah-masalah dalaman luar negara ini, maka mereka mengurangkan pengimportan dan bermacam-macam masalah lain.

Jadi Malaysia untuk menstabilkan harga minyak, Malaysia berusaha untuk menggunakan sebahagian besar daripada minyak kelapa sawit ini di dalam negara. Satu daripadanya ialah sekarang minyak diesel mempunyai tujuh peratus minyak kelapa sawit ya, minyak diesel. Kita berusaha untuk memperkenalkan apa dinamakan V10 iaitu kita meningkatkan lagi penggunaan minyak kelapa sawit dalam minyak diesel sehingga 10 peratus iaitu V10. Jadi sekarang ia sedang diusahakan. Kalau itu berlaku, maka banyak lagi penggunaan minyak kelapa sawit dalam negara dan ini akan membantu menstabilkan harga minyak kelapa sawit.

Selain daripada itu juga banyak kajian, banyak lagi penemuan-penemuan yang dibuat oleh saintis-saintis daripada MPOB. Satu daripada penemuan ialah saintis MPOB telah mendapati bahawa minyak sawit boleh digunakan untuk menghasilkan santan sawit yang saya telah cuba, rasanya sama sekali dengan santan daripada kelapa. Kita biasanya kita gunakan santan daripada kelapa tetapi saintis-saintis di MPOB telah menghasilkan santan sawit yang sama rasa dia, sama bau dia dengan santan kelapa. Jadi ini adalah satu penemuan yang baik dan sedang diusahakan untuk diperkenalkan di negara ini dan juga dijual di luar negara. Banyak lagi penemuan-penemuan yang telah dibuat oleh saintis-saintis daripada MPOB. Semua ini bertujuan untuk memastikan bahawa minyak kelapa sawit digunakan di negara ini supaya dia boleh membantu menstabilkan harga minyak sawit. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya Kesatuan Eropah telah melihat kepada contohnya SDG 2015-2030, *Paris Agreement* di COP21 dan juga *Amsterdam Declaration* dan sebagainya dalam menyatakan resolusi EU. Yang mana kalau ia diluluskan di Parlimen di sana, akan mendatangkan dua isu utama kepada kita iaitu pengeluaran sawit yang mampan seratus peratus dan juga penghapusan hutan. Saya ingin bertanya pada kementerian, apakah kesannya kepada pekebun kecil dan sederhana terhadap resolusi EU ini? Bagaimana kerajaan hendak bantu pekebun kecil? Sejauh manakah R&D bagi industri sawit mampu menjawab isu penghapusan hutan ini? Terima kasih.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Bagan Serai. Sebenarnya resolusi yang telah diluluskan oleh *European Parliament* itu sebenarnya belum lagi menjadi undang-undang, belum lagi *legal*. Jadi dia belum lagi boleh dikuatkuasakan. Mungkin pada penghujung tahun ini *European Commission* akan bermesyuarat untuk berbincang sama ada resolusi ini boleh diterima untuk menjadi undang-undang atau tidak.

Sebenarnya kita juga mendengar perbincangan-perbincangan di *European Commission* ini bahawa mereka mempunyai pandangan-pandangan yang berbeza. Bukan semuanya bersetuju dengan resolusi itu sebab mereka juga berpendapat bahawa



resolusi ini *single out palm oil* berbanding dengan minyak-minyak *vegetable* yang lain. Jadi itu adalah tidak *fair*, tidak adil. Ini sebab kalau mengikut WTO, ini tidak boleh kita mengasingkan satu produk berbanding dengan produk-produk lain sebab minyak kelapa sawit adalah *vegetable oil* dan *vegetable oil* ini banyak. *Soy bean* juga *vegetable oil*, *rapeseed* juga *vegetable oil*, *sunflower* juga *vegetable oil*. Jadi ini juga menjadi masalah. Jadi mereka tidaklah— bukanlah satu saluran yang *straight forward* untuk mereka meluluskan resolusi itu sebab ia kalau diluluskan dengan perkataan yang ada sekarang ini, maka dia melanggar *World Trade Organization* (WTO) punya peraturan. Jadi itu juga satu pertimbangan yang harus mereka lakukan.

Jadi berhubung dengan kesan resolusi ini kepada pekebun-pekebun kecil, memanglah amat tidak baik sebabnya resolusi-resolusi ini menggunakan syarat-syarat yang begitu *stringent* untuk pekebun-pekebun kecil. Mungkin syarat-syarat ini boleh digunakan, boleh dipatuhi oleh syarikat-syarikat besar seperti Sime Darby dan lain-lain tetapi sebagai pekebun-pekebun kecil, maka ia menjadi satu masalah. Akan tetapi ini diatasi Malaysia dengan memperkenalkan *Malaysia Sustainable Palm Oil* (MPSO) berbanding dengan yang digunakan di Eropah iaitu *Roundtable on Sustainable Palm Oil* (RSPO) yang syarat-syaratnya dikenakan oleh Eropah sendiri, *manufactures* di Eropah. Sedangkan MSPO ini adalah diperkenalkan oleh Malaysia dan syarat-syaratnya diperkenalkan oleh Malaysia sendiri berpandukan kepada *environment* di negara ini yang mematuhi undang-undang kita tetapi juga yang akan diterima oleh Eropah sebagai satu *certification* yang boleh dipakai. Jadi...

**Timbalan Yang Di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Panjang lagi Yang Berhormat?

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Ya, hendak habislah ini. Jadi sebenarnya tidak, Malaysia berusaha sedaya upaya untuk memastikan pekebun-pekebun kecil kita ini akan terpelihara dan terjamin masa depan mereka. Sekian, terima kasih.

#### ■1150

**7. Dato' Sri Haji Abdul Manan Ismail [Paya Besar]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan jumlah unit lampu jalan kampung yang akan dipasang di seluruh negara terutama di Parlimen Paya Besar menerusi Projek Lampu Jalan Kampung Fasa 8 (LJK8) di bawah peruntukan RM100 juta yang diumumkan dalam Bajet 2017.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Paya Besar, bagi pelaksanaan Program Lampu Jalan Kampung (LJK) tahun 2017 seluruh negara, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyasarkan

pemasangan sebanyak sekurang-kurangnya 100,000 unit LJK di lebih 15 buah kampung di seluruh negara.

Bagi pemasangan LJK di Parlimen Paya Besar, sebanyak 332 unit LJK telah dimohon dan sedang dipasang di 53 buah kampung yang melibatkan kawasan-kawasan DUN Pancing, DUN Lepar dan DUN Sungai Lembing. Kos bagi pemasangan ini adalah sebanyak RM160,688. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Haji Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita sedar bahawa penggunaan lampu LED dan HPSV ini sangat tinggi, adakah kerajaan bercadang untuk menukar lampu ini kepada solar kerana solar ini bersesuaian dengan cuaca di negara kita dan lebih murah daripada LED ataupun HPSV.

Keduanya boleh kementerian meluluskan peruntukan sebanyak RM1.5 juta untuk menambah lampu jalan dari Gambang ke Kuantan kerana ini persimpangan masuk ke Bandar Kuantan. Terima kasih, tidak banyak pun.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Yang Berhormat ada dua soalan ataupun ada cadangan yang pertama ataupun soalan adakah kita bercadang untuk mengganti sistem PSV ini dan LED kepada sistem solar, ini adalah perkara begitu besar sekali untuk dipertimbangkan. Sebenarnya kalau hendak mengambil kira itu sesungguhnya secara mendalam, secara teliti kajian sepatutnya dibuat terlebih dahulu sebab yang pentingnya kita hendak pastikan bukan sahaja dari segi kos akan tetapi liabilitinya yang mesti juga kita pastikan sebab Projek Lampu Jalan Kampung ini adalah begitu penting bagi golongan ataupun masyarakat di luar bandar.

Soalan tadi bolehkah di peruntukan satu angka ataupun jumlah yang begitu banyak, yang dipohon oleh Yang Berhormat Paya Besar. Saya tidak dapat menjawab secara boleh atau tidak dalam pada masa sekarang dan kalau itu adalah permohonan daripada Yang Berhormat Paya Besar, saya cadangkan Yang Berhormat boleh majukan cadangan supaya ia boleh di pertimbangkan. Sekian, terima kasih.

**8. Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]** minta Menteri Pendidikan menyatakan status pelaksanaan program Dwi Bahasa (DLP) di seluruh negara dan kekangan-kekangan yang dihadapi dalam program tersebut.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai atas soalan tersebut. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, *Dual-Language Program*, dengan izin ataupun DLP adalah satu program pengukuhan bahasa Inggeris berasaskan pilihan sekolah dengan permintaan dan persetujuan ibu bapa di bawah Dasar Memartabatkan

Bahasa Malaysia Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI). DLP memberi pilihan kepada sekolah-sekolah yang memenuhi kriteria untuk mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris selain daripada bahasa Melayu, bagi mata pelajaran Matematik dan juga Sains. Kriteria ditetapkan adalah seperti berikut:

- (i) sekolah mempunyai sumber yang mencukupi;
- (ii) pengetua atau guru besar dan guru bersedia melaksanakan DLP;
- (iii) permintaan dan sokongan daripada ibu bapa; dan
- (iv) pencapaian sekolah dalam mata pelajaran bahasa Melayu.

Sehingga kini, terdapat 1,214 buah sekolah yang melaksanakan DLP. Daripada jumlah ini 394 merupakan sekolah di luar bandar yang terdiri daripada 218 sekolah rendah dan 176 sekolah menengah manakala di kawasan bandar pula, DLP dijalankan oleh 367 sekolah rendah dan 453 sekolah menengah.

Permintaan yang tinggi daripada ibu bapa untuk penyertaan anak mereka di dalam program DLP memerlukan lebih ramai lagi guru yang berkebolehan untuk mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia sedang melaksanakan kursus dalam talian bagi memberi sokongan *proficiency* dan *instructional* bahasa Inggeris kepada guru-guru sains dan matematik. Di samping itu, buku teks sains dan matematik telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris serta bahan bantuan mengajar yang lain disediakan di semua sekolah DLP untuk membantu guru dan melaksanakan program DLP dengan lebih berkesan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. PPSMI dengan izin, *as good as back* lah ya. Saya melihat di dalam maklumat yang dibagikan oleh kementerian ini di dalam Dewan ini dan di dalam internet. Pemilihan sekolah-sekolah ini berdasarkan kepada permintaan ataupun persetujuan ibu bapa, jadi ada orang yang bertanya sama ada permintaan ini berdasarkan majoriti ataupun asal ada sahaja permintaan maka kita menerima. Saya tidak ada masalah tentang itu kerana kalau di pihak ibu bapa, di mana-mana sekolah, berasa sangat-sangat tidak bersetuju, tentulah persatuan ibu bapa atau melalui persatuan ibu bapa mereka, mereka membuat bantahan.

Jadi, saya membuat *assumption*, dengan izin bahawa *parent* menerima. Tetapi satu laporan seperti yang disebut oleh Menteri tadi, permintaan yang tinggi terhadap latihan pengajaran mata pelajaran dalam bahasa Inggeris dari sudut pedagoginya kerana kekurangan persediaan. Sama ada ini adalah benar atau tidak saya kurang pasti. Tetapi kalau kita berdasarkan PPSMI dulu sudah ada latihan ini, apakah punca mengapa masih ada lagi kekurangan guru-guru yang boleh mengajar dalam bahasa Inggeris dan mata

pelajaran ini yang boleh memberikan kesan terhadap kelicinan program DLP. Terima kasih.

**Datuk P. Kamalanathan a/I P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Program DLP seperti mana yang saya katakan sebentar tadi merupakan program yang akan diminta oleh ibu bapa dan sokongan ibu bapa dan harus ada sekurang-kurangnya 15 orang pelajar-pelajar yang mohon dalam program DLP ini. Sekiranya dalam satu aliran Tahun 1 ada 70 pelajar dan hanya 17 minta DLP, maka akan ada dua aliran. Satu kelas DLP, satu tanpa DLP.

Tidak ada gangguan dalam proses pembelajaran dan pengajaran, yang pertama. Kedua, guru-guru kita memang ada guru-guru untuk makluman Yang Berhormat setakat ini guru-guru yang telah dilatih dalam program PPSMI ini telah pun diarahkan untuk membantu dalam kelas-kelas DLP ini di seluruh negara. Setakat ini kita ada 4,783 orang guru yang mempunyai kelayakan memenuhi segala keperluan untuk mengajar DLP dalam sekolah-sekolah yang telah memohon dalam 1,214 buah sekolah.

Seperti mana yang telah saya maklumkan sebentar tadi, dalam program melaksanakan kursus dalam talian untuk memberi sokongan *proficiency* dan *instructional* pula setakat ini kita telah pun melatih 2,792 orang guru lagi dan daripada 2,792 ini, 1,204 untuk sekolah rendah dan 1,588 untuk sekolah menengah.

Ini menunjukkan kita di Kementerian Pendidikan Malaysia bersedia untuk meningkatkan lagi sekolah-sekolah yang memohon DLB ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1200

**9. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan dilaksanakan oleh kementerian bagi mencapai tahap Langkawi sebagai Pulau Rendah Karbon seperti pelancaran oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2015 dalam program "*Langkawi Low Carbon Island 2030*".

**Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Langkawi. Untuk pelan jangka panjang, pembangunan Langkawi sebagai pulau rendah karbon, satu pelan yang komprehensif diperlukan menjurus kepada pembangunan pelbagai sektor dalam ekonomi. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sedang dalam usaha mendapatkan kerjasama Kementerian Kewangan melalui Lembaga Pembangunan Langkawi atau LADA untuk mendapatkan peruntukan untuk penyediaan modul dan pelan strategik pulau rendah karbon berkenaan.

Model dan pelan strategik ini amat penting untuk memastikan pelaksanaan tindakan bagi Pulau Langkawi. Model ni, model bagi Pulau Langkawi adalah langkah awal kerajaan yang memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak untuk memastikan kejayaannya. Kita juga dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kedah telah mengadakan taklimat berkenaan *Low Carbon Cities Framework* atau LCCF kepada pegawai-pegawai Majlis Perbandaran Langkawi, bandar raya pelancongan. LCCF adalah merupakan garis panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan iaitu PBT dalam perancangan pembangunan perbandaran rendah karbon.

Tindakan ini untuk memberi pendedahan dan kesedaran berkenaan kepentingan dan kelebihan konsep bandar rendah karbon dalam usaha untuk mengurangkan kos operasi dan impak negatif alam sekitar kepada mana-mana PBT. Kementerian kita juga berusaha untuk menyebarkan amalan budaya hidup hijau dan peningkatan kesedaran aplikasi teknologi hijau di kalangan penduduk melalui penganjuran Karnival Hijau anjuran Yayasan Hijau Malaysia. Pelbagai aktiviti telah diadakan semasa karnival tersebut dalam usaha untuk mendidik masyarakat menghayati dan menghargai alam sekitar, sekali gus mengubah cara hidup yang lebih mesra alam dan lestari.

Kerajaan di bawah *Rolling Plan 2*, Rancangan Malaysia Kesebelas telah meluluskan peruntukan sebanyak RM4.5 juta bagi melaksanakan program rintis teksi elektrik di Pulau Langkawi, e-teksi dan Program Kesedaran Penggunaan Kenderaan Elektrik bagi tempoh dua tahun iaitu bagi tahun 2017 dan 2018. Kita yakin, kerjasama erat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah dan masyarakat setempat dalam perkara ini akan mencapai kejayaan untuk menjadikan Pulau Langkawi sebagai pulau rendah karbon yang akan menjadi contoh kepada pulau-pulau lain di negara kita. Terima kasih.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak kementerian dan kerajaan kerana memilih Langkawi sebagai satu projek *Low Carbon Island* yang akan memberi impak yang cukup positif kepada Pulau Langkawi sebagai pulau pelancongan di rantau ini. Saya juga amat berterima kasih kerana penyediaan model *master plan* untuk pelan strategik bagi membina *Langkawi Low Carbon* pada masa hadapan.

Untuk makluman kita semua bahawa sekarang ini bekalan elektrik di negara kita ini, saya difahamkan kebanyakannya daripada *fossil fuel* iaitu gas, arang batu dan juga minyak. Daripada hasilnya itu dihantar ke Langkawi sebanyak 130 megawatt. Makna kata dengan pembakaran gas ini akan mengeluarkan gas *carbon dioxide* yang banyak. Untuk mengurangkan *carbon dioxide* di Langkawi daripada 130 megawatt ini, kalaulah kita dapat daripada *solar energy* sebanyak 50 megawatt maka kita mencapai 40 peratus

seperti rancangan kerajaan untuk mengurangkan *carbon dioxide* pada tahun 2020 sebanyak 40 peratus.

Jadi dengan adanya solar, ia akan dapat membantu mencapai matlamat *Low Carbon Island* di Langkawi. Sekarang ini saya difahamkan kerajaan telah pun memberi 1 megawatt dan beroperasi di Langkawi solar panel di bawah kementerian kita sekarang ini.

Jadi soalan saya ialah, sekiranya matlamat kita untuk mengurangkan karbon di Langkawi dengan 50 megawatt akan dapat mengurangkan 40 peratus daripada penggunaan *electric carbon* CO<sub>2</sub> di Langkawi. Berapakah jumlah kuota yang Yang Berhormat Menteri *allocate* untuk Langkawi bagi mencapai agenda *Low Carbon Island* pada tahun 2030 untuk Pulau Langkawi bagi *solar system*.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Seperti mana yang disentuhkan tadi, penggunaan tenaga di Pulau Langkawi keseluruhannya menggunakan 105 megawatt. Ini maklumat yang saya terima tadi daripada pihak TNB walaupun Yang Berhormat menyentuh 135 megawatt. Jumlah pembayar bil adalah 36,000 keseluruhan.

Pihak kementerian sedia maklum bahawa antara satu sektor yang kita perlu beri perhatian daripada segi mengurangkan *emission* CO<sub>2</sub> di pulau ini dan menjadikannya *Low Carbon Island* adalah dari segi penggunaan tenaga. *Transport* seperti mana yang saya katakan tadi, kita hendak mulakan dengan e-teksi 40 biji dahulu dengan sokongan kerajaan. Pada masa yang sama, ada kira-kira 1,000 buah teksi. Jadi mudah-mudahan, *roll out* daripada program ini akan menarik perhatian bagi pemegang-pemegang teksi untuk menukar kepada teksi elektrik. Memanglah dengan sokongan, insentif yang perlu digubal secara menyeluruh.

Dari segi penggunaan tenaga, 1 megawatt telah kita anugerahkan kepada usahawan sebelum ini menggunakan skim *feed-in tariff*. Juga pada saat ini adalah terbuka untuk mana-mana pihak menyertai program *large scale solar*. Ini adalah *open bidding* dengan izin, *name your price* dan sebenarnya kami telah pun meneliti jika ada permohonan-permohonan daripada Pulau Langkawi untuk memasang *large scale solar*. *Large scale solar* ini antara 5 megawatt sampailah 30 megawatt bagi tahun ini. Baru tutup minggu yang lalu dari segi *submission*. Kita harap ada dari Pulau Langkawi yang akan *success* di dalam *bidding proses* ini.

Akan tetapi pada masa skim yang pertama itu, yang bulan Mac lalu dan tahun lalu tidak ada yang *qualified* dengan izin kerana antaranya adalah kos dan tanah dan juga amat sukar untuk mendapat tanah yang luas. Kalau 5 megawatt pun 5x5 pun 25 ekar. Kalau 10 megawatt pun mahu 50 ekar.

Mudah-mudahan ada dan kami akan beri perhatian sebagai sebahagiannya untuk menjamin supaya *portion*, sebahagian daripada peratusan daripada tenaga yang digunakan di Langkawi itu adalah daripada tenaga yang boleh diperbaharui ataupun *renewable*. Nanti pihak kita perlu bincang dengan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Terima kasih Yang Berhormat. Tamat sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:**  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Sebelum itu saya mohon izin untuk mengalu-alukan kehadiran rombongan warga kerja Blue Archipelago Sdn. Bhd. ke Dewan yang mulia ini.

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG SETEM (PINDAAN) 2017**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Setem 1949; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

■1210

### **RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN) 2017**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dan untuk memperluaskan peruntukkan tertentu ordinar itu ke negeri Sabah dan Sarawak dan bagi mengadakan peruntukkan mengenai perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]; di baca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG BANTUAN GUAMAN (PINDAAN) 2017****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****12.10 tgh.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua saya mencadangkan...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Peraturan mesyuarat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat. Peraturan mesyuarat berapa?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Peraturan Mesyuarat 18. Ya, semalam saya telah hantar satu usul kepada pejabat Tan Sri Speaker di bawah Peraturan Mesyuarat 18. Pagi ini saya telah terima jawapan daripada Tan Sri Speaker beliau telah menolak. Usul saya adalah tentang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Sekejap, sekejap, biar saya jelas!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat sila duduk...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Usul saya adalah tentang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, sila duduk...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** ...Hutang 1MDB kepada IPIC.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, bagi saya peluang. Saya...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Hutang ini daripada duit rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, sila duduk!

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Alasan Tan Sri Speaker...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, sila duduk!

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Biar saya habis dulu!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** ...Saya faham ada peraturan 18(1) Yang Berhormat.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya...



**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya pun nak *respond* apa yang disebut oleh Yang Berhormat.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, ya. terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, sila baca surat yang dikeluarkan oleh Pejabat Speaker Yang Berhormat...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, saya bacakan! Saya bacakan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Saya bacakan

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat!

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tan Sri Speaker kata...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tan Sri Speaker kata 1MDB telah diambil tindakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat sila duduk!

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Apa tindakan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat sila duduk

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** ...Belum bayar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Peraturan Mesyuarat 18(1) Yang Berhormat, setelah ditolak 18(7). Yang Berhormat tengok Yang Berhormat, kalau ditolak 18(7) baca pula Peraturan 18(8) Yang Berhormat. Baca sekali di bawah Peraturan 99 Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu terpaksa kami...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat! Yang Berhormat, kalau bangun lagi mengganggu urusan Mesyuarat. Yang Berhormat, saya mintak Yang Berhormat keluar, Yang Berhormat...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** ...Kalau begitu terpaksa kami...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat sila duduk, Yang Berhormat! Yang Berhormat!

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** ...Pergi mahkamah untuk mencari jawapan seperti Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat sila duduk. Bentara, sila jalankan tugas! Sila jalankan tugas.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Yang Berhormat Gelang Patah, isu yang sama saya tidak layan Yang Berhormat Gelang Patah.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Ya, dalam peraturan yang dibangkitkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gelang Patah sila duduk, saya sudah buat *ruling*. Ya sila.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Apa *ruling* itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Sebab itu Yang Berhormat, kita duduk dalam Dewan ini dengar betul-betul. Saya sudah sebut 18(1) bila ditolak bawah 18(7) baca di bawah 18(8) Yang Berhormat. Lepas itu baca bersekali di bawah Peraturan 99. Okey, Yang Berhormat Gelang Patah sila duduk.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Peraturan mesyuarat, point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gelang Patah sila duduk, saya sudah buat *ruling*. Okey Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Saya belum...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Isu yang sama Yang Berhormat!

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Belum dengar lagi... [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Saya belum buat apa-apa perkara, mana boleh buat *ruling*! Kenapa boleh ada *ruling*?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gelang Patah, saya tahu isu yang sama Yang Berhormat hendak mengutarakan.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Tidak! Salah! Salah! Saya mahu Peraturan Mesyuarat 14...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Peraturan Mesyuarat berapa Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Peraturan 18, Peraturan 14.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Sama, Peraturan 18 saya sudah sebut tadi

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Peraturan 14.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Peraturan 14, apa dia?

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** *Order of business.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Saya mahu tanya kenapa *item* dalam *Order Paper* hari ini No. 39, satu usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puchong mengenai 1MDB pun begitu bawah dan patutlah ada **parliamentary convention** di mana usul ini dibahaskan oleh sebab setiap kali Tuan Yang di-Pertua kata Peraturan 99 dan Peraturan 43 bahawa keputusan Tuan Yang di-Pertua tidak boleh dicabar selain daripada ada satu usul untuk *review*. Apabila kita ada satu usul untuk *review*, tidak ada bahas. Patut ada satu *parliamentary convention* di mana Tuan Yang di-Pertua ada bertanggungjawab dengan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya usul ini dibahas. Kalau tidak, tidak guna Tuan Yang di-Pertua sebut perkara 43 atau 99, itu satu '*dead letter*' dan itu pun mengenai peraturan tadi mengenai 18 bahawa apabila dikemukakan bahawa cabar, boleh cabar. Akan tetapi usul tidak dibahaskan dan tentu kenapa di dalam dewan ini Tuan Yang di-Pertua mahu jadi sebahagian *financial scams* dan IPIC *settlement* itu satu *financial scams*. Itu *financial scams executive, financial scams* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kenapa Tuan Yang di-Pertua mahu jadi *financial scams* terhadap Parlimen, terhadap rakyat.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri datang semalam kata bahawa bukan tidak upaya. Bukan kerajaan atau 1MBD tidak upaya untuk bayar. *Technical point* sahaja. Tetapi kenapa kita mahu bayar? Kerajaan kata sudah bayar, 1MBD sudah bayar. Tak perlu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Sekarang kata bukan *technical*. Itu *scams*, itu *financial scams*, kita boleh bahas dalam dewan ini? Kenapa Parlimen? Kenapa Tuan Yang di-Pertua menjadi *part of the financial scams against Members of Parliament, against* rakyat Malaysia! Itulah, jawab!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Yang Berhormat. Yang Berhormat menggunakan peraturan di bawah Peraturan 14, sengaja Yang Berhormat hendak ambil peluang untuk berucap Yang Berhormat. Saya faham ini taktik orang lama berpengalaman Yang Berhormat. Orang lama patut tunjuk teladan. Cuba baca pula – nanti Yang Berhormat, saya...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Oleh sebab dulu Tuan Yang di-Pertua tidak ada menjadi *financial scams*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gelang Patah...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Dulu *financial scams*, itulah sebab! Itulah masalah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Inilah masalahnya Yang Berhormat Gelang Patah. Bila Yang Berhormat bercakap saya duduk diam dengar dengan teliti. Cuba baca. Yang Berhormat tanya Yang Berhormat Menteri, berapa buku Yang Berhormat baca satu hari? Peraturan 14, Peraturan 15 cuba baca. Aturan-aturan Mesyuarat, *business* kerajaan hendaklah didahulukan. Sebab itulah kita banyak lagi... Yang Berhormat saya belum habis lagi Yang Berhormat. Aturan Urusan Mesyuarat, berapa lagi rang undang-undang yang hendak kita bentang, yang hendak kita bahas, yang hendak kita putuskan. Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri.

**12.17 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Bantuan Peguam (Pindaan) 2017 dibacakan kali kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan bantuan guaman diberikan oleh kerajaan melalui Jabatan Bantuan Guaman yang telah ditubuhkan kira-kira 40 tahun yang lalu. Sepanjang tempoh tersebut Jabatan Bantuan Guaman telah banyak membantu golongan yang kurang berkemampuan mendapat akses kepada keadilan melalui pengendalian kes di mahkamah dan khidmat nasihat undang-undang yang diberikan. Bagi memastikan kelestarian Jabatan Bantuan Guaman dan perkhidmatan yang diberikannya lebih berimpak dan kekal relevan kepada masyarakat, beberapa transformasi perlu dilaksanakan.

Sehubungan dengan itu, satu Jawatankuasa Pemandu untuk mentransformasikan Perkhidmatan Bantuan Guaman di Malaysia yang dipengerusikan oleh saya telah ditubuhkan 29 Ogos 2016 bagi mengkaji pendekatan baru terhadap Perkhidmatan Bantuan Guaman supaya ianya dapat diselaraskan. Seterusnya Jabatan Bantuan Guaman juga telah mengadakan Konvensyen Bantuan Guaman 2017 pada 20 Jun 2017 yang lalu dan sesi *engagement* antara Jabatan Bantuan Guaman dengan

kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan. Ini termasuk juga Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada proses konsultasi tersebut cadangan pindaan kepada Akta 26 telah dibentangkan dalam Jemaah Menteri pada 19 Julai 2017 dan pada Jemaah Menteri bersetuju terhadap cadangan kepada pindaan-pindaan tersebut. Pertama, cadangan pindaan untuk memasukkan takrif Akta 26. Tujuan pindaan ini adalah untuk memperjelaskan bentuk bantuan guaman yang diberikan di bawah Akta 26. Ini penting untuk mengelakkan kekeliruan sama ada sesuatu perkhidmatan itu berada di bawah skop bantuan guaman. Cadangan kedua adalah untuk menghadkan bantuan guaman hanya kepada warganegara Malaysia.

Cadangan ketiga adalah untuk menambah baik ujian yang diguna pakai pada masa ini supaya ia selaras dengan dasar semasa kerajaan dalam memastikan bantuan hanya diperuntukkan kepada kumpulan sasar yang benar-benar layak untuk diberi bantuan guaman yang dibiayai oleh wang awam.

#### ■1220

Cadangan pindaan yang keempat pula adalah menstruktur semula peruntukan mengenai fi pendaftaran. Cadangan pindaan yang kelima adalah untuk memperkenalkan perkhidmatan pendampingan guaman kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa kepada kesalahan yang ditetapkan di dalam Jadual di bawah akta. Bagi permulaannya, kesalahan yang telah dikenal pasti ialah semua kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang diperuntukkan dalam mana-mana undang-undang bertulis. Ia juga melengkapi penubuhan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak yang membicarakan kesalahan-kesalahan seksual selaras dengan Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 dan atau perundangan sedia ada yang lain berkaitan.

Fungsi pendampingan guaman ini antara lain adalah untuk membantu kanak-kanak yang menjadi mangsa atau penjaganya memahami situasi yang dihadapi dan hak mereka di sisi undang-undang. Pendampingan guaman juga berperanan mendapatkan maklumat mengenai pertuduhan menemani orang yang dibantu dalam mana-mana prosiding di mahkamah dan menasihati orang yang dibantu dalam tindakan sivil.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan pada Akta 26 adalah daripada fasal 1 hingga 12 seperti yang terkandung dalam naskhah biru rang undang-undang yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, secara seluruhnya dari segi ekonomi, Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) 2017 ini merupakan sebahagian daripada pelan induk untuk mentransformasikan perkhidmatan bantuan guaman dalam negara kita,

selain untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian bantuan guaman yang diberikan oleh Jabatan Bantuan Guaman.

Kerajaan juga dapat menyelaraskan pemberian perkhidmatan bantuan guaman dengan bantuan-bantuan yang diberikan kepada golongan-golongan tertentu seperti eKasih, BR1M dan di bawah B40. Sehubungan dengan itu, Menteri juga mempunyai kuasa untuk menetapkan kadar fi dan sumbangan yang berpatutan dalam perundangan subsidiari supaya ia lebih fleksibel berdasarkan keadaan ekonomi semasa pemohon dan untuk dibelanjakan bagi maksud mentadbir khidmat bantuan guaman yang diberikan oleh Jabatan Bantuan Guaman. Dari segi sosial, kerangka perundangan pindaan ini juga lebih bersifat *neutral* dalam menjaga kepentingan kanak-kanak yang menjadi mangsa kesalahan jenayah seksual. Tambahan pula golongan kanak-kanak ini sewajarnya diberi perlindungan dan perhatian kerana golongan ini merupakan bakal pewaris yang akan menerajui negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Bantuan Guaman 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** [*Bangun*]

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** [*Bangun*]

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, ambil perhatian dahulu sebelum membahas. Ini pindaan kepada akta. Jadi, perbahasan itu khususkan kepada pindaan itu sahaja. Kelmarin saya mendengar perbahasan kepada pindaan suatu rang undang-undang tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat berhujah melingkupi segala akta kepada pindaan sahaja. Saya sekarang ini akan tengok kepada peraturan mesyuarat. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sengaja untuk *creating a* persepsi di luar sana bahawa segala tindakan Speaker dan Timbalan Speaker adalah tidak mengikuti peraturan mesyuarat. *It is a perception, you are creating a perception outside, you politicized the* peraturan mesyuarat. *So, let's play by the game.* Sila, Yang Berhormat Beruas.

**12.23 tgh.**

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya membahas tentang akta meminda Akta Bantuan Guaman 1971. Tuan Yang di-Pertua, memang ini saya harap tidak dikatakan di luar tajuk. Akan tetapi

saya hendak katakan bahawa perlunya pindaan kepada akta ini hendaklah lebih luas. Oleh kerana sudah sampai masanya skop bantuan guaman ini diperluaskan. Oleh kerana di negara kita ini sekarang ada lebih kurang 16,000 peguam yang didaftarkan dengan Majlis Peguam Malaysia dan ramai lagi graduan-graduan undang-undang yang bukannya ahli kepada Badan Peguam Malaysia.

Ini bermaksud, kita sekarang ini ada berapa puluh ribu graduan undang-undang. Akan tetapi akhir-akhir ini didapati dikatakan terlalu ramai peguam-peguam yang tidak cukup kes atau kerja yang hendak dikendalikan. Ramai tidak hendak jadi peguam kerana memang tidak lagi lumayan ataupun mendapat pendapatan yang mencukupi untuk mereka menceburi diri dalam bidang guaman ini.

Keadaan sekarang ini ialah peguam-peguam yang terkemuka dan mereka yang pakar dalam sesuatu guaman itu boleh dibayar sampai ratusan ribu ringgit untuk satu kes, ada juga yang sampai lebih daripada RM1 juta. Keadaan yang ekstrem lagi ialah ada peguam-peguam yang membuka firma guaman mereka tetapi tidak ada kes ataupun tidak dapat anak guaman yang mencukupi. Oleh kerana di bawah amalan sekarang, peguam-peguam tidak boleh *advertised*, dengan izin, kepakaran mereka ataupun firma-firma mereka. Jadi, cadangan saya ialah supaya kita menggemblengkan semua peguam-peguam ini yang memang layak tetapi tidak mempunyai kerja-kerja yang cukup, digunakan untuk menolong ramai rakyat yang perlukan bantuan guaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan bahawa pihak kerajaan menggunakan sistem yang sedia ada ini melalui, dengan izin, *court or government appointed lawyers* untuk kes-kes yang, dengan izin, *capital punishment*. Di mana kerajaan akan menetapkan satu kadar, sungguhpun rendah daripada yang dikenakan ataupun yang peguam-peguam pakar ini memerlukan anak guaman mereka membayar harga yang tinggi, saya cadangkan supaya ada satu *scale* yang berpatutan, di mana peguam-peguam ini boleh menampung kos mereka dan mendapat sedikit gaji daripada kerja-kerja yang dijalankan.

Oleh kerana pada masa sekarang ini, skop bantuan guaman yang diberikan oleh Malaysian Bar dan juga oleh pejabat-pejabat bantuan guaman kerajaan adalah terlalu, dengan izin, *very narrow* dan adalah untuk kes-kes yang tidak begitu *complicated*. Jadi, itulah sahaja cadangan saya. Kalau boleh kita- bagi mereka yang sangat miskin memang kita masih berikan kes-kes secara percuma, dengan hanya bayaran nominal. Akan tetapi bagi mereka yang mampu, kita adakan *scale* yang munasabah.

Semua peguam-peguam yang hendak mendapat kerja guaman ini boleh berdaftar dengan pihak kerajaan. Kerajaan bolehlah, dengan izin, *assigned* peguam-peguam ini untuk mengendalikan kes-kes yang perlukan bantuan guaman. Akan tetapi bantuan guaman sekarang ini, kalau skop dibukakan lebih luas, ianya bukannya bantuan

guaman yang percuma tetapi dengan kadar yang berpatutan. Ini untuk memastikan lebih ramai orang yang tidak mampu menggaji peguam yang mengenakan bayaran yang tinggi juga mendapat peguam yang pakar dalam sesuatu bidang guaman itu.

Saya rasa kalau ini dilaksanakan, keadilan akan lebih ditegakkan dan lebih ramai lagi orang akan mendapat bantuan guaman ini. Oleh kerana ada juga peguam-peguam sekarang ini kerana prihatin dengan keadilan, mereka menjalankan tugas *pro bono*, tanpa mengenakan apa-apa bayaran.

#### ■1230

Malahan, ramai juga peguam yang mengeluarkan wang sendiri untuk *disbursement* untuk sesuatu kes itu hinggakan mereka rugi dari segi kewangan apabila menegakkan keadilan. Saya rasa satu sistem di mana mereka yang membuat *pro bono* ini boleh di-*reimbursed*, dengan izin, *disbursement* ataupun *expenses* yang mereka keluarkan untuk menolong mereka yang perlukan bantuan guaman.

Jadi, itulah harapan saya, satu sistem yang lebih komprehensif yang dengan izin, *affordable* dan juga peguam yang berlebihan ini pun boleh mendapat kerja dan mengendalikan kes-kes. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

#### 12.31 tgh.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam negaraku Malaysia. Terima kasih saya ingin ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) 2017 ini.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah saya terutamanya kepada pihak kerajaan yang sentiasa komited dalam menyediakan khidmat litigasi atau *litigation*, dengan izin, merangkumi memberi bantuan dan nasihat guaman serta perkhidmatan pengantaraan kepada mereka yang tidak berkemampuan.

Di Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua, kita ada dua agensi. Pertama ialah Jabatan Bantuan Guaman yang rang undang-undang pada hari ini kita bahaskan. Kedua ialah Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan, yang mana yayasan ini adalah berkait rapat dengan mungkin ruang dan peluang mana-mana peguam yang ingin terlibat untuk menghadirkan diri membantu khususnya mereka yang memerlukan khidmat bantuan dan ada sedikit fi yang dikenakan.

Cuma, apa yang kita lihat dari segi konteks perbahasan pada hari ini, iaitu berkait rapat dengan akta atau rang undang-undang pada hari ini iaitu melibatkan pindaan



Jabatan Bantuan Guaman atau JBG. Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Bantuan Guaman yang sentiasa berusaha untuk memberikan kesedaran undang-undang terutamanya kepada masyarakat dengan cepat, tepat dan berkesan.

Hal ini diakui melalui pelbagai program iaitu Program Kesedaran Masyarakat Jabatan Bantuan Guaman yang sedang giat berjalan dan ini jelas menunjukkan bahawa pihak kerajaan khususnya Jabatan Bantuan Guaman ingin memberikan khidmat literasi guaman atau undang-undang dalam usaha menyediakan platform kepada mereka yang memerlukan khidmat bantuan guaman.

Di kesempatan ini, saya ingin menyeru kepada Jabatan Bantuan Guaman sudilah hadir ke Parlimen saya, Parlimen Kuala Selangor, setidaknya untuk memberikan khidmat nasihat khususnya bagi mereka yang tidak berkemampuan khususnya dalam mendapatkan maklumat terkini khususnya dalam bidang guaman.

Tuan Yang di-Pertua, kita sama-sama sedar bahawa setiap tahun terdapat banyak kes sivil mahupun kes jenayah yang berdaftar di mahkamah. Selain daripada pihak mahkamah, pendakwa raya dan peguam bertungkus-lumus mahu menyelesaikan segala bentuk kes-kes yang baru yang didaftarkan, dan pihak-pihak ini juga sedaya upaya cuba menyelesaikan kes-kes tertunggak demi memastikan kes-kes ini diputuskan dengan seadil-adilnya.

Pada masa ini, saya ingin mengucapkan juga syabas dan tahniah kepada Badan Kehakiman Negara kerana telah berjaya menyelesaikan, saya lihat dari segi statistik terkini, 95 peratus kes tertunggak membabitkan kes sivil dan *criminal* dalam tempoh yang ditetapkan di semua mahkamah di seluruh negara setakat Mei 2017.

Dalam kepesatan kes-kes yang didaftarkan di mahkamah ini sama ada baru atau lama, semua pihak yang terlibat mahu menuntut keadilan. Dalam masa yang sama juga, jangan kita lupa masih ada golongan yang mahu menuntut keadilan di mahkamah tetapi tidak mampu berbuat demikian dek kerana masalah kekangan kewangan yang mereka hadapi. Bagi yang cakna, mungkin mereka sedar bahawa khidmat bantuan guaman ini boleh dimohon kepada Jabatan Bantuan Guaman dengan menghadirkan diri ke mana-mana Program Kesedaran Masyarakat JBG atau Jabatan Bantuan Guaman atau di mana-mana mahkamah yang dibuka kaunter permohonan.

Harus diingat, kehadiran seorang peguam yang kompeten dapat memastikan sesuatu perbicaraan tersebut berjalan dengan adil dan saksama dalam apa jua kes. Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, kos guaman yang tinggi merupakan batu penghalang kepada proses mencapai keadilan dalam mana-mana sistem perundangan.

Tuan Yang di-Pertua, bila merujuk kepada pindaan rang undang-undang Akta Bantuan Guaman 2017 ini, saya akan menyentuh tiga elemen sahaja daripada beberapa elemen yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, bila saya melihat dari segi keperluan meminda Akta Bantuan Guaman pada hari ini, ia melihat kepada elemen memperkukuhkan aspek khidmat bantuan guaman yang lebih baik. Melihat pada rang undang-undang yang dibahaskan, saya amat yakin ia akan memberikan satu gelombang yang positif kepada semua rakyat yang layak untuk menerima khidmat ini. Tujuan rang undang-undang ini amat jelas yang mana untuk memperkukuhkan aspek pelaksanaan khidmat bantuan guaman ke arah menyediakan khidmat litigasi, dengan izin, *litigation* yang lebih baik.

Melihat kepada fasal 3 dalam peruntukan pindaan rang undang-undang pada hari ini, ia memperlihatkan bahawa secara jelas ia menyatakan senarai khidmat bantuan guaman yang disediakan oleh Jabatan Bantuan Guaman iaitu dalam kes jenayah, dalam tindakan sivil, pengantaraan, pendamping guaman dan nasihat guaman. Penjelasan di dalam akta ini akan memperjelaskan lagi skop perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Bantuan Guaman bagi mengelakkan kekeliruan.

Melihat kepada statistik setakat suku tahun pertama 2017, antara 50 peratus hingga 70 peratus kes yang dikendalikan oleh Jabatan Bantuan Guaman merupakan kes syariah yang kebanyakannya adalah kes tuntutan cerai. Kes sivil kekeluargaan juga majoritinya terdiri daripada kes penceraian sivil membentuk antara 25 hingga 30 peratus. Melihat kepada statistik ini, kebanyakan kes yang dikendalikan, pada hemat saya, oleh Jabatan Bantuan Guaman kebanyakannya kes-kes penceraian.

Justeru itu, pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dibentangkan pada hari ini jelas menunjukkan dan ingin kita menekankan bahawa peranan Jabatan Bantuan Guaman sebenarnya lebih luas skopnya dari segi akta dan tidak hanya tertumpu kepada kes-kes cerai sahaja. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perlu digerakkan promosi, mungkin maklumat secara tuntas di peringkat akar umbi, bukan hanya dipaparkan secara iklan ataupun maklumat di mahkamah semata-mata. Tetapi saya akui, mungkin ada kekangan di peringkat Jabatan Bantuan Guaman, tetapi kalau boleh diperbesarkan melalui sistem teknologi ke peringkat akar umbi supaya rakyat lebih mengetahui khidmat-khidmat yang dinyatakan dalam Akta Bantuan Guaman ini bagi memastikan rakyat mengetahui peranan mereka khususnya dengan Jabatan Bantuan Guaman.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dari segi pindaan akta ini. Saya ingin merujuk kepada pindaan seksyen 29 yang menggantikan perkataan "*orang yang bermastautin*" kepada "*warganegara*". Di sini saya lihat dengan pindaan ini

menunjukkan bahawa khidmat guaman Jabatan Bantuan Guaman hanya boleh diterima oleh warganegara Malaysia sahaja. Tambahan lagi, pindaan ini juga akan menambah baik ujian kemampuan untuk menyediakan khidmat kepada golongan yang benar-benar layak dibantu.

Ternyata, pada hemat saya, perubahan ini amat penting agar peranan Jabatan Bantuan Guaman ini akan lebih sesuai dengan perkembangan semasa masyarakat masa kini.

#### ■1240

Perubahan ini juga selari dengan objektif penubuhan Jabatan Bantuan Guaman seperti mana termaktub dalam Akta Bantuan Guaman 1971 yang memperuntukkan bahawa yang mana penubuhan ini adalah untuk membantu golongan yang tidak berkemampuan dalam mendapatkan bantuan guaman. Saya yakin dan percaya pihak Jabatan Perdana Menteri akan menyediakan satu garis panduan kelayakan yang standard bagi membolehkan rakyat yang benar-benar layak menerima bantuan daripada Jabatan Bantuan Guaman.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga. Saya juga ingin melihat antara transformasi yang ditunjukkan dalam pindaan khususnya Akta Bantuan Guaman hari ini ialah khidmat pendamping guaman. Saya melihat pindaan ini berfungsi untuk mengadakan satu peruntukan bagi khidmat pendamping guaman bagi kanak-kanak yang merupakan menjadi mangsa mana-mana kesalahan jenayah sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual Kelima Akta Bantuan Guaman 1971. Peruntukan pendamping guaman ini pada hemat saya adalah sebagai suatu kesinambungan kepada mahkamah jenayah khas yang mengendalikan kes-kes jenayah seksual melibatkan kanak-kanak serta Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang telah diluluskan dalam Dewan yang mulia ini. Justeru, ia merupakan satu inisiatif yang *complement* atau memenuhi undang-undang yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya mangsa ini diwakili oleh pegawai pendakwa dan juga peguam bela bagi mendapatkan keadilan. Namun kanak-kanak sebagai mangsa, khidmat bantuan guaman ini akan membantu menasihati keluarga mangsa mengenai proses undang-undang, membantu mangsa untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan pertuduhan terhadap orang tertuduh dalam mana-mana prosiding jenayah dan pendamping ini juga boleh mendampingi mangsa dalam prosiding dan boleh bercakap bagi pihak mangsa dengan kebenaran yang diberikan oleh mahkamah seperti yang dinyatakan dalam seksyen 29(1)(a) hingga (d). Sebagai contoh, antara negara yang menggunakan khidmat pendamping guaman atau *legal companion* ialah negara India, yang mana saya lihat ini merupakan satu khidmat pendamping guaman ataupun *legal companion* kepada kanak-kanak yang merupakan

mangsa kepada jenayah seksual. Ternyata khidmat pendamping guaman ini adalah satu khidmat yang pada hemat saya boleh diterima pakai dan dilaksanakan di negara kita.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membicarakan mengenai jenayah seksual kanak-kanak, banyak kes yang berlaku melibatkan mereka. Kita lihat baru-baru ini kita digemparkan dengan kes seorang bapa yang tergamak mencabul kehormatan anak perempuan sendiri manakala bapa saudara dan rakannya telah merogol mangsa yang sama. Tertuduh-tertuduh sudah pun dijatuhi hukuman yang mana bapanya dipenjarakan setahun setengah. Bapa saudara mangsa pula telah dijatuhkan hukuman penjara selama 36 tahun dan 30 sebatan bagi tiga pertuduhan merogol manakala rakannya dipenjarakan 30 tahun dan sembilan sebatan terhadap kesalahan yang sama. Bapa saudara mangsa dan rakannya didakwa merogol mangsa sejak berusia sembilan hingga sebelas tahun.

Merujuk kepada pindaan tersebut Tuan Yang di-Pertua yang dijadikan sebagai satu elemen dalam topik perbahasan saya pada hari ini dan kes ini dijadikan contoh sekiranya masih terdapat kes-kes seumpama ini. Mangsa seterusnya boleh mendapatkan khidmat pendamping guaman agar kanak-kanak dan penjaganya sedikit sebanyak akan mendapat penerangan dari sudut undang-undang mengenai kes mereka termasuk akta dan hukuman. Khidmat ini juga boleh dimohon seurus selepas laporan polis dibuat. Saya amat yakin khidmat pendamping guaman ini sedikit sebanyak akan memberikan satu sinar kegembiraan, keyakinan dan juga keutuhan kepada mangsa dan penjaganya dalam mendapatkan keadilan bagi diri mangsa.

Saya melihat pindaan yang masukkan perkataan “pendamping” ini merupakan satu elemen yang saya amat puji kerana setidak-tidaknya kita harus membela mangsa-mangsa khususnya kanak-kanak yang telah mengalami satu trauma daripada kes-kes ini.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat, boleh? Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat, saya mendengar dengan teliti hujah-hujah Yang Berhormat. Yang Berhormat arif bahawa akta ini dipinda untuk warganegara Malaysia sahaja. Yang Berhormat juga telah menyentuh mengenai kanak-kanak, menyebut tentang pendamping guaman. Persoalan saya adalah secara khusus di mana tadi Yang Berhormat juga telah menyatakan bahawa bantuan guaman ini diberikan untuk kes-kes cerai. Situasi sekarang ialah katakan kes cerai berkaitan dengan kanak-kanak dan kita tahu kahwin daripada bukan warganegara Malaysia adalah berleluasa.

Sekarang bila ada situasi kanak-kanak yang memerlukan bantuan guaman bukan warganegara Malaysia. Bagaimana akta ini akan membantu kerana kita sudah letak satu klausa sekarang mengatakan ia kepada warganegara Malaysia sahaja? So,

kita ada situasi-situasi yang mana warganegara asing walaupun bermastautin di Malaysia memerlukan bantuan guaman. Dari sudut kanak-kanak pun boleh, dari sudut orang dewasa pun boleh. Bagaimana akta ini mengharungi keadilan dan kebenaran? Pada pandangan saya, ia perlu berlandaskan kepada pendapatan seseorang dan keadilan yang perlu diberikan kepada seseorang bukan semata-mata hanya berpandukan kepada kewarganegaraan sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Kuala Selangor, sikit mengenai pendamping guaman. Boleh, Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya sikit kepada Yang Berhormat Kuala Selangor. Apa beza pada pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor antara pendamping guaman dan juga peguam ini? Ini kerana saya percaya nanti akan timbul konflik ataupun timbul perkara-perkara yang bertentangan. Khidmat pendamping mungkin bagi pandangan lain, peguam ada pandangan lain. Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor untuk memastikan perkara ini tidak timbul di kemudian hari? Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar dan terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Perkara pertama yang ingin saya— mungkin sefahaman saya boleh menyatakan apabila merujuk kepada pindaan ini, menghadkan kepada warganegara Malaysia. Mungkin daripada perkiraan Jabatan Bantuan Guaman, ada wujud perkara-perkara yang berkaitan dengan fi ataupun khidmat bantuan guaman yang memerlukan sedikit sebanyak intervensi membantu khususnya warganegara Malaysia yang memerlukan bantuan. Saya akui bahawa dalam soal keadilan, kita tidak boleh membezakan tetapi dalam konteks rang undang-undang ini ialah satu elemen penambahbaikan dan juga prosedur. Setidak-tidaknya setiap perkara yang dilakukan, keutamaannya kepada warganegara Malaysia. Jadi ini sedikit sebanyak tetapi proses itu boleh berjalan kerana di mahkamah itu terbuka. Cuma dari segi kaedah prosedur, mungkin ia menjurus kepada fi-fi dan mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan secara detil lagi dari segi struktur ini. Ini kerana pada pembacaan saya, ia berkait rapat dengan kaedah yang mana dari segi pindaan ini adalah untuk mengkhususkan pembelaan dan bantuan khidmat guaman kepada warganegara Malaysia.

Perkara kedua mengenai pendamping guaman. Saya melihat dari segi fungsi pendamping guaman dan juga fungsi peguam. Daripada segi pendamping guaman yang dinyatakan dalam inti pati ataupun falsafah pindaan seksyen ini adalah untuk menasihati penjaga atau pelindung orang yang dibantu dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis mengenai perkara undang-undang untuk mendapatkan

maklumat yang berhubungan dengan pertuduhan terhadap orang tertuduh dalam mana-mana prosedur jenayah yang mana orang yang dibantu merupakan mangsa, untuk mendampingi orang yang dibantu dalam mana-mana prosiding di mahkamah dan dengan kebenaran mahkamah bercakap bagi pihak orang yang dibantu.

■1250

Seterusnya saya lihat dari segi konsep pendamping guaman yang diamalkan di negara India ialah untuk menasihati penjaga atau pelindung orang yang dibantu yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan apa-apa tindakan sivil yang boleh dibawa atau dimulakan dengan orang yang dibantu jika ada. Pada hemat saya, ianya merupakan satu kaedah memastikan bahawa walaupun saya akui ada peguam, tetapi dalam konteks pendamping guaman ini untuk memastikan bahawa dari segi apa yang ingin diberikan adalah bukan sebagai fi atau *professionalism*nya bukan sebagai peguam tetapi mereka yang mempunyai ilmu undang-undang. Ini mungkin satu perkara yang sebagaimana yang saya lihat pembacaan saya dari segi apa yang saya maksudkan tentang pendamping guaman.

Jadi ini saya rasa suatu elemen untuk memastikan kanak-kanak tersebut setidaknya mendapat khidmat pendamping guaman yang mana sedikit sebanyak dari segi *procedural* nya ia bukan dalam mahkamah tetapi setidaknya maklumat itu sampai kepada mangsa tersebut.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat?

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Ya, sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berbicara tentang pendamping guaman ini Yang Berhormat, mereka bukan sahaja terhad untuk memberikan nasihat guaman, tetapi mereka juga boleh menyertai dalam prosiding mahkamah. Di situlah akan wujud konflik *interest* ataupun *conflict of facts* yang hendak dikemukakan dan sebagainya yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Katil tadi. Kalau sekadar memberi nasihat guaman, saya rasa itu masih lagi boleh diselaraskan. Akan tetapi, apabila seseorang pendamping guaman ini menyertai prosiding mahkamah, di situ sudah ada dua pihak yang sedang mewakili mangsa-mangsa dalam kes-kes tersebut. Itu yang menyebabkan kita kluatir sebab tidak ada garis panduan yang jelas dalam akta ini dan dia bersifat terbuka. Itu yang kita cuba bawakan untuk meminta atau menuntut

penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri sebentar nanti. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar di atas perkara yang dinyatakan dan saya lihat antara beberapa pindaan ataupun seksyen yang ternyata dalam rang undang-undang ini, Ketua Pengarah Bantuan Guaman boleh pada bila-bila masa memberhentikan khidmat pendamping guaman yang diberi kepada orang yang dibantu. Mungkin dalam seksyen ini boleh memperuntukkan sekiranya perkara-perkara yang boleh menimbulkan percanggahan, kuasa yang ada dalam seksyen ini iaitu Ketua Pengarah Bantuan Guaman boleh melakukan sesuatu *intervention* untuk memastikan tidak ada kecelaruan khususnya dalam konteks prosedur ataupun tuntutan dalam mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusan, saya melihat secara cadangan-cadangan pindaan ini merupakan satu penambahbaikan kepada undang-undang yang sedia ada. Saya akui bahawa dari segi falsafah pindaan ini, sudah tentunya adalah untuk memberikan manfaat kepada semua rakyat untuk mendapatkan khidmat guaman. Seperkara saya lihat sudah tentu dari segi falsafah undang-undang ini, sudah tentu sangat baik cuma mungkin dari segi bagaimana kaedah penjelasan dan *proceduralnya* dapat berjalan sebagai mana yang dikehendaki. Akhir kata sekali lagi, Kuala Selangor menyokong pindaan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**12.54 tgh.**

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta 26, iaitu Akta Bantuan Guaman 1971. Tuan Yang di-Pertua, di dalam *this day and edge* dengan izin, bidang perguaman ataupun *the legal fatality* menghadapi banyak ataupun pelbagai cabaran di mana satu cabaran utama ataupun yang paling besar adalah diakses di *proper legal aid* di mana kami dapat melihat banyak contoh hari ini di mana terdapat banyak peguam yang mengenakan *legal fees* yang terlalu tinggi dan sebagainya yang mempunyai *effect* yang tidak baik terhadap masyarakat yang kurang, yang miskin, yang tidak mampu untuk membayar ataupun memperoleh dana yang diperlukan untuk membiayai guaman tersebut.

Dari segi ini Tuan Yang di-Pertua, kami menyokong pindaan-pindaan kepada *legal aid* ini. Akan tetapi, perlu ditekankan terdapat beberapa isu yang perlu di bangkitkan ataupun dibahaskan dengan lebih mendalam berkenaan dengan isu-isu ataupun pindaan-pindaan tersebut. Di dalam rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah pun atau pun dipindah pindaan utama di dalam rang undang-undang ini adalah untuk mengeluarkan *the means test* dengan izin Tuan Yang di-Pertua

yang ditakrifkan di dalam akta asal, di dalam seksyen-seksyen 15, subseksyen (2)(b) dan seksyen 60 ataupun 16(1)(b). Masing-masing sebagai di mana pertamanya, pemohon pendapatan kurang daripada RM25,000 Tuan Yang di-Pertua setahun ataupun di mana seorang pemohon berpendapatan antara RM25,000 hingga RM30,000 setahun. Di dalam kedua-dua kelas tersebut di ataupun layak untuk mendapat apa yang kita kenali sebagai satu *certificate* yang membolehkan beliau menikmati khidmat guaman.

Dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini, kedua-dua keperluan tersebut dikeluarkan daripada akta asal dan *replaced* ataupun digantikan dengan *what is called* sebagai *prescribed test* di mana kuasa diberi kepada pihak Menteri untuk *prescribe* apa yang akan layak di mana dinyatakan dalam seksyen 15 ataupun pindaan kepada seksyen 15. Di mana apa yang telah pun saya baca tersebut tadi digantikan dengan saya *quote*, '*Di mana Menteri ataupun dia iaitu Menteri berpuas hati bahawa pemohon itu memenuhi kriteria dan ujian kemampuan sebagai mana yang ditetapkan oleh Menteri*', itu adalah satu keperluan yang tidak spesifik.

Oleh kerana kita tidak dinyatakan di mana-mana di dalam mahupun di akta asal mahupun dalam akta pindaan berkenaan dengan apakah itu maksud ujian kemampuan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri. So, dalam akta asal Tuan Yang di-Pertua, *we have definition*, dengan izin berkenaan dengan apa itu yang layak sebagai di dalam *means test* iaitu seorang yang berpendapatan di bawah RM25,000 *for example*. Tetapi kita tidak tahu apa definisi seorang yang layak untuk *legal aid* di bawah pindaan ini. Itu adalah satu *concern* Tuan Yang di-Pertua yang perlu ditangani oleh kerana tanpa satu definisi yang tetap, sudah tentunya kita akan menghadapi masalah di masa depan untuk mengetahui siapa atau pun pemohon yang layak untuk diberi bantuan guaman.

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua kita juga perlu lihat kepada pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 29 di dalam rang undang-undang ini, iaitu di bawah seksyen tersebut apa yang dicadangkan adalah untuk, saya *quote* dalam bahasa Inggeris dengan izin Tuan Yang di-Pertua, di mana *section 29 of the principal act is amended, (a) in subsection (1) by substituting for the words quote "persons resident and present in" untuk menggantikan the word "citizens of" di dalam akta asal. Apa ini bermaksud adalah bahawa guaman ataupun bantuan guaman berkenaan dengan nasihat guaman adalah dikecualikan kepada warga-warga asing dan hanya boleh diberi kepada warga-warga negara ataupun citizens of a Malaysia.*

Ini adalah satu perkara yang bersifat diskriminasi Tuan Yang di-Pertua oleh kerana tidak terdapat apa-apa *limitation* ataupun had di dalam akta asal untuk membenarkan bantuan guaman kepada hanya Warganegara Malaysia. Jadi, *there is no rational* ataupun tidak ada apa-apa sebab untuk menafikan bantuan guaman sama ada



dari segi representasi ataupun dari segi nasihat kepada satu golongan sahaja iaitu Warganegara Malaysia. Tambahan pula Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bukit Gelugor boleh sambung perbahasan sebelah petang nanti.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Baik, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat majlis mesyuarat kita tangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.03 tengah hari]**

■1430

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya jemput Yang Berhormat Bukit Gelugor untuk menyambung.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum makan tengah hari tadi saya telah pun membangkitkan beberapa perkara dengan berkenaan dengan pindaan-pindaan kepada rang undang-undang yang meminda Akta Bantuan Guaman, Akta 26. Apa yang telah pun saya berucap tadi adalah berkenaan dengan pindaan kepada seksyen 29 di dalam rang undang-undang ini yang bersifat diskriminasi *in that*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ia hanya terpakai kepada warganegara-warganegara Malaysia sahaja dan bukannya kepada warganegara ataupun orang-orang yang bukan warganegara Malaysia.

Ini sudah jelas bertentangan seperti yang saya nyatakan tadi dengan apa yang dinyatakan ataupun *guarantee*, pengesyoran yang diberi di bawah Artikel 8(1), Perlembagaan Persekutuan iaitu, dengan izin, "*All persons are equal before the law and entitled to the law*" ataupun, "*to equal protection of the law*". Ini merupakan satu *guarantee* yang *fundamental* di bawah Perlembagaan kami yang dinafikan kepada mereka yang memerlukan nasihat bantuan guaman di bawah peruntukan pindaan ini.

Ini perlu dijelaskan oleh pihak Menteri oleh sebab tidak terdapat rasional yang munasabah untuk menafikan *non citizen* kepada bantuan tersebut. Juga yang perlu ditekankan beberapa perkara lain di dalam rang undang-undang ini seperti...

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Boleh minta penjelasan?

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ya.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Boleh? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Bukit Gelugor. Saya juga di sini hendak sentuh satu lagi diskriminasi yang sedia ada dalam akta ini.

Saya terima satu kes di mana ibu bapa kepada kanak-kanak itu mereka tidak daftar perkahwinan mereka. Ayah adalah seorang warga Malaysia, kaum Cina. Ibu adalah seorang Orang Asli. Mereka walaupun ada tiga orang anak tetapi mereka tidak mendaftarkan perkahwinan mereka. Mereka ada satu pergaduhan dan ada jagaan ataupun *custody* kanak-kanak itu menjadi satu isu. Jadi ayah itu mampu melantik seorang peguam sendiri. Ibu itu apabila hendak pergi ke Jabatan Bantuan Guaman untuk hendak minta bantuan guaman tapi mereka menyatakan bahawa beliau tidak layak oleh sebab anak-anak mereka ini bukanlah dilahirkan semasa perkahwinan iaitu *out of wedlock*. Jadi mereka cakap bahawa Jabatan Bantuan Guaman ini tidak bersedia untuk membantu ibu ini walaupun mereka adalah warga Malaysia.

Jadi saya amat setuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor tadi bahawa ini tidak boleh kerana ini adalah satu diskriminasi dan ini adalah satu penafian hak yang telah disebut, di-*guarantee*, dijamin di bawah *constitution* kita. Jadi saya di sini hendak minta pandangan Yang Berhormat Bukit Gelugor, boleh tak kita buat pindaan lagi supaya memastikan bahawa ibu bapa, tidak kiralah mereka ada daftar kahwin atau tidak daftar kahwin tetapi kita perlu memastikan bahawa semua orang dapat itu *legal aid*. Sekian sahaja. Terima kasih.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih, Yang Berhormat Kulai.

Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kulai. Memang undang-undang seperti ini tidak boleh bersifat diskriminasi. *Adding on* ataupun tambahan kepada apa yang contoh yang diberi oleh Yang Berhormat Kulai tersebut, sekiranya pasangan suami isteri itu satu warganegara Malaysia satu warganegara Indonesia misalnya sekiranya mereka bercerai *that would mean that they-* isteri yang warganegara Indonesia itu dinafikan nasihat bantuan guaman tetapi suami yang berwarganegara Malaysia boleh mendapat bantuan guaman. Itu juga lagi satu contoh diskriminasi seperti contoh yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kulai tersebut. Ini perlu ditangani oleh pihak kementerian dan diberi keutamaan oleh sebab seperti yang saya katakan tadi *if our constitution guarantees* dengan izin, *equal access to the law to all parties regardless of race, religion or citizenship, there is no need for this particular legislation to discriminate.*

Saya- *I move on*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kepada beberapa peruntukan lain di dalam rang undang-undang ini di bawah seksyen 29I iaitu satu seksyen yang baharu iaitu berkenaan dengan *legal companion services*. Ini merupakan satu inisiatif yang baik. Satu inisiatif di mana satu *legal companion* ataupun khidmat pendamping guaman diberi kepada kanak-kanak yang memerlukan nasihat guaman. Ini adalah satu perkara yang perlu kita – yang kami mengalu-alukan tetapi terdapat beberapa kekurangan yang perlu saya timbulkan di sini seperti pertamanya di dalam 29I ataupun I(1)(a) Tuan Yang di-Pertua, di mana apa yang dinyatakan di sana dalam bahasa Inggeris, dengan izin Tuan Yang di-Pertua:

“(1) *A legal companion service may be given for the following purposes;*

- (a) *to advise the guardian, or protector of an aided person permitted under any written law on legal matters.”*

Ini jelas bermaksud Tuan Yang di-Pertua bahawa *legal companion* tersebut hanya memberi nasihat kepada *guardian* ataupun *protector* kanak-kanak tersebut. Persoalan yang timbul adalah sama ada *companion* juga boleh memberi nasihat kepada kanak-kanak *himself- to the aided person*? Itu tidak dinyatakan di sini. Jadi kita boleh mempunyai satu senario di mana seorang kanak-kanak yang dibawa ke mahkamah tanpa *guardian*-nya *for any reason. He might be deprived of the services of a legal companion*. Juga berkenaan dengan 29I(1)(c), dengan izin, yang menyatakan:

“(1) A legal companion service may be given for the following purposes;

(c) to accompany an aided person in any proceedings in court and with leave of the court to speak on behalf of an aided person, if necessary.”

#### ■1440

Apakah maksud itu, *to speak on behalf of an aided person*? Adakah itu bermaksud membuat penghujahan misalnya? *Does that include submissions on behalf of an aided person because that would be the job of a solicitor or seorang peguam*? Adakah itu juga bermaksud perkara-perkara lain seperti mencelah di dalam sesuatu kes, sesuatu perbicaraan dan sebagainya? Ini semua perlu diberi ketetapan yang terperinci untuk mengelakkan apa-apa kekeliruan yang mungkin timbul berkenaan dengan pentafsiran pindaan-pindaan tersebut.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah pun saya berhujah dengan panjang lebar tadi, kesemua pindaan ini adalah bagus tetapi terdapat beberapa kekurangan dan kami boleh memerhatikan bahawa kesemua pindaan ini adalah untuk memperbaiki *the legal system* ataupun meningkatkan keyakinan ataupun *confidence* di dalam *legal system*.

Saya ingin bertanya kepada pihak Menteri bahawa memandangkan semangat di belakang rang undang-undang ini adalah untuk meningkatkan *confidence in the legal system*, adakah pihak Menteri bersetuju dengan apa yang berlaku sekarang di mana terdapat pelantikan Ketua Hakim dan juga *President Court of Appeal which is unprecedented* di mana pelantikan Ketua Hakim dan juga *President Court of Appeal* itu adalah melebihi umur 66 tahun selama tiga tahun dan dua tahun masing-masing. Ini merupakan...

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** [Bangun]

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *Just a minute*. Saya akan memberi ruang. Ini merupakan satu langkah yang tidak pernah berlaku. *It is for the first time that we are witnessing a scenario where Chief Justice has been appointed as an additional judge and even so for a period of three years, that also apply to a President of the Court of Appeal*. Apakah rasional ataupun matlamat di belakang pelantikan kedua-dua hakim yang berpangkat 1 dan 2 ini? Adakah pihak Menteri bersetuju dengan pelantikan-pelantikan tersebut yang telah pun di-*describe* oleh beberapa pihak seperti *Bar Council* sebagai *blatantly unconstitutional* dan ini merupakan satu perkara yang serius, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pelantikan-pelantikan tersebut adalah dibuat atas nasihat Perdana Menteri.

Perdana Menteri memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong yang kita semua tahu perlu mengikut nasihat tersebut. *He is obliged to follow the advice of the Prime Minister*. Jadi adakah pihak Menteri bersetuju dengan pelantikan Ketua Hakim dan juga *President Court of*

*Appeal* atas nasihat Perdana Menteri yang tidak mengikut Perlembagaan? Ini merupakan satu perkara serius, Tuan Yang di-Pertua. Ya.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Parlimen Bukit Gelugor. Saya ikut pandangan tadi, hujah-hujah daripada Yang Berhormat Bukit Gelugor. Yang Berhormat Bukit Gelugor pun sebagai seorang peguam dan kita dengar *Bar Council* sebulat suaranya membantah pelantikan Ketua Hakim. Apa pandangan Yang Berhormat Bukit Gelugor, bukan sahaja...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Saya ingatkan bahawa ini adalah rang undang-undang untuk meminda akta. Peraturan mesyuarat, hanya perkara yang dipinda sahaja, Yang Berhormat. Saya kena ingatkan yang itu supaya tidak termasuk perkara-perkara yang tak dipinda walaupun termasuk...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh. Termasuk akta induk itu sendiri. Cuma perkara yang dipinda sahaja, Yang Berhormat ya.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Okey, terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat Bukit Gelugor? Apa langkah yang boleh lebih proaktif? Terima kasih.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah pada tahap dasar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Still*, perkara yang dipinda sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Saya faham tetapi apa yang telah pun saya...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Saya akan habiskan isu ini.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Mana Yang Berhormat?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** 36(1).

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Aiya!

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Apa aiya? Ini kita dalam Dewan. Dalam Dewan kita kena ikut, 36(1) jelas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, memang betul pun 36(1). Yang saya sebutkan tadi itu adalah perkara 36(1), Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tak boleh menyebut, tak boleh kita sentuh pun langsung tentang perkara yang tak dipinda. Jelas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya. *I have reminded them*, saya telah ingatkan kedua-dua yang bangun tadi untuk balik kepada perbahasan rang undang-undang yang dipinda. Ya, terima kasih Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Nampaknya Yang Berhormat Setiu tidak mahu membahaskan perkara ini tetapi itu adalah satu perkara yang mana

Yang Berhormat Setiu mempunyai hak untuk membangkitkan dan *we can't question that right* tetapi Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kita ada lagi undang-undang lagi satu yang kita akan buat selepas ini, ada undang-undang lain lepas ini.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ada *point of order is it?*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tak, undang-undang lain akan dibentangkan selepas ini.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Undang-undang?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Undang-undang kehakiman kalau tak silap saya. Nanti kita bincang dalam undang-undang kehakiman nanti.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Boleh, boleh. Itu boleh bincang pada bila-bila masa tapi apa yang telah pun saya timbulkan tadi Tuan Yang di-Pertua adalah berkenaan dengan keyakinan terhadap *legal system*. Itulah tujuan kami meminda rang undang-undang ini. Kita mahu meningkatkan keyakinan di dalam sistem undang-undang negara ini dan sekiranya itu merupakan satu isu yang dibahaskan dalam Dewan ini, kenapa pula kita tak boleh bahas berkenaan dengan pelantikan *the top judges of the country?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak boleh Yang Berhormat, 36(1) jelas, tak boleh Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Akan tetapi itu adalah */ leave it at that* Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon agar satu jawapan diberi kepada persoalan-persoalan yang timbul tersebut dan juga saya di belakang pindaan-pindaan kepada rang undang-undang ini. Secara prinsipnya kami menyokong tetapi tertakluk kepada isu-isu yang telah pun saya timbulkan tadi. Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi di atas peluang yang diberi kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu.

#### 2.47 ptg.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat kepada pindaan pada hari ini jelas ia lebih fokus kepada untuk memastikan bahawa golongan yang benar-benar layak sahaja yang boleh diberi bantuan dan ianya dihadkan hanya kepada warganegara kita sahaja.

Kalau dahulu mungkin ada warga asing yang bermastautin di Malaysia tetapi kerana ini adalah merupakan dana awam dan kita kena belanjakan memberi bantuan kepada rakyat kita. Jadi isu diskriminasi apa semua saya rasa tak timbul dalam perkara ini. Sebenarnya semua rakyat Malaysia layak untuk memohon kepada ketua pengarah iaitu Ketua Pengarah Bantuan Guaman termasuklah Ahli Parlimen kita tapi kebiasaannya kita kena selaraskan dengan mereka yang betul-betul layak sebab itu permohonan hanya dibuat kepada ketua pengarah. Jadi ketua pengarah yang akan menentukan daripada segi kriteria dia dan juga ujian kemampuan dia dan ketua pengarah ini, dia akan selenggarakan satu panel peguam.

Jadi, panel peguam inilah yang akan memberi nasihat siapa yang boleh dilantik dan siapa yang tak boleh dilantik. Jadi maknanya bukan makna ketua pengarah itu sahaja yang menentukan siapa yang layak dan siapa yang tak layak.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Setiu, laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak penjelasan. Kalau kita layak, apakah syarat-syarat yang ada pada Ahli Parlimen kita ini yang membolehkan kita layak untuk mendapat bantuan ini. Itu satu, kemudian saya nak bertanya, sebelum itu, saya ingin tahu bahawa ini hanyalah untuk warganegara, bukan untuk orang yang bermastautin di Malaysia tetapi kita sebagai orang kata tuan rumah, apabila ada tetamu datang duduk rumah kita, kita menghormati tetamu kita, kita melayan tetamu kita dengan baik. Apabila mereka perlu bantuan kita, sebagai tuan rumah kita sepatutnya membantu dia.

Jadi mungkin mereka ini dalam keadaan yang daif dan perlu bantuan kita. Kenapa kita tidak boleh memberi bantuan guaman untuk membantu mereka apabila mereka di dalam kesusahan. Jadi, saya pelik juga. Bermakna dahulu, kita buat undang-undang dahulu lebih matang daripada kita hendak buat sekarang ini kerana sekarang ini khas untuk warganegara sahaja. Yang dahulu buat untuk yang bermastautin. Saya rasa itu lebih bijak daripada kita sekarang. Apa pendapat Yang Berhormat Setiu?

■1450

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh. Yang Berhormat Pasir Puteh tidak faham. Maksud saya, saya kata, ia boleh terbuka, boleh pohon. Saya tidak kata dia layak dapat. Ia terbuka kepada semua rakyat Malaysia, warganegara, boleh memohon kepada Ketua Pengarah dan yang dapat atau tidak dapat itu Ketua Pengarah yang akan tentukan selepas berbincang dengan panel peguam tadi. Kalau daripada segi warganegara itu, kita kena lihat, ini adalah jabatan kerajaan, ini Jabatan Guaman- apa dipanggil? Kalau dulu Biro Bantuan Guaman, sekarang ini dipanggil "Jabatan Guaman." Kerajaan bukan yang berbentuk yayasan tadi. Kalau yayasan, itu betul-betul. Yayasan ia terbuka kepada semua, Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan. Itu terbuka dan juga ada yayasan daripada pihak Majlis Penguam, pun ada juga. Itu terbuka kepada semua tetapi kita ini bertumpu kepada jabatan kita sahaja...

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jabatan kerajaan membantu rakyat Malaysia sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tebrau dan...

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Setiu, boleh saya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** ...Yang Berhormat Bukit Gelugor bangun. Yang Berhormat Tebrau, ya.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiu. Adakah Yang Berhormat Setiu bersetuju kalau warga asing mungkin mereka boleh jumpa dengan kedutaan masing-masing ataupun pejabat *consulate*? Oleh kerana bukan

sahaja ini, banyak jabatan kerajaan, misalnya sekolah kerajaan, hanya warganegara sahaja yang boleh belajar. Kalau bukan warganegara, tidak boleh dan sebagainya, kebajikan dan sebagainya. Jadi, ini bukan khusus ini. Saya percaya kalau warga asing, kalau mereka jumpa dengan duta masing-masing ataupun *consulate* masing-masing, mereka sepatutnya boleh dapat bantuan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Dengan izin Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Setuju dengan Yang Berhormat Tebrau dan minta dimasukkan dalam perbahasan saya.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiu. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Setiu berkenaan dengan apa yang ditimbulkan. Yang Berhormat Setiu sebagai seorang peguam dan juga seorang hakim dahulunya, adalah sedar ataupun *well aware* bahawa sekiranya seseorang itu dituduh dengan satu pertuduhan *capital punishment* seperti mengedar dadah, membunuh dan sebagainya, dia berhak untuk diberi *legal representation*.

Jadi, sekiranya beliau tidak mampu mendapat khidmat guaman, mahkamah akan melantik peguam kerajaan bagi beliau untuk dibela diri. Bukankah itu satu perkara yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan, di mana perkara itu terpakai kepada semua orang, bukan sahaja warganegara tetapi kepada warganegara asing seperti Indonesia, orang Nigeria dan sebagainya. Mereka semua mempunyai *benefits* yang sama dengan warganegara Malaysia daripada segi mereka mempunyai hak untuk dilantik peguam sekiranya mereka menghadapi *capital case*. Bukankah itu perkara yang sama dan yang perlu terpakai di dalam akta ini ataupun pindaan ini? Terima kasih.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya, terima kasih. Dalam peruntukan pindaan kita sekarang, ia tidak terpakai kepada semua. Ia terpakai kepada semua kesalahan jenayah tetapi yang hanya untuk membuat rayuan. Tidak termasuk yang *capital punishment*, tidak berhak. Ia untuk yang sudah dihukum, yang mengaku salah, sudah dihukum, dia hendak meringankan hukuman dan pada tahap itu yang boleh dia meminta bantuan daripada Jabatan Guaman Kebangsaan. Apa yang disebut oleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** ...Yang Berhormat Bukit Gelugor tadi, terpakai kepada Yayasan Bantuan Guaman dan juga kepada Yayasan Bantuan Guaman yang saya sebut tadi daripada Majlis Peguam. Jadi, dalam mengikut akta kita sekarang memang tidak terpakai, kecuali Menteri meminda, boleh dipinda peruntukan yang disebut tadi. Kalau tidak silap saya, bawah Jadual Kedua. Kalau kita lihat bawah Jadual Kedua, jelas hanya kes-kes yang melibatkan hukuman yang telah dihukum, mengaku salah dan untuk merayu tentang hukuman. Itu sahaja yang terpakai. Selain itu juga terpakai kepada Akta Pelindungan Kanak-kanak dan juga

Akta Kesalahan Kecil 1955. Itu sahaja, tiga perkara ini sahaja yang terpakai dalam kes-kes jenayah.

Akan tetapi kalau sivil, banyak. Boleh terpakai kepada sivil untuk bantuan guaman ini, ia banyak kalau hendak dikira dalam khidmat peguam, Jabatan Guaman ini, ia perihal prosiding sivil. Banyak ini, 15 perkara. Ini kita hendak beritahu dengan rakyat kita:

- (i) prosiding di bawah Akta Perempuan Bersuami dan Anak-anak iaitu nafkah;
- (ii) prosiding di bawah Akta Perintah Nafkah (Kemudahan bagi Penguatkuasaan) untuk perintah sementara;
- (iii) prosiding di bawah Akta Perempuan Bersuami dan Anak-anak (Penguatkuasaan Nafkah);
- (iv) prosiding berhubung dengan nafkah, jagaan, perceraian dan harta sepencarian dalam mahkamah yang mentadbirkan hukum syarak;
- (v) Akta Pampasan Pekerja 1952;
- (vi) Akta Penanaman Padi;
- (vii) Akta Harta Pusaka Kecil;
- (viii) Ganti rugi kemalangan jalan raya- semua boleh;
- (ix) Akta Pemberi Pinjaman Wang;
- (x) prosiding Perceraian dan Jagaan;
- (xi) prosiding berhubung dengan penyewaan;
- (xii) Akta Sewa Beli;
- (xiii) surat mentadbir pusaka; dan,
- (xiv) Akta Pengangkatan.

Itu dalam hal-hal sivil. Yang jenayah saya sudah sebutkan tadi, tiga perkara sahaja.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Setiu, Tuan Yang di-Pertua, boleh? Boleh saya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh berbisik, runding Yang Berhormat. Hendak bagi atau tidak?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** [*Ketawa*] Sebelah pun, tidak berapa hendak reti juga kalau berunding tidak tentu hala ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiu menyatakan tadi, Jabatan Biro Guaman ini boleh digunakan setelah terjatuhnya hukuman. Bermakna...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Salah.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Akan tetapi bukanlah bersalah atau tidak bersalah, bukan?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]



**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Mengaku salah. Bermakna, kalau kes-kes orang kampung yang paling banyak seperti mana yang telah disenaraikan tadi, terlibat dengan 15 perkara dan semua itu, sebenarnya yang orang kampung perlukan hari ini, bila dia dibawa ke mahkamah, dia perlu dapatkan nasihat daripada Jabatan Biro Guaman. Akan tetapi bila berlaku seperti mana yang telah dinyatakan— saya tidak berapa tahu pasal undang-undang, maknanya setelah dia mengaku bersalah, baru kita boleh gunakan perkhidmatan Jabatan Biro Guaman. Apa yang selama ini saya perasan, bila dia dibawa ke mahkamah, kita boleh dapatkan nasihat daripada Biro Bantuan Guaman kerana mereka tidak mampu, orang-orang kampung ini. Jadi maknanya, ini yang saya hendak mendapat penjelasan lanjut, sekurang-kurangnya rakyat di luar sana mengetahui bagaimana kita hendak menggunakan perkhidmatan di Jabatan Biro Guaman. Minta Yang Berhormat Setiu jelaskan sedikit.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Seperti yang saya terangkan tadi Yang Berhormat Gerik, terima kasih. Dalam kes jenayah dihadkan begitu sahaja. Akan tetapi kalau keadaan terdesak ataupun ada keperluan, pihak Menteri boleh pinda yang Bahagian II tadi. Dalam bahagian Jadual Kedua boleh dipinda oleh pihak Menteri. Itu sahaja. Maknanya kena jumpa, kena buat permohonan kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman dan kena nyatakan kenapa keperluannya dan boleh dirujuk kepada pihak Menteri untuk meminda tentang peruntukan yang ada sekarang.

Keduanya, berkenaan dengan kelayakan kepada pendamping. Ini dinyatakan dengan jelas dan kalau disebut “damping” mungkin ada yang faham, ada yang tidak faham, mungkinlah ya. Kalau damping ini, maknanya seolah-olah menemani kanak-kanak yang diwakili, yang didampingi. Maknanya, kalau kita hendak sebut “damping” ini, saya pun pernah dengar sekali sahaja dulu ada cerita ‘*Damping Malam*’, itu dia buat filem, ‘*Damping Malam*’ tetapi itu cerita hantu. Akan tetapi sekarang ini kita cerita ‘damping’ ini maknanya, kalau kita boleh ubah satu peribahasa, sayangkan anak, tangan-tangankan, saya rasa kalau sayang anak kena usap-usapkan. Kalau sayang isteri, jangan tinggal-tinggalkan, sayang isteri damping-dampingkan. Itu maksudnya. Itulah maksud damping. Kita menemani, kita bagi nasihat dan sebagainya. Banyak benda kita boleh buat.

#### ■1500

Cuma, timbul masalah mungkin dari segi apabila peruntukan ini dinyatakan siapa pendamping semua- maknanya seolah-olah yang tahu tentang undang-undang, ada *legal background*. Adakah ia bermaksud ia adalah peguam? Namun kalau kita baca secara menyeluruh, dia yang Ketua Pengarah tadi bukan setakat makna dia berbincang dengan panel peguam tadi bukan hanya setakat untuk menentukan siapa yang layak, dia juga boleh melantik peguam untuk bertindak dalam guaman-guaman tertentu dan juga boleh memberi nasihat. Itu dinyatakan dalam seksyen 5, Akta Ibu. Maknanya untuk selaras, saya rasa, yang boleh dilantiknya pendamping ini hanyalah tertumpu kepada peguam-peguam sahaja. Itu sangat penting dalam hal kita sekarang.

Ini tentang kalau kes-kes yang melibatkan fitnah dan sebagainya, saya rasa tidak terpakai kalau mengikut undang-undang ini. Jadi adalah orang-orang kita ini, kita panggil raja

fitnah, pun didenda di mahkamah. Apabila didenda di mahkamah hendak dapatkan bantuan, tidak boleh. Jadi terpaksa meminta bantuan daripada rakyat. Ini yang berlaku. Ada daripada sanalah, dia minta bantuan rakyat untuk membantu membayar denda, bukan untuk merayu. Kalau untuk merayu itu ada lagi boleh dipertimbangkan tetapi kalau untuk bayar denda, sudah memang tidak bolehlah. Ini masuk ke dalam...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36(1). Ini menyimpang jauh ini pasal denda pula. *Laillahaila Allah*. Bertaubatlah sikit.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Inilah yang dikatakan- makna Yang Berhormat Bukit Katil ini juga jenis yang tidak faham dengan peruntukan undang-undang. Saya kata dari segi bantuan guaman. Bantuan guaman ada kena mengena. Yang Berhormat Pandan cakap semalam tidak pula bangun bantah. Semalam orang cakap pasal benda lain, dia cakap pasal benda lain. Ini yang tidak boleh sebenarnya.

Satu lagi...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Saya bangkitkan peraturan mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua, minta *ruling*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya. Saya melihat itu masih dalam lingkup bantuan guaman.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Bukit Katil dia buat-buat tidak faham, padahal dia faham sangat itu. Saja dia hendak bela kawan dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia kata ada peraturan mesyuarat tidak boleh merujuk kepada seseorang Ahli, tetapi Yang Berhormat Setiu saya perhati tidak sebut siapa-siapa.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tidak sebut nama. Saya tidak sebut nama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya memerhati, saya memerhati.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kalau Yang Berhormat Sepang ada sini kalau buat hal yang sama pun boleh. Kalau Yang Berhormat Sepang hendak memfitnah pun boleh tetapi tidak boleh mendapat bantuan di sinilah. Jadi bantuan yang kita adakan ini hanya untuk mereka-mereka yang tertentu sahaja. Kalau boleh, kita fokuskan kepada mereka-mereka yang tidak mampu untuk membayar *fees* guaman di luar. Tidak mampu maksud saya, mereka yang berdaftar dengan eKasih ataupun yang dapat BR1M. Maknanya, mereka tidak mampu sangat untuk membayar dengan peguam di luar, mungkin agak mahal kah apa dan sebagainya. Jadi dari segi kelayakan ini, Ketua Pengarah yang akan menentukan yang saya sebut tadi bersama dengan panel peguam. Itu sangat penting.

Cuma, *fees*. Dinyatakan *fees* ini ditentukan oleh pihak Menteri. Saya rasakan bahawa *fees* ini sepatutnya seminimum mungkin. Maksud saya, kalau dahulu pernah dinyatakan RM1 ataupun RM2 tetapi kalau kita fokuskan kepada penerima BR1M dan juga eKasih, maka kita kalau boleh harga yang lama dikekalkan, kecualilah kalau ada...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat, saya tidak ingat berapalah, tetapi adalah, lebih kurang kalau merapu itu kena duduklah. Lebih kurang begitulah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Teruskan, Yang Berhormat Setiu, teruskan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Sepang ini pun satu hal. Dia pun tidak tahu apa-apa, merapu sahaja. Saya cerita tentang *fees* dalam pindaan. *Fees* pindaan ditentukan oleh Menteri, baca kah tidak ini? Yang Berhormat Sepang tidak baca, dia merapu itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Makna, dia punya soalan pun merapu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya ingat Yang Berhormat Sepang ini dia cuma mengintai Yang Berhormat Tanjong Karang. Yang Berhormat Setiu pun kena intai sudah sekarang.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Itulah dia...

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Yang Berhormat Setiu, sedikit.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** ...Akan tetapi selepas ini tidak tahu lagilah...

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Yang Berhormat Setiu, sedikit.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** ...Boleh bertanding lagikah tidak di Sepang, tidak tahulah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jerantut bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat perbahasan Yang Berhormat Setiu memang menjurus kepada kepekaan terhadap masalah rakyat terutamanya mereka yang berpendapatan rendah yang selayaknya mendapat khidmat bantuan guaman ini.

Cuma, saya hendak minta respons daripada Yang Berhormat Setiu. Biro Bantuan Guaman ini sangat baik, sangat bagus, membuktikan keprihatinan kerajaan dalam usaha untuk memastikan semua rakyat mendapat kemudahan.

Cuma persoalan saya ialah kadangkala mereka-mereka yang terlibat dengan mengendalikan kes ini ada ketikanya kurang mesra. Apabila kurang mesra ini, maklumlah orang kampung, susah pula, jadi apabila kalau bahasa mudahnya, bahasa kawasan saya di Jerantut, dijerkah kah, dia macam rasa tidak bersedia untuk memberitahu ataupun melaporkan kes-kes ini kepada mereka yang ditugaskan untuk mengendalikan kes di bawah Biro Bantuan Guaman ini. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat Setiu tentang kes-kes seperti ini dari segi layanan kepada mereka-mereka yang hendak berurusan dengan Biro Bantuan Guaman ini? Itu satu.

Keduanya, apakah pandangan Yang Berhormat Setiu, Biro Bantuan Guaman ini, rakyat terbanyak yang memerlukan khidmat ini hendak berurusan tetapi kadangkalanya tempat hendak

berurusan itu agak jauh. Misalnya kalau di Pahang ini, ada mungkin di Temerloh. Jadi kalau kawasan saya ini, masyarakat kata di Kampung Pagi, Ulu Tembeling misalnya, kena pergi ke Temerloh ini 100 kilometer lagi, tidak selesai satu hari, akhirnya mereka tidak hendak ke depan dalam meminta khidmat bantuan guaman. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat Setiu agar pejabat bantuan guaman ini diperluaskan kepada kawasan-kawasan yang lebih banyak lagi? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Bagi soalan yang pertama tadi, sebenarnya Ketua Pengarah ini dengan panel peguam tadi ia ada bukan setakat melantik, dia juga ada kuasa untuk memecat peguam yang dilantik. Jadi kalau peguam itu tidak mesra, boleh dirujuk kepada Ketua Pengarah dan panel peguam tadi. Boleh dipecat sebenarnya.

Untuk yang kedua, saya minta daripada Yang Berhormat Menteri- Yang Berhormat Menteri tidak ada?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri akan gulung kemudian.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jadi cadangan yang disebut oleh Yang Berhormat Jerantut ini kalau dibina pusat bantuan guaman ini, di daerah-daerah juga. Tambahlah kalau boleh. Ada tidak cadangan untuk tambah?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Setiu. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan peguam, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Jerantut. Sebenarnya orang kampung ini patut peguam memberi perkhidmatan dengan penuh kasih sayang. Sudahlah orang kampung tidak *reti* pasal undang-undang kan, *depa* pula bagi nasihat yang tidak benar. Ramai kah peguam-peguam yang ada di bawah Jabatan Bantuan Guaman ini? Saya hendak minta komen Yang Berhormat Setiu sedikit. Peguam-peguam di bawah Jabatan Biro Guaman ini.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya hendak nyatakan ramai tidak ramai saya tidak boleh pastikan sebab dia ada panel, kemudian diselenggarakan oleh Ketua Pengarah ini, dia boleh lantik panel peguam sebenarnya. Jadi berapa ramai itu saya tidak boleh hendak beritahulah. Itu rasanya pihak Yang Berhormat Menteri mungkin boleh beritahu.

Saya hendak menyatakan sedikit lagi tentang kes-kes pendamping ini adalah mereka-mereka yang layak ialah kanak-kanak yang menjadi mangsa mana-mana kesalahan. Ini dinyatakan di bawah seksyen 29H sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Kelima iaitu semua kesalahan seksual. Jadi kanak-kanak yang timbul dalam semua kesalahan seksual ini terhadap kanak-kanak diperuntukkan dalam mana-mana undang-undang bertulis.

#### ■1510

Jadi semua kanak-kanak ada layak kepada- ditemani oleh pendamping tadi. Saya rasa itu sahaja setakat ini dan saya mohon menyokong, terima kasih.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Yang Berhormat Setiu, sempat tidak sikit? *Just* sebut sikit sahaja tentang...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Siapa ini?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Limbang.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Oh! Yang Berhormat Limbang.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Sekejap Tuan Yang di-Pertua. Saya sikit sahaja iaitu tentang pertama sekali mengucapkan terima kasih kepada kerajaan sebab kita di Limbang telah pun memohon tentang jarak- bantuan guaman hanya di Miri sebelum ini. Akan tetapi sebelum Ramadan ini *alhamdulillah*, ada satu *lawyer firm* sudah menjadi bantuan guaman tetapi hanya syariah. Jadi menyahut apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiu memang betul, apa yang diperlukan kita di sana sekarang ialah kalau boleh ada seorang *lawyer* bantuan guaman yang *handle civil case* untuk orang-orang kita kampung ini. Itu permintaan kita, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya, terima kasih. Mohon dimasukkan dalam perbahasan saya. Saya hendak nyatakan sekali lagi bahawa memang ada panel, panel yang dilantik sebenarnya oleh pihak ketua pengarah. Terima kasih dan saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Katil. Ya, saya terpandang Yang Berhormat Bukit Katil dahulu.

### 3.11 ptg.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih, sudah tentu walaupun di atas bukit tetap terpandang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, besar sedikit.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, salam reformasi kepada Ahli-ahli Dewan.

Saya ingin memulakan dengan mengingatkan Dewan Rakyat bahawa ketika akta ataupun Undang-undang Bantuan Guaman ini dibentangkan di dalam Dewan Rakyat pada 17 Mac 1971. Waktu itu Peguam Negara telah pun menyenaraikan sebab-sebab kenapa akta ini dibentangkan dan saya masih ingat ketika membaca *Hansard*. Ahli Parlimen Sungai Petani misalnya waktu itu telah pun menyatakan bahawa rang undang-undang ini penting kerana ia berkait dengan keadaan semasa pada tahun 1971 iaitu masalah penanam-penanam padi yang sering ditipu dan kemudiannya tidak ada tempat untuk dirujuk sekiranya berlaku *dispute*, dengan izin, dan juga mereka yang meminjam duit dengan ceti.

Jadi saya hendak mulakan dengan itu kerana itulah *spirit* ataupun semangat perbahasan pada waktu itu yang menceritakan bagaimana rang undang-undang ini dibentangkan dengan nada ataupun dengan semangat untuk memastikan agar ada ruang rakyat yang susah dan menderita di bawah mendapat tempat ataupun ada rujukan untuk mendapatkan khidmat undang-undang dan yang pastinya adalah keadilan.

Oleh sebab dalam konteks ini, saya ingin mengingatkan Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian bahawa asas utama dalam pindaan ini, kali ini ialah akses kepada keadilan. Inilah yang disebut, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *equality in justice is the primary condition for attaining justice*. Kenapa kita adakan pindaan ini? Paling utama kalau kita lihat ialah apabila

kita telah pun- Dewan ini telah pun meluluskan satu undang-undang yang berkaitan dengan Akta Kanak-kanak dan juga kesalahan seksual kanak-kanak dan sebagainya.

Itulah saya percaya inti yang paling utama daripada pindaan ini kerana ingin memasukkan perkara-perkara ini di dalam *coverage*, dengan izin, bantuan guaman. Oleh sebab itu saya mula tadi dengan menyatakan apakah nuansa? Apakah suasana pindaan ini sesuai dengan suasana yang dibangkitkan ini pada tahun 1971 iaitu dengan kehendak masyarakat dan masalah yang timbul pada waktu itu?

Oleh sebab itulah, saya hendak mulakan dengan akses kepada keadilan ini kerana pada saya ia satu perkara yang penting sebab setiap orang di dalam negara ini mesti mendapat peluang untuk mendapatkan bantuan bagi mencapai keadilan di dalam negara ini. Oleh sebab itu saya sedikit keliru dan meminta penjelasan daripada kementerian dan juga kerajaan, kenapa dalam konteks ini kita hanya mengehendkan bahawa khidmat bantuan guaman ini hanyalah kepada warganegara Malaysia sahaja? Apakah rasionalnya kerana kalau berlaku kes-kes yang membabitkan warganegara dan bukan warganegara? Kalau tadi kita sebut peringkat awal bahawa *spirit* ataupun semangat undang-undang ini adalah untuk memberikan akses kepada keadilan untuk semua pihak.

Pada saya sewajarnya pindaan ini tidak hanya ataupun rang undang-undang ini tidak hanya tertakluk kepada warganegara Malaysia sahaja. Kalau kita tengok pengalaman negara-negara yang lain misalnya di United Kingdom, kita ada satu prinsip dipanggil *residence test*, ujian residen. Maknanya kalau dia sudah duduk di UK ini selama 12 bulan ataupun satu tahun dia berhak untuk mendapatkan bantuan dari segi perkhidmatan ataupun undang-undang ini. Hal ini kerana mungkin cara dia berbeza, bukan finya berbeza tetapi dia mendapat peluang, dia ada ruang untuk mendapatkan khidmat agar kes-kes atau isu-isu bersabit dengan keadilan ini dapat dibawa ke mahkamah dan sebagainya.

Sepatutnya saya hendak mula dengan itu dulu kerana saya bimbang jangan kita terikat dalam konteks itu. Kalau begitu, kalau sesiapa yang membuat kesalahan, kalau dia bukan warganegara, jangan tuduh dia di mahkamahlah, bawa dia balik ke negara masing-masing. Di mahkamah ini kita tuduh dengan semua orang tidak kiralah dia warganegara atau bukan warganegara. Oleh sebab itu dalam konteks ini saya tidak nampak apa rasionalnya walaupun ada pandangan wakil rakyat yang menyatakan tadi macam hospital kita bagi hanya kepada warganegara, sekolah hanya bagi kepada warganegara, *is that right?* Dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Mungkin sudah pasti kita perlu melakukan apa yang sering disebutkan oleh kerajaan transformasi kerana sekarang ini kita bercakap tentang bagaimana masalah yang paling utama dalam negara kita ialah masalah misalnya pekerja-pekerja migran, *migrant worker*. Ada kes *human trafficking*, kalau mereka ini *have been traffic*, dengan izin, di dalam negara mereka hendak dapatkan khidmat guaman, di mana mereka hendak dapatkan khidmat guaman? Ini isu-isu praktikal yang bersabit dengan masalah di bawah dalam keadaan- betul, kita ada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), betul.

Akan tetapi saya ingin mengingatkan kerajaan 2016 ada *report*, ada laporan mengatakan YBGK sahaja berhutang dengan *lawyer* hampir RM3.4juta, *is a practical issue*. Saya minta kerajaan untuk meneliti semula kerana selain daripada saya nyatakan tadi, hanya terhad kepada warganegara tetapi yang paling utamanya sekarang ialah dalam pindaan di bahagian seksyen 2A ini, dia tidak termasuk kes-kes yang misalnya buang kerja. Oleh kerana ini ialah isu yang *real* Tuan Yang di-Pertua.

Kalau semalam saya *recall* balik apa yang Ketua Pembangkang sebut, laporan Bank Negara yang menyatakan bahawa 507,000 rakyat Malaysia tidak mempunyai pekerjaan. Saya yakin sebahagian besarnya telah pun dibuang kerja. Jadi mereka ini kalau ada isu hendak pergi ke mana? Hendak bawa ke mana? Adakah betul mereka pergi ke Jabatan Buruh? Akan tetapi adakah mereka dapat servis ataupun nasihat undang-undang yang betul sebelum mereka pergi ke Jabatan Buruh?

Jadi perkara-perkara ini sebenarnya yang saya sebutkan adalah isu-isu yang penting kerana ia berkait dengan satu- membina satu ekosistem keadilan yang sebenarnya melalui rang undang-undang yang kita ada ini. Oleh sebab itu pada saya pindaan ini begitu terhad hanya hendak *accommodate*, dengan izin, kes-kes yang terkini ataupun pindaan yang terkini, akta yang terkini berkaitan kanak-kanak dan juga kes-kes gangguan seksual kanak-kanak. Akan tetapi dalam masa yang sama kita terlupa bahawa *the law must provide*, dengan izin, keadaan yang lebih luas supaya isu-isu yang berkaitan dengan semasa sekarang ini dapat dikemukakan, dapat pembelaan daripada undang-undang negara ini. Itu yang pertama Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, disebut bahawa mereka ini akan dapat bantuan ini adalah tertakluk hanya kepada penerima BR1M dan eKasih. Betul penerima BR1M RM3,000, kalau pendapatan dia RM4,001 dia tidak dapat BR1M lagi. Tidak perlulah RM4,000.50 tidak dapat sudah. Adakah yang mendapat gaji ataupun pendapatan RM4,000 ini dianggap senang untuk mendapatkan khidmat dan nasihat undang-undang? Di sinilah saya minta kementerian untuk mengkaji semula, apakah rasionalnya untuk kita menghadkan hanya kepada penerima BR1M dan juga eKasih secara automatik untuk mendapatkan khidmat dari segi di bawah bantuan guaman ini?

Ini kerana pada saya dalam keadaan ekonomi yang mencabar sekarang ini, dalam keadaan kita mendengar bahawa berhadapan dengan masalah yang cukup besar di bawah. Saya dengar tadi ada isu-isu yang dibangkitkan, ada rakyat di kampung-kampung untuk dapatkan pertolongan dari segi undang-undang.

#### ■1520

Maka sewajarnya kerajaan tidak hanya menggunakan rang undang-undang ini untuk menghadkan hanya penerima BR1M dan eKasih secara automatik kerana pada saya ianya perlu pada satu unjuran pendapatan yang munasabah kerana ini yang pada saya perkara yang sering dibangkitkan bila mana kita balik ke kawasan, mendengar masalah rakyat. Apabila ada isu, mereka kadang-kadang tidak tahu hendak rujuk di mana. Kalau saya, tidak mengapalah. Saya peguam. Akan tetapi hendak bagi perkhidmatan percuma selama-lamanya, tidak mampu juga kita.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: [Bangun]**

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Dalam istilah Latinnya, pro bono. Ada orang kata pro bono, jangan jadi pro bodoh. Jadi yang ini isu-isu yang *real*, yang saya bangkitkan. Sila Yang Berhormat Kuala Langat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Langat.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Saya meneliti hujahan Yang Berhormat Bukit Katil berkenaan dengan faedah-faedah daripada akta yang hendak dipinda ini di atas kebolehan akta ini memberikan manfaat kepada semua yang terlibat. Bagi mereka yang tidak ada kemampuan untuk menyertai keadilan dalam hidupnya.

Sebagai contoh, semenjak tahun 1984, saya berkecimpung dalam Gerakan Persatuan Sekerja ini, tidak pernah terlintas yang kita ada guaman percuma ini untuk diberikan manfaat kepada mereka yang teraniaya terutama sekali pekerja-pekerja asing yang ribuan telah diberhentikan tanpa dapat ditegakkan keadilan kehidupan mereka. Apakah Yang Berhormat Bukit Katil bersetuju dengan saya bahawa setiap undang-undang itu mesti dirangkumi dari semua aspek dan mereka yang berfaedah itu mestilah mereka yang teraniaya sifatnya. Kalau ianya menjurus kepada mereka dalam kelompok yang tertentu, ini seolah-olah ada *double standard* dan tidak diizinkan meliputi seluruh golongan yang teraniaya.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Bukit Katil bahawa setiap rang undang-undang itu difaedahkan kepada semua rakyat yang tidak berkemampuan untuk mendapatkan hak pembelaan. Apakah Yang Berhormat Bukit Katil bersetuju bahawa perlu disebarluaskan kelayakan dan faedah ini untuk dimanfaatkan termasuk golongan pekerja yang berjumlah 13 juta ini untuk mereka juga dimanfaatkan ke atas pindaan rang undang-undang ini? Apa pandangan Yang Berhormat Bukit Katil. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagi sedikit?

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Sila.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tumpang sedikit dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat Bukit Katil tentang kalau kata RM4,000 lebih sedikit. Jadi saya hendak tambah sedikit lagi. Maknanya syarat untuk dapat bantuan ini perlu dilihat dari banyak aspek lagi. Katakanlah gaji dia pun RM5,000. Anak dia tujuh orang. Selepas itu yang ketujuh itu kembar, lapan pula, bukan? Kalau mungkin dia, katakanlah dia ada isteri dua, jadi dia punya perbelanjaan tinggi. Buat pula mak dia sakit dan duduk dengan dia. Jadi semua ini tetapi gaji dia RM5,000. Jadi macam mana. Itu satu.

Kedua, saya hendak tanya sebab saya dapat faham yang ini, percuma ya? Bantuan ini percuma. Apabila percuma ini, saya hendak tanya kualiti *lawyer* itu sendiri. Apabila percuma ini, macam itu. Saya minta maaf, saya hendak cerita. Kalau orang sakit pun, *you* boleh pilih hendak pergi hospital kerajaan ataupun hospital swasta, hospital swasta pun ada yang kecil dan hospital yang besar dan *you* terpaksa bayar lebih untuk jumpa pakar yang lebih hebat lagi. Apabila pakar yang lebih hebat lagi, bayarannya lebih ataupun hendak jumpa di klinik swasta



ataupun di klinik kerajaan, di pusat kesihatan ataupun di Klinik 1Malaysia. Jadi perbezaannya, jadi kita sendiri pilih. Bergantung kepada kemampuan kita.

Jadi kalau kata bantuan guaman ini tadi, apabila kita jumpa dengan *free* lah katakan, orang kampung, tidak faham, tidak reti, dan kita ucapkan terima kasihlah kerana ada benda ini tetapi saya hendak tanya tentang kualiti servis yang diberi. Tadi kita dengar ada orang kata kena jerkah tetapi saya tidak kata kena jerkah tetapi bagaimana kualitinya? Berapa kes kita sudah menang? Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai dan Yang Berhormat Kuala Langat. Saya hendak ulas tentang Yang Berhormat Kuala Langat dulu, Tuan Yang di-Pertua. Prinsip yang saya sebutkan tadi bahawa Akta Bantuan Guaman ini dari segi prinsipnya ialah selain daripada akses kepada keadilan memberikan peluang kepada semua rakyat untuk mendapatkan keadilan. Dalam konteks ini, mendapatkan khidmat nasihat undang-undang untuk dibawa ke mahkamah dan sebagainya.

Seperkara lain, dari sudut yang lain, kewujudan perkhidmatan dan bantuan guaman ini memberikan satu kefahaman kepada kita bahawa sesiapa yang tidak mampu mempunyai wakil undang-undang, maknanya peguam, siapa yang tidak mampu mendapatkan peguam akan diberi bantuan guaman. Sebab itu dalam konteks ini, saya ingin bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kuala Langat tadi sebagai tokoh yang sentiasa prihatin terhadap isu pekerja. Tentulah saya bangkitkan tadi masalah ramai rakyat yang tidak mendapat pekerjaan. Setengah juta. Sebahagian daripada itu mungkin dibuang kerja tetapi adakah kerajaan sedar, kalau mengikut statistik yang terbaru, statistik pekerjaan dan pemburuan Kementerian Sumber Manusia Siri Ke-11, Bil. 1, 2017 yang dikeluarkan pada bulan Mac yang lalu tahun ini bahawa sehingga 31 Disember 2016, Malaysia mempunyai 1.8 juta orang pekerja asing yang sah. Setakat Februari 2017, kita mempunyai 153,000 pegawai dagang yang aktif.

Ini satu jumlah yang cukup besar. Sebab itu pada hemat saya, adalah amat tidak bijaksana untuk bantuan guaman ini ditolak daripada mereka ini kerana kita harus memahami golongan pekerja asing, pekerja migran ini dan juga pegawai-pegawai dagang yang aktif dan mereka yang daripada luar ini bukannya satu jumlah yang kecil. Ia jumlah yang cukup signifikan dan ia menyumbang kepada ekonomi negara. Bila mana kita menyumbang kepada ekonomi negara, negara dari segi pendapatan bertambah, ramai pekerja-pekerja yang dapat akan memberikan pulangan yang baik kepada negara. Saya tidak nampak ada masalah untuk kita buka sedikit ruang apabila timbul pertikaian tentang perundangan dan sebagainya. Mereka ini diberikan ruang untuk mendapatkan bantuan guaman.

Pada tahun 2014 misalnya, bekas Presiden Badan Peguam Malaysia, Christopher Leong pernah berkata bahawa akses kepada keadilan di Malaysia ini bukanlah untuk rakyat Malaysia sahaja. Ini adalah pandangan *legal fraternity*, dengan izin. Mereka yang terlibat dalam bidang guaman, dalam perundangan ini kerana kita semua sedia maklum bahawa ekosistem keadilan ini mesti sempurna dari segi kepeguaman, pendakwaan, mahkamah dan sebagainya. Barulah kita boleh menjamin kesejahteraan negara ini dan seperti mana yang ahli-ahli wakil rakyat Yang Berhormat semua tahu bahawa undang-undang ini tidak mengenal sesiapa sama ada dia ini

daripada warganegara ataupun bukan warganegara, dia harus diberikan peluang untuk mendapatkan pembelaan.

Misalnya saya beri contoh pada tahun 2008. Badan Peguam Malaysia sendiri pernah mencadangkan bahawa sebahagian daripada levi yang dibayar oleh pekerja asing ini boleh disalurkan kepada penyediaan perlindungan undang-undang kepada mereka. Jadi yang ini juga sebenarnya boleh diambil kira oleh kerajaan, mungkin boleh menggunakan undang-undang ini atau rang undang-undang yang lain agar akses kepada keadilan, *access to justice*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dapat dinikmati oleh semua pihak. Seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai tadi, saya setuju apa yang diberikan pandangan Yang Berhormat Bagan Serai memang keadaan yang cukup mengerikanlah dari segi suasana tadi, bukan?

Gaji RM5,000. Isteri mungkin empat. Anak 10. Oh, isteri, dua. Kemudian jaga mak lagi sakit. Bapa mungkin kena strok. Saya tidak boleh bayang. Kalau saya, pengsan sudah. Tiba-tiba ada kes, tidak boleh dapat bantuan guaman. Jadi pada saya, ini satu perkara yang cukup serius. Sebab itu saya nyatakan tadi, jangan kita mengambil sikap bahawa oh penerima BR1M dan eKasih terus automatik boleh dapat. Ini yang menjadi asas kepada hujah yang saya nyatakan tadi.

Soal sama ada peguam berkualiti atau tidak. Saya tidak boleh bercakap bagi pihak peguam-peguam yang lain tetapi di dalam bidang perundangan Tuan Yang di-Pertua, kita diajar untuk mengikuti *cab-rank rule*. Macam orang beratur teks. Siapa yang dapat yang teks pertama macam contohnya klien pertama, dia kena ambil. Sebab itu dahulu dari segi konsepnya, kalau kita pergi Mahkamah Tinggi, dia pakai jubah. Jubah itu sudah macam tali. Jadi dia letak duit ataupun *legal fee* itu, kita pun tidak tahu berapa. Kita terus ikat dan jalan. Itu dari segi konsep murninya lah. Akan tetapi sekarang ini, sudah jadi campur-campur, jadi masalah yang lain. Saya setuju bahawa mesti ada *pool of lawyers* ataupun himpunan peguam-peguam, gabungan peguam-peguam yang dipilih dari kalangan yang agak terbaik untuk mereka melakukan CSR.

#### ■1530

Bila mereka melakukan CSR, dengan izin, Yang di-Pertua, maka mungkin ada pendekatan-pendekatan misalnya mendapat *tax exemption* agar mereka dapat memberikan *service* yang baik, peguam yang baik dan dalam masa yang sama mereka mendapat sedikit manfaat. Mungkin sebahagian daripada mereka bekerja di firma-firma yang besar. Selain dapat elaun yang banyak setiap tahun, jutaan ringgit, kena bayar cukai *of course*, mungkin ada ruang di sana untuk *tax exemption* dan berikan perkhidmatan kepada mereka yang memerlukan terutamanya yang susah di bawah ini, agar mereka ini dapat khidmat peguam yang baik.

Jadi yang ini saya percaya, kerajaan sudah pastilah mempunyai cita-cita ini. Saya yakin tetapi saya tidak nampak lagi berada di dalam rang undang-undang ini. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah ini boleh dijadikan sebagai sebahagian daripada pendekatan dan cara yang boleh digunakan untuk memastikan *the spirit* atau semangat undang-undang ini dapat dilaksanakan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang ingin saya bangkitkan lagi ialah soal kelayakan penerima bantuan ini. Ini dinyatakan di dalam pindaan ini di mana kelayakan penerima bantuan

tidak lagi berdasarkan jumlah pendapatan tetapi pada akhirnya bergantung kepada keputusan Menteri. Misalnya kita tengok fi pendaftaran yang disebut oleh Yang Berhormat Setiu tadi. Asalnya hanya akan berada dalam RM2 akan ditentukan mengikut penetapan Menteri. Ini amat membimbangkan kita semua sebab kenapa perlu ada elemen penetapan Menteri?

Adakah di sana kementerian ataupun kerajaan bercadang untuk menaikkan fi ini? Atau Menteri mempunyai kuasa untuk menetapkan kadar itu mengikut selera Menteri? Atau mengikut garis panduan yang sedia ada. Kalau mengikut garis panduan sedia ada kita hendak tahu, apa dia garis panduan dan kenapa ada elemen-elemen yang bagi saya tidak memberikan keuntungan kepada rakyat yang susah? Apakah ada GST di sana? Hendak bayar *free* tapi kena GST.

Ini perkara-perkara yang ingin kita bangkitkan ke dalam Dewan ini kerana kita tidak mahu bila mana kita membahaskan tentang Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) ini, di sana ada elemen-elemen yang akan menyusahkan rakyat. Di sini lah saya minta supaya kerajaan menyatakan apakah dia kriteria kelayakan penerima bantuan ini yang perlu dijelaskan dalam Dewan ini agar tidak berbangkit di kemudian hari. Pada saya, undang-undang sedia ada ini sudah baik. Mereka daftar RM2.00 boleh dapatkan khidmat bantuan guaman tetapi kenapa perlu ada elemen penetapan daripada bergantung kepada keputusan Yang Berhormat Menteri. Yang ini kita tidak tahu, Dewan tidak tahu, Yang Berhormat Menteri seorang sahaja yang tahu. Cuma kebimbangan kita ialah mesti ada garis panduan atau kriteria yang jelas serta batas-batas kuasanya yang cukup jelas.

Perkara yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua, ialah soal yang disebut tadi tentang Khidmat Pendamping Guaman. Saya senada dengan wakil-wakil rakyat yang lain, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang menyatakan bahawa di sana terdapat dua kelompok seperti mana saya bangkitkan dalam pencerahan sebentar tadi iaitu bagaimana kita hendak imbang di antara pandangan Khidmat Pendamping Guaman ini yang bercakap bagi pihak orang yang dibantu itu dengan kebenaran mahkamah dengan nasihat daripada peguam. Dia mendamping, dia mewakili kanak-kanak ini. Sudah pastilah peguam kalau ikut dari segi profesionalisme, dia mesti dapatkan panduan ataupun arahan daripada anak guam dia.

Jadi bagaimana perkara ini dapat diharmonikan? Kerana saya bimbang kalau ini tidak diuruskan dengan baik, di sana terdapat konflik yang mungkin akan menyebabkan kes yang membabitkan kanak-kanak ini menjadi lebih rumit kerana kita tahu bahawa kes yang membabitkan kanak-kanak ini ia bukan kes yang biasa, ia kes yang membabitkan emosi, ia kes membabitkan *fear*, membabitkan tekanan, jadi mesti diberikan satu suasana yang baik misalnya saya dengar jawapan Yang Berhormat Menteri tentang kes-kes yang bersidang di mahkamah bagi membicarakan mahkamah seksual kanak-kanak ini dia ada suasana-suasana yang baik itu, yang lebih harmoni, yang lebih tersusun supaya kanak-kanak lebih selesa untuk memberikan pandangan secara bebas tanpa ada rasa takut dan sebagainya.

Sebab itu lah, dalam konteks ini saya ingin menyatakan ataupun memberikan pertanyaan kepada kerajaan, apa sebenarnya *role* ataupun peranan legal *companion* ini? Adakah untuk menasihati ibu dan bapa ataupun penjaga kanak-kanak ini dan bukan kanak-kanak itu sendiri?

Jadi yang ini perlu dijelaskan. Misalnya tadi saya mendengar rakan-rakan yang memberikan pandangan terutama sewaktu makan tengah hari, Tuan Yang di-Pertua, ada yang beri pandangan. Ada satu kes di Petaling Jaya misalnya, bapa dia terbabit *illegal activity*. Kemudian selepas itu dia ajak mak dia sekali. Bila mak dan ayah bergabung tenaga pula, selepas bergabung tenaga sudah tidak cukup ruang, jadi si ibu melacurkan diri, bapa pula rogol anak.

Jadi *the whole family*, Tuan Yang di-Pertua, jadi masalah. Jadi bagaimana kita hendak selesaikan perkara-perkara seperti ini? Ada orang yang mengambil inisiatif untuk membawa anak itu keluar tetapi sudah pasti anak itu tidak selesa kerana sudah biasa dengan keluarga dan sebagainya. So perkara-perkara ini saya fikir perlu diaddress.

Untuk itu saya hendak tanya sebenarnya tadi, apakah *role legal companion* ini? Dan dalam keadaan mana *and on what circumstances*, *legal companion* ini dibenarkan bercakap di mahkamah sekiranya perlu *on behalf of the child victim*. Yang ini perkara yang kita ingin bangkitkan. Adakah dia boleh pula *cross examine*? Kadang dia dilihat berperanan juga untuk memberikan khidmat sebagai peguam, dalam masa sama juga dia sebagai pendamping guaman.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan tentang *resources*. Saya tahu bahawa perkara yang dibangkitkan oleh ramai Yang Berhormat tadi ialah soal kualiti peguam ini. Saya sudah sebutkan tadi tentang cadangan saya. Akan tetapi dalam masa yang sama, saya ingin mengingatkan kepada kerajaan bahawa sudah sampai masanya untuk kita meletakkan satu sumber dana yang munasabah agar kita dapat memberikan bantuan undang-undang yang terbaik kepada mereka yang memerlukan, mereka yang susah terutamanya. Ini bajet tidak lama lagi. Jadi saya minta pihak kementerian sediakan peruntukan yang munasabah, yang kita bila berikan khidmat ini, tidak ada lagi timbul isu tidak boleh bayar dan sebagainya. Sebenarnya tahun lalu saya bangkitkan isu YBJK ini yang diselenggarakan dengan Majlis Peguam.

Jadi perkara-perkara ini tentunya akan membantut usaha-usaha, termasuk semangat Ahli-ahli Dewan pada hari ini untuk memastikan rang undang-undang ini dapat menjaga kepentingan rakyat yang terbanyak, agar usaha-usaha dan ikhtiar ini tidak terbantut disebabkan tidak ada sumber, kekurangan *resources*. Ini adalah kerana saya percaya pegawai-pegawai di kementerian pun terutama di Jabatan Bantuan Guaman ini sudah pasti juga memerlukan bantuan dan sokongan yang kuat daripada kementerian untuk memastikan agar *workload* mereka dapat dibantu, diurus dengan baik kerana kalau *workload* mereka banyak, ini juga menimbulkan masalah.

Banyak perkara-perkara ini di bangkitkan kerana kita tahu bahawa kakitangan kerajaan akan sentiasa, kerana mereka *serve the charter of the service*. Dia bukan *serve* parti politik. Oleh sebab itulah ini saya sarankan agar mereka juga mendapat bantuan dan dukungan daripada kita agar kerja itu dapat dijalankan dengan baik. Jadi saya fikir setakat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas ruang yang telah diberikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di atas usaha

kerajaan yang berpadu dan berterusan bagi menambahbaikkan lagi pelaksanaan khidmat bantuan guaman ke arah menyediakan khidmat yang lebih baik. Saya mempunyai beberapa perkara yang saya anggap perlu diambil perhatian dan penambahbaikan. Setiap warga wajib mendapat khidmat yang terbaik walaupun keadaan hidupnya. Ini adalah misi dan visi kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa memastikan warga mendapat yang terbaik. Beberapa ruang berikut adalah berkaitan:

- (i) ujian kelayakan bantuan guaman;
- (ii) pelantikan dan kriteria Pendamping Guaman;
- (iii) kelayakan seseorang peguam yang mengendalikan sesuatu kes bantuan guaman;
- (iv) ketetapan jumlah fi pendaftaran yang ditetapkan Menteri;
- (v) tempoh menunggu mendapat bantuan guaman; dan
- (vi) status Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBJK) yang ditubuhkan pada 25 Januari 2011.

#### ■1540

Tuan Yang di-Pertua, perakuan bantuan guaman. Saya lihat pada bagaimana ujian kemampuan kelayakan bantuan guaman ini tidak konklusif dan tidak komprehensif kerana ia hanya mengambil kira pendapatan seorang pemohon dan bebanan-bebanan lain yang lebih spesifik seperti bilangan ahli keluarga yang masih lagi jadi tanggungan seseorang pemohon atau menjadi tanggungan secara mengejut tidak di ambil kira.

Perakuan bantuan guaman seharusnya mempunyai ciri-ciri dan roh yang melihat kemampuan pemohon secara holistik dan realistik. Merangka tadbir urus supaya khidmat ini dapat di usahakan, keadaan seorang pemohon atau anak guam yang tertekan dengan bermacam-macam masalah hidup mengekang usaha merungkai masalah tidak berputus asa dan harus dimudahcarakan supaya tidak berputus asa. Jadi, saya harap satu ujian kemampuan yang lebih membantu dan bukan menolak seseorang di usahakan, di format barukan supaya betul-betul dapat membantu.

Seterusnya, pelantikan pendamping guaman. Saya ingin bertanya Menteri apakah patut ada pada pemilihan seorang pendamping guaman? Pemilihan kriteria yang betul dan tepat dari segi kepakaran dan psikologi dan EQ pendamping guaman ini harus diambil kira kerana ia melibatkan kes-kes sensitif dan kes-kes jenayah seksual yang memerlukan nasihat yang baik dan diperhalusi dan *urgency of the case*, dengan izin. Sekiranya seorang pendamping guaman tidak bijak menangani hal-hal yang sensitif ini ia mungkin menggagalkan fungsinya untuk membantu kes ini sehingga mencapai tahap pembuktian yang terbaik dan *justice is seen to be done*, dengan izin. Saringan yang ketat dan piawaian yang tinggi harus dibuat supaya ia menepati kehendak kes tersebut dan anak guam berkenaan.

Seterusnya, kelayakan seorang peguam yang mengendalikan kes di bawah bantuan guaman. Saya percaya, setiap anak guam di dalam kes-kes bantuan guaman beranggapan seseorang peguam itu mempunyai kepakaran dan kelayakan untuk membantu mereka. Saya beranggapan setiap peguam yang dilantik harus mempunyai kelayakan dan pengalaman yang

setimpal dengan kerumitan kes tersebut. Saya faham juga setiap peguam mahu melakukan CSR tetapi niat yang murni ini ada kalanya tidak membantu mangsa-mangsa yang perlu pembelaan dari seorang yang harus mempunyai kepakaran yang sepatutnya.

Saya pernah melihat satu kes jenayah berat di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya yang dikendalikan oleh seorang peguam yang baru diterima masuk sebagai peguam. Yang tertuduh di hukum maksima kerana pengalaman dangkal peguam tersebut tetapi berniat baik. Sedangkan sekiranya peguam tersebut faham liku-liku pengendalian kes-kes sebegini di atas *lacuna*, seseorang tertuduh itu memerlukan pembuktian yang kukuh dan boleh bebas atas pembuktian teknikal sahaja. Saya harap, pemilihan seseorang peguam bukan hanya di atas kesanggupan peguam tersebut, tetapi juga kerana peguam tersebut betul-betul mampu mengendalikan kes-kes yang memerlukan kepakaran di mana hukumannya berat seperti sebatan dan hukuman gantung.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soal tanggungjawab dan kepakaran mengikut kes-kes tertentu. Jumlah *fee* pendaftaran yang ditetapkan oleh Menteri, apakah cara Menteri gunakan untuk menentukan *fee* pendaftaran ini? Tentunya *fee* tersebut adalah muktamad dan wajib diterima oleh kita semua. Saya mencadangkan *fee* tersebut dapat merangkumi semua strata masyarakat yang amat memerlukan pembelaan. Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat peka mengenai tempoh menunggu bagi sesuatu khidmat bantuan guaman. Mungkin saya tidak mempunyai data yang tepat tetapi menjadi lumrah seseorang pemohon bantuan guaman perlu menunggu mendapat khidmat ini. Kita harus memastikan ada satu SOP wajib proses mendapatkan khidmat ini.

Kalau ia mengambil masa yang terlalu lama, seorang kanak-kanak mangsa kes jenayah seksual akan melebihi umur ketika menunggu pelantikan seorang peguam atau pendamping guaman dan mungkin tidak layak lagi menerima seorang pendamping guaman bagi penjaga dan pelindung. Tuan Yang di-Pertua, Yayasan Bantuan Guaman yang telah ditubuhkan pada 25 Januari 2011, dengan dana permulaan RM5,000,000. Saya ingin Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini apakah status yayasan ini dan keberkesanannya membantu usaha Menteri untuk meningkatkan lagi kualiti khidmat yang perlu di dalam hal yang berkaitan. Harap keberkesanan yayasan ini dapat menzahirkan semangat ia mula ditubuhkan. Adakah ini satu pertindihan dan mempunyai fungsi seakan sama dengan penubuhan akaun amanah bantuan guaman di bawah seksyen 89, Akta Tatacara Kewangan 1957? Mungkin tidak. Saya mohon penjelasan.

Mengenai apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Jerantut iaitu mengenai keangkuhan sesetengah peguam yang menjalankan tugas dalam usaha-usaha bantuan guaman. Saya ingin *share* ataupun kongsi di sini bahawa sebenarnya itu adalah satu benteng psikologi yang sedia ada di dalam hal-hal guaman. Sebenarnya tidak ada seorang pun peguam yang mahu melihatkan keangkuhan beliau di dalam satu-satu permasalahan seseorang anak guam tetapi kadang-kadang perkataan yang diguna di dalam hal-hal perundangan dan juga ketika terpaksa berdepan dengan seorang peguam yang hebat di sebelah sana perlu mendapat sesuatu tindakan yang setimpal dengan usaha tersebut.

Jadi saya rasa tidak ada seorang peguam pun mahu melihatkan keadaan sebegitu rupa tetapi apakan daya kita dilahirkan dalam satu pemberian dari penjajah Inggeris yang telah meletakkan terma-terma yang begitu keras dan juga kadang-kadang tidak nampak orang kata peribadi timur yang kita alu-alukan.

Setakat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, Kuala Kangsar menyokong Rang Undang-undang Bantuan Guaman ini dengan cadangan-cadangan dan keperluan-keperluan tertentu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang.

### 3.47 ptg.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini, mungkin tidak begitu panjang Tuan Yang di-Pertua, cuma saya hendak bahaskan beberapa isu sahaja. Sebelum saya mulakan perbahasan ini, izinkan saya mungkin bercakap sedikit mengenai mukadimahnyanya.

Saya lihat banyak rang undang-undang telah dimasukkan dalam sidang kali ini. Saya hendak bagi satu pandanganlah kalau boleh, saya rasa untuk membolehkan kita berbahas dengan lebih baik, saya rasa mungkin agak sukar sebab dengan rang undang-undang yang baru dan rang undang-undang yang begitu banyak ini dan kita memerlukan *preparation* ini dalam keadaan kita tidak tahu apakah rang undang-undang yang asal itu yang dibekalkan pada kita bersama. Kita hanya lihat pindaan. Saya rasa *even* peguam pun akan menghadapi masalah untuk hendak berbahas dengan baik sebab *in order to*, dengan izin, untuk berbahas ini kita perlu lihat juga rang undang-undang yang sebelum ini. *The original copy*.

Akan tetapi sekarang kita terpaksa buat inisiatif sendirilah, *alhamdulillah* dengan ada internet ini ia lebih mudahlah. Akan tetapi saya hendak katakan bahawa mungkin pihak kementerian boleh memikirkan pada masa akan datang, pihak Parlimen boleh memikirkan pada masa-masa akan datang kalau kita hendak bahas mana-mana rang undang-undang kalau boleh bekalkan juga kepada Ahli Parlimen ini rang undang-undang yang asal itulah ataupun bagi dia punya *gist* kah untuk kita sekurang-kurangnya melihat perbandingan itu. Itu yang pertama. Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya telah melihat rang undang-undang ini, saya menjangkakan bahawa rang undang-undang sepatutnya sudah sampai masa untuk dipinda.

### ■1550

Saya, semasa jadi pelajar undang-undang tahun dua, saya pernah buat praktikal di Biro Bantuan Guaman. Saya dapat melihat bagaimana mereka yang bertugas di Biro Bantuan Guaman ini memang dengan tenaganya yang tidak ramai, dengan kerja yang agak banyak jugalah, memang satu tanggungjawab yang agak besar jugalah.

Akan tetapi dalam masa yang sama juga Tuan Yang di-Pertua, saya menjangkakan ataupun mengharapkan supaya adanya pindaan yang lebih *substantial* lagi, khususnya bidang kuasa. Kita tahu kalau melihat kepada Rang Undang-undang Akta Bantuan Guaman ini, ia ada dua bidang kuasa, jenayah dan juga sivil. Jenayah ini seperti mana kata Yang Berhormat Setiu

tadi, ia hanya terhad kepada kes-kes, antaranya kes yang mengaku salah, dia membuat rayuan mitigasi dan juga kes-kes yang melibatkan antaranya Akta Kesalahan-kesalahan Kecil iaitu kes-kes yang biasanya dibicarakan di Mahkamah Majistret dan juga kes yang satu lagi, kes di bawah akta- saya tak ingat akta apa.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyatakan bahawa dalam kes *minor offenses* ini, kesalahan kecil ini, ini kes yang begitu kecil sekali. Contoh, kes *minor offense* ini kes yang melibatkan Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam, kita tahu telah diserang di Parlimen ini, dia Ahli Parlimen, diserang oleh anak kepada seorang Timbalan Menteri Barisan Nasional. Sekarang ini anak itu hanya didakwa di bawah Akta Kesalahan Kecil. Akta Kesalahan Kecil ini kalau kita lihat dalam undang-undang ini, kesalahannya, hukumannya begitu ringan. Ada yang sampai RM50, ada yang RM100 dan dalam kes yang melibatkan Yang Berhormat Shah Alam, kesalahannya kalau bersalah pun hanya RM100 saja. Itu pun tidak mengaku salah, nak lawan juga. Tak apalah, *it's okay* lah, itu hak dia untuk tidak mengaku salah.

Saya hendak mengatakan kalau kita serius hendak membela keselamatan Ahli-ahli Parlimen, sepatutnya dalam kes seperti ini kita patut bersama memastikan bahawa orang yang terlibat ini dibicarakan di bawah akta yang mengandungi hukuman yang serius. Saya bercakap ini bukan kerana dia Ahli Parlimen Shah Alam dan daripada parti sama, kalau katakan sebaliknya berlaku, katakan Yang Berhormat Shah Alam ini, anak ataupun Yang Berhormat Shah Alam sendiri yang menyerang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang, 36(1) Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya 36(1), ini relevan sebab ini berkaitan dengan akta kesalahan *minor*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Balik kepada guaman.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak katakan guaman. Saya hendak katakan bahawa...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dalam kes ini saya tahulah, walaupun saya tahu anak Menteri tidak dapat pun Biro Bantuan Guaman. Saya hendak katakan bahawa kita harus memperluaskan bidang kuasa ini. Oleh sebab saya bercakap ini mungkin orang tuduh, ini sebab Yang Berhormat Shah Alam, sebab itu saya cakap. Saya kata tidak, katakan BN yang kena serang pun, saya akan bercakap yang sama. Bagi saya, saya ini melihat keadilan untuk semua. Bila kita kata hendak pinda bidang kuasa itu, bukanlah kita hendak kata supaya orang-orang yang kaya ini seharusnya dapat bantuan guaman ini. Tidaklah sampai ke peringkat-contohnya orang macam Razak Baginda yang mungkin akan didakwa di Perancis itu dibela di bawah- dapat guaman daripada Biro Bantuan Guaman. Itu bukanlah maksud saya. Saya fahamlah macam Razak Baginda dapat elaun yang banyak, takkan dia nak pakai *lawyer* daripada Biro Bantuan Guaman. Lagipun dia kat Perancis kan. Itu boleh ya? Itu boleh, Tuan Yang di-Pertua pun ketawa, bolehlah tu.



Jadi saya faham bahawa bidang kuasa- tapi kalau melibatkan kesalahan-kesalahan kecil saja, saya rasa ini tidak sepatutnya berlaku. Saya paling setuju kalau sekiranya Biro Bantuan Guaman ini diberi dana yang mencukupi. Oleh sebab bagi saya Tuan Yang di-Pertua, hak untuk mendapatkan guaman ini, nasihat, *representation*, ini adalah hak yang universal dan itulah yang diperjuangkan oleh *Universal Declaration of Human Rights*. Hak ini adalah hak yang universal dan *inherent*, hak yang sedia ada pada semua, setiap *human beings*, manusia.

Di sinilah saya rasa agak malu. Kalau kita lihat di Amerika, mereka memberikan hak ini kepada semua orang tanpa mengira warga negara. Saya hendak bagi satu analogi. Saya pernah berkunjung ke *Venezuela*, negara Latin. Mereka beritahu saya, ini pihak pegawai kerajaan beritahu bahawa di sana kalau sekiranya seorang itu sampai saja di *Venezuela*, mendarat saja di *Venezuela* walaupun dia bukan warganegara, kalau dia sakit, kalau dia terlibat dengan pembedahan, masuk hospital, dia akan bagi rawatan percuma sebab dia kata *rights to healthcare is a universal rights* dan mesti diberikan percuma. Ini negara yang mungkin kita rasa negara yang mungkin dibandingkan dengan Malaysia, mungkin Malaysia kata Malaysia lebih hebat tetapi mereka boleh bagi hak percuma kepada bukan warganegara untuk mendapatkan rawatan perubatan.

Jadi, apa salahnya dalam kes yang melibatkan hak guaman ini, kita seharusnya bersifat universal juga iaitu kita berikan juga hak ini kepada semua orang tanpa mengira warganegara. Akan tetapi dalam pindaan yang hendak dibuat ini, khususnya pindaan kepada seksyen 29 ini, ia mengatakan bahawa hanya diberikan kepada warganegara. Dulu boleh kepada mereka-mereka yang bermastautin dan juga yang tinggal di Malaysia. Sekarang ini kita hendak *confined*, dengan izin, ataupun kita hendak hadkan kepada warganegara. Mungkin melibatkan bajet saya rasa tetapi bagi saya, kita seharusnya jangan ke belakang. Ini saya setuju tadi bahawa ada satu perbincangan kata, tak silap saya Yang Berhormat Pasir Puteh, dia kata kita seolah-olah macam ke belakang. Sepatutnya kita makin maju ke depan. Jadi, saya harap ini perkara yang kerajaan kena *reconsider* balik. Adakah harus kita meminda kepada warganegara. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat Perlembagaan. Perlembagaan daripada...

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Minta pandangan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sila-sila.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Sepang berkenaan dengan kes pembunuhan Kim Jong-nam, seorang warga Korea Utara yang dibunuh di KLIA2 ini. Dua wanita telah ditangkap, didakwa. Satu dari negara Vietnam, satu dari negara Indonesia. Jikalau keluarga mereka tidak dapat menampung kos untuk mendapat seorang peguam, adakah mereka sepatutnya dibela di bawah akta ini?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong. Kalau kita lihat kepada akta ini, memang tidak bolehlah kecuali dia mengaku salah. Akan tetapi kalau mengaku salah pun, kalau sekarang, tidak boleh jugalah sebab dia bukan warganegara. Jadi, bagi saya inilah masalah yang paling besar. Tadi saya harap Menteri boleh jawablah.

Akan tetapi bagi saya memang tidak bolehlah dapatkan khidmat guaman sama ada dia mengaku salah atau tidak mengaku salah, tidak boleh. Kalau dulu boleh, kalau dia mengaku bersalah, mungkin ada peluanglah tetapi sekarang langsung tidak adalah. Kalau kita lihat kepada perlembagaan, satu yang agak menarik dalam perlembagaan ini, perlembagaan kita ini, kita sebenarnya lebih meluaskan pemakaian kepada semua orang, bukan warganegara saja. Kalau kita lihat Artikel 5 sebagai contoh, dalam hak yang dipanggil *fundamental liberties*, daripada Artikel 5 sampailah Artikel 13, itu berkaitan dengan *fundamental liberties*, hak asasi manusia. Artikel 5 ini banyak ia punya pecahan, Artikel 5, i, ii, iii. Artikel 5(3) itu dia kata “apabila orang ditangkap, dia boleh diberikan hak untuk dapat *lawyer* yang pilihannya sendiri”.

Okey, yang saya hendak tegaskan di sini ialah Artikel 5 menggunakan perkataan “*person*” bukan “*citizen*”. Yang gunakan “*citizen*” dalam Artikel 10, Artikel 9 – *banishment*. Artikel 10 ini berkaitan tiga hak, hak berhimpun, bersuara dan juga berpersatuan, ini “*citizen*”. Hak beragama - Artikel 11, juga diberikan kepada orang bukan warganegara. “*Person*”, ia guna perkataan “*person*” atau “*minor*” pun boleh. Hak *property* - Artikel 13, pun melibatkan *person*. Hak tidak boleh diperhambakan - Artikel 6, pun juga melibatkan *person*, bukan melibatkan hanya warganegara.

Jadi, kalau dalam perlembagaan sendiri, ia meluaskan hak untuk mendapatkan hak guaman ini tidak terhad kepada warganegara, kenapa dalam akta ini kita hadkan kepada warganegara? Jadi, saya merasakan bahawa ini bagi saya ke belakanglah, minta maaf, saya tidak bersetujulah kita hanya menghadkan kepada warganegara. Apatah lagi, seksyen 29 ini berkaitan dengan hak beri nasihat, bukan hak untuk *representation*. Kalau kita lihat kepada seksyen 29 ini, ia berkaitan dengan Jadual Keempat. Jadual Keempat ini berkaitan dengan hak beri nasihat. Kalau nasihat kepada bukan warganegara pun tidak boleh beri nasihat, ini dah teruk sangatlah. Nasihat ini paling kurang bolehlah, ini nasihat bukan warganegara pun tidak boleh.

#### ■1600

Jadi saya rasa yang ini saya minta maaf, Yang Berhormat Menteri, saya tidak boleh hendak sokong. Saya harap kita paling kurang, kekalkan dengan lama dan lebih baik lagi kalau mungkin kita buka juga untuk bukan warganegara. Saya rasa kita di Malaysia kena jadi contoh kepada negara lain. Kalau katakan di negara lain yang mungkin dihadkan kepada warganegara, kita jangan jadi macam itu. Kita mesti tunjukkan bahawa kita menjunjung nilai-nilai universal dalam memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mendapatkan bantuan guaman. Ini sepatutnya Malaysia sudah ke depan. Kita seharusnya jadi juara dalam hal ini.

Dalam hal ini, kita boleh juga mengambil contoh beberapa jurisprudens, antaranya jurisprudens Islam. Kalau kita baca buku *Turuq Al-Hukmiyyah- Turuq Al-Hukmiyyah* ini satu buku berkaitan dengan perundangan sebenarnya yang menjadi teks semasa saya belajar syariah, ditulis oleh Ibnu Qayyim Al-Jawziyyah. Saya hendak tegaskan betapa hak mendapatkan peguam ini di-*recognize* ataupun diiktiraf oleh Islam sendiri. Kalau kita lihat dalam buku *Turuq Al-Hukmiyyah*, dia banyak menceritakan bagaimana zaman Sayidina Omar- Sayidina Omar ini *the second caliph*. Zaman Sayidina Omar ada beberapa kes di mana orang-orang hendak didakwa sebab melakukan kesalahan, tidak ada dapat *representation* dan Sayidina Omar, Khalifah sendiri

minta supaya Sayidina Ali KW- Sayidina Ali ini *the forth caliph*- untuk mewakili orang itu. Maknanya Sayidina Omar merasakan bahawa hak untuk mendapat pembelaan ini satu hak yang *fundamental*.

Jadi kalau kita bercakap tentang Islam, sebenarnya ini yang bagi saya bercanggah dengan prinsip-prinsip keadilan. Kita harus bercakap tentang keadilan ini tanpa mengira siapa yang terlibat. Yang ini bagi saya, kita patutnya bercakap tentang keadilan ketika mana isu itu berlaku.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

Yang ini saya hendak minta- saya mungkin hendak kritik sedikitlah pada Barisan Nasional ini. Masa Tun Mahathir jadi Perdana Menteri, tidak ada seorang pun tegur Tun Mahathir kalau dia buat silap. Sekarang ini sibuk. TV3 hari-hari fasal Tun Mahathir. Hendak bawa *Forex* semua. Apabila Tun Mahathir sudah tidak ada *power*, baru berani bercakap. Ini bukan jantan. Ini tidak tahu apa hendak cakaplah. Kalau orang tidak ada kuasa baru bercakap, sesiapa boleh. Kita mesti bercakap ketika *the heist on*, ketika isu tengah panas. Tun Mahathir katakan dia buat salah, masa dia ada kuasa dulu, masa itulah kita bercakap. Ini masa dia ada dulu, dia batuk pun kita sudah takut. Sekarang ini baru hendak cakap. Ini pengecut, bacul. Minta maafah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, janganlah keluar perkataan macam itu, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Habis hendak cakap apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, sila balik semula pada...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tarik balik, saya tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** ...Pindaan rang undang-undang kita.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak, saya hendak tekankan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita mesti berani bercakap benar.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak. Dia syok sendiri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ada hendak cakap?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kita biarkan dia sebab dia pun wayar sudah putus satu. Jadi kita biarkan dia. Kalau dulu, kita lawan dia. Tetapi dia wayar sudah putus, dia sudah syok sendiri, lantaklah dia hendak cakap apa pun. Sebab, dulu dia juga maki Tun Mahathir. Sekarang dia sudah baik dengan Tun Mahathir, dia hendak bodek Tun Mahathir. Ini semua wayar putus punya kaki.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih, terima kasih. Tidak apalah hendak cakap wayar putus kah apa kah, tidak kisahlah. Walaupun tidak ada wayar yang putus sebenarnya. Saya tidak tahulah, saya peliklah ada orang main isu kesihatan ini. Eh, jangan ingat

kita akan sihat sepanjang masa. Kita boleh bila-bila masa kena. Kalau Ahli Parlimen Barisan Nasional sakit pun, saya tidak akan kait pasal kesihatan dia.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak. Kalau fikir fasal kesihatan, kita jaga mulut kita. Jangan panggil bacul, jangan panggil pengecut.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menyibuklah. *I am talking about fact.* Hei Yang Berhormat Baling, sudahlah. Sudahlah. Tidak ada poin, diamlah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Pakailah ayat yang lebih baik. Awak seorang peguam, Yang Berhormat. Ini cakap macam samseng orang Sepang saja. Ini Dewan Rakyat, Dewan yang mulia. Gunalah kaedah, perkataan yang baik-baik. Jadi kami pun tidak kacau. Tadi saya biarkan saja. Saya biarkan. Patutnya saya bangun tetapi saya fikir apabila Yang Berhormat sebut, saya sudah tekankan berkaitan dengan kesihatan. Tidak, saya tidak pernah memikirkan. Kalau tidak, Yang Berhormat sakit hari ini, esok saya sampai lawat Yang Berhormat. Bukan, ini tidak ada kena mengena dengan kesihatan. *What I meant*, tolong, kita bercakap dalam Dewan ini boleh, tetapi janganlah panggil bacul, pengecut, apa. Tidak ada kena mengena dengan akta ini pun.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Baling. Saya, Yang Berhormat Baling, saya bercakap ini, Yang Berhormat Baling, sebab saya rasa memang ini sepatutnya berlaku. Apabila waktu orang ada *power*, masa itu-sekarang ini kami tidak bantai Tun Mahathir sebab dia tidak ada kuasa lagi. Kami bantai sekarang Yang Berhormat Sepang. Eh, kami bantai Yang Berhormat Sepang pula... [*Dewan ketawa*]

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tengok, Allah SWT bayar *cash*. Allah bayar *cash* kepada orang yang bersangka tidak baik.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Sorry* lah. Sekarang ini kami bantai Yang Berhormat Pekan, kami bantai orang yang ada kuasa. Kami tidak bantai orang yang tidak ada kuasa. Orang tidak ada kuasa buat apa lawan? Tidak ada kuasa ini dia tidak boleh tangkap. Kalau dulu, zaman dia ada kuasa, kita lawan. Sebab itu orang-orang yang lawan sampai kena ISA. Kita lawan sebab dia ada kuasa.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Sepang, apa kena mengena dengan pindaan hari ini?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak, saya hendak katakan kita kena bercakap...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Sepang lepas ini tidak ada lagilah jawatan dengan apa sikit lagi, calon tidak ada lepas ini. Kalau macam ini perangailah, tidak ada orang hendak sudah ini.

Satu soalan, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey. Boleh kah Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Sepang, satu soalan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Satu soalan, boleh kah? Bolehlah, saya bagilah.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sebenarnya hendak bertanya soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang kah siapa tadi, Yang Berhormat Bukit Katil kah tadi, saya tengok macam beria-ia sangat hendak membantu warga asing ini. Jadi saya lihat kalau hendak bantu sangat, sebagai peguam, tawarkan diri. Bagi *free*. Tubuh satu, dipanggil yayasan kah apa kah, yayasan bantuan pekerja asing untuk guaman. Habis. Kalau kita jangan...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Macam biro misi bantuan kemanusiaan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Bagi *free* pergi bantu orang.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Flotila punya.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Flotila. Ini dekat sini memekak tetapi tidak berani hendak pergi.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya, betul, betul. Jadi bercakap hendak salahkan kerajaan saja kerjanya. Akan tetapi kita kenal- kalau kita *concern* sangat dengan dia orang, kenapa kita tidak tubuhkan? Majlis Peguam kah, siapa kah, tubuhkanlah. Jadi macam mana? Nampak saja cakap berdegar-degar tetapi tidak adapun.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sudah belum? Sudah habis?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Bau busuk saja semua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sudah habis belum? Okey. Terima kasih kepada Yang Berhormat Baling dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Setiu, walaupun soalan tidak ada standard, saya jawab jugalah.

Okey, saya pergi kepada Yang Berhormat Baling dulu. Yang Berhormat Baling, sebenarnya Yang Berhormat Baling tadi dia tidak bertanya tetapi saya hendak ulas sikitlah. Yang Berhormat Baling, sebenarnya bagi sayalah, ketika seseorang itu ada kuasa, *time* itulah kita bercakap.

Okey, fasal Yang Berhormat Setiu. Sekarang ini, Yang Berhormat Setiu, sebenarnya kami para peguam daripada sini, kami biasa bagi pro bono ini ataupun bantuan-bantuan yang mungkin sama ada tidak dikenakan bayaran langsung ataupun dikenakan bayaran yang paling minima sebab kita tahu kadang-kadang rakyat ini memang bukan ada duit pun. Akan tetapi buat apa kita hendak bermegah, hendak bercakap semua perkara ini.

Akan tetapi sekarang ini kita bercakap tentang soal kerajaan. Kerajaan ada duit. Kerajaan ambil duit daripada rakyat, ambil GST, ambil cukai dan sebagainya. Jadi kerajaan sudah tentu mempunyai kewangan yang lebih kukuh. Jadi dalam keadaan begitu, sebab itu kami rasakan bahawa- sebab itu kita bercakap supaya duit ini digunakan betul-betul, antaranya kita bagi bantuan kepada orang-orang yang perlukan bantuan. Itu maksud saya. Janganlah hendak salahkan kami. Sikit-sikit kalau kami cakap saja, "*Kenapa kamu tidak bagi?*", "*Kenapa minta kerajaan?*". Sebab kerajaan ada duit, kerajaan ambil duit.

Lagi satu, ini Parlimen. Di Parlimen, tempat inilah kami hendak persoalkan kerajaan. Kalau di Parlimen kami tidak boleh persoalkan kerajaan, hendak cakap dekat mana lagi, Yang Berhormat Setiu? Ini *you* kena faham ini. Inilah peranan *check and balance* ini.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Sepang, minta sikit lagi. Sekarang ini dalam kita punya jabatan ini, kita ada kita lantik panel peguam. Jadi hendak bayar panel peguam ini yang dikatakan bahawa tidak bayar secukupnya kepada peguam, bayar sikitlah, apa semua, jadi maknanya jabatan kena bayar. Banyaklah yang kita lantik panel peguam. Kita sudah bantu sudah tetapi masalahnya kalaulah sebelah peguam ini beria-ia sangat kepada warga asing, buatlah satu yayasan lain. Itu maksud saya. Ini yang Yang Berhormat Sepang dia tidak faham soalan yang payah ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih. Yang Berhormat Setiu hari ini semua orang tidak faham, dia seorang saja yang faham

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Sepang, saya hendak tambah sikit. Tadi Yang Berhormat Sepang jawab, saya hendak bagi tahu balik kepada Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang bagi tahu tadi, bila orang ada kuasa, barulah kita bantai, betul? Bila tidak ada kuasa, kita tidak payah kacau dia. Betul tidak Yang Berhormat Sepang sebut tadi?

Jadi saya hendak bagi tahu pada Yang Berhormat Sepang, kalau sudah tidak ada kuasa, kalau sudah berhenti, sudah pencen, berlagaklah macam orang pencen. Janganlah pergi campur urusan kerajaan. Bila campur itu dan ini, maka kena jawablah dengan persoalan-persoalan yang ditanyakan pada hari ini. Kalau diam macam Tun Abdullah Badawi, tidak ada masalah, Yang Berhormat Sepang. Jadi Yang Berhormat Sepang tidak payah hendak belalah benang yang basah itu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Baling lah, saya amat berterima kasih sangatlah. Saya rasa soalan ini memang, kata orang cepu emas untuk sayalah. Terima kasihlah Yang Berhormat Baling. Bukan senang dapat soalan begini. Saya menanti-nanti ini dengan penuh gembiralah.

#### ■1610

Memanglah saya setuju. Sekarang Tun Mahathir dia bukan campur, dia menegur benda yang tidak betul. Itu bukan campur, itu maknanya dia menjadi seorang *citizen* yang baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Walaupun sudah tidak ada kuasa, dia menjadi *citizen* yang baik. Dia nampak tidak betul, dia nampak 1MDB tidak betul, dia tegur.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *This is how we produce ...[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Takkan tegur sampai pergi ke Amerika. Teguran yang membina dalam negara, bukan sampai ke luar negara, Yang Berhormat Sepang. Oleh sebab Yang Berhormat Sepang lah bersama-sama dengan dia. Hendak pergi sampai ke luar negara, hendak suruh orang luar negara tegur kita. Kita ada negara, kita ada rakyat, kita ada undang-undang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat, Yang Berhormat. Terima kasih semua Yang Berhormat. Saya tidak nampak perkataan orang pencen di dalam ini, tidak nampak.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dia tanya soalan, saya jawablah. Boleh ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak payahlah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, tidak boleh. Okey, sebenarnya *speech* saya...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Ya, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, tidak boleh tidak apa, saya tidak jawab.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Sikit sahaja Yang Berhormat Sepang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Sepang sudah hendak habis ini.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Pendek sahaja.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak apa dia okey, silakan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang pendek itu jadi panjangnya.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya pendek sahaja. Saya sebenarnya mendengar Yang Berhormat Sepang tadi tentang Khalifah Ali— benda-benda yang baik kita dengarlah. Akan tetapi dalam masa *split second* sahaja keluar perkataan bacul, pengecut. Saya minta Yang Berhormat Sepang, tariklah Yang Berhormat Sepang. Saya tidak puas hati sebab itu, kita mendengar benda

yang baik, kita terima. Akan tetapi tidak ada perkataan menarik. Jadi saya nasihatkan Yang Berhormat Sepang, tarik balik. Tidak kena.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, saya tarik balik...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Ia bercanggah dengan apa benda baik yang Yang Berhormat cakap tadi. Tarik baliklah...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Akan tetapi saya tarik balik perkataan bacul, tetapi saya tidak menyamakan perbuatan seperti perkataan yang saya cakap tadi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya minta Yang Berhormat Sepang tarik baliklah secara baik. Saya nasihatkan Yang Berhormat Sepang tarik balik sebab itu tidak sesuai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah, sudah.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya minta Tuan Yang di-Pertua, tarik balik. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sudah, saya sudah tarik balik. Saya tarik balik tetapi saya menyamakan perbuatan itu seperti perkataan saya tarik balik itu.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey ya? Yang Berhormat Kota Tinggi setuju, okeylah tu. Okey, saya hendak katakan kita bercakap ini tidak kira siapa pun. Oleh sebab ini bagi saya, inilah prinsip yang kata orang tu menjadi prinsip yang saya pegang. Iaitu ayat saya gunakan ayat Surah Al-Maidah, ayat 88 *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* “*Janganlah kerana kebencian sesuatu kaum menyebabkan berlaku tidak adil. Berlaku adillah kerana ia adalah lebih dekat kepada takwa*”.

Bagi saya, sesiapa pun tidak kira, hatta di sini pun kalau tidak betul pun saya akan tegur. Oleh sebab bagi saya, saya berpegang kepada *justice should be universal*. Itu maksud saya, Yang Berhormat Kota Tinggi ya. Jadi dalam hal ini tidak kira warganegara kah, bukan warganegara kah, kalau mereka memang ada masalah perundangan dan perlukan pembelaan kita sebagai kerajaan, sebagai rakyat mesti harus membela mereka. Oleh sebab mungkin juga ada rakyat Malaysia yang mungkin berada di luar negara juga memerlukan bantuan. Bayangkan kalau negara-negara lain mereka juga membuat undang-undang yang sama, tidak benarkan warganegara Malaysia sebagai contoh yang membuat kesalahan dibela, kita pun rasa tidak seronok. Sedangkan ini hak yang universal.



Jadi saya rasa jika kita tidak suka orang lain buat untuk kita, mengapa dalam negara ini kita cuba hendak fokuskan keadilan ini kepada golongan tertentu sahaja? Ini yang saya rasa...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** [Bangun]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak apa Yang Berhormat Kota Tinggi, tidak apa. Saya hendak tutup sudah.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Boleh?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Nanti Tuan Yang di-Pertua pun tidak berapa— Jadi, nanti cakap di kedai minum. *It's okay* Yang Berhormat Kota Tinggi. Tadi Tuan Yang di-Pertua saya minta, yang lain saya boleh setuju, saya agak kritikal satu sahaja iaitu fasal warganegara sahaja. Saya harap Yang Berhormat Menteri kalau boleh *reconsider* balik. Kalau boleh, tidak teruskan pindaan itu lebih baiklah sebab bagi saya jangan ke belakang dari segi membuat pindaan ini. Sekian. Tuan Yang di-Pertua, boleh ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tidak ada lagi soalan, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Pasir Gudang.

#### 4.13 ptg.

**Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya kesempatan turut sama dalam membincangkan, membahaskan usul ini iaitu pindaan rang undang-undang ini. Saya ada beberapa pandangan dan pertamanya saya ingin merakam tahniahlah kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana kita berterusan membantu rakyat. Biro Bantuan Guaman ini sudah lama ada, namun ia tidak boleh diketepikan tentang jasa-jasa yang telah dilakukan oleh peguam-peguam kita yang memberi khidmat kepada rakyat yang memerlukan.

Dalam keadaan sekarang ini, pindaan ini saya tidak berapa setuju kerana ia sangat *merigidkan* lagi hanya kepada mereka yang menerima bantuan BR1M dan juga eKasih. Perlu kita ingat bahawa dalam masa kita hendak menjaga rakyat-rakyat kita yang sememangnya kurang pendapatan ini, kita ada juga golongan menengah yang hendak dikatakan senang tidak senang, susah tidak susah tetapi bila ditimpa sesuatu perkara mereka tidak mempunyai kewangan yang cukup untuk mendapatkan pembelaan di swasta-swasta.

Kita pun sedia maklum *lawyers* yang ada di luar ini bukan fail sahaja RM1,400. Kalau kes-kes cerai ini, dia pergi kepada Biro Guaman. Saya ada beberapa kes rujuk,

apabila dirujuk minta tanya dengan saya, saya cakap, “Okeylah, kita bantu bawa kepada Biro Guaman”. Dengan masa yang terlampau lama menunggu, mereka ini tidak ada pilihan selain menunggu. Jadi kalau hendak cepat, mereka sendiri dicadangkan oleh pihak bantuan guaman ini untuk pergi kepada *lawyers private* ini. *Lawyer private* seperti yang saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, buka fail sahaja RM1,400. Orang tengah susah hendak tuntutan penceraian, hendak tuntutan hak penjagaan anak, hendak tuntutan harga sepencarian, perkara-perkara begini. Jadi perlulah saya rasa kita teliti balik dari segi skop ini. Jangan kita makin sempitkan skop. Namun begitu, kita juga ambil maklum. Kalau orang betul-betul ada duit, dia tidak pergi Biro Bantuan Guaman, dia akan pergi *lawyer* kerana *lawyer* swasta dia memang mempunyai kemampuan.

Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, kita juga minta pihak yang bertanggungjawab untuk melihat perkara ini supaya dipercepatkanlah proses Biro Bantuan Guaman ini. Di Johor sebagai contoh, akses kepada Biro Bantuan Guaman—saya setuju dengan rakan-rakan saya tadi, ada satu sahaja di bandar. Kita ini kawasan luas. Kalau tidak ada di merata tempat, macam mana kita hendak tolong rakyat? Memang betul, kita hargai apa yang ada tetapi sepatutnya ini hari kita membincangkan bagaimana Kerajaan Barisan Nasional hendak memudahkan rakyat?

Hendak bagi perkhidmatan pada rakyat dengan mengadakan UTC-UTC ini, RTC-RTC. Sepatutnya Biro Bantuan Guaman ini diadakan di tempat-tempat ini. Jadi rakyat akan lebih mudah, rakyat yang susah lagi mendapat akses kepada perkhidmatan kerajaan ini. Bukan sekadar memudahkan untuk mendapatkan imigresen, buat kad pengenalan dan sebagainya sahaja tetapi ini adalah satu bentuk di mana mereka ini memang memerlukan, orang susah tadi.

Kemudiannya, saya juga ingin mencadangkan supaya keperluan kepada Yang Berhormat Menteri ini, merujuk—saya pun perlukan penjelasan yang—pencerahan lanjut. Pengalamannya seperti kes-kes buruh sedia ada di Mahkamah Buruh ini dalam pengetahuan saya, apabila dirujuk kepada Yang Berhormat Menteri, setahun belum tahu Yang Berhormat Menteri buat keputusan, dua tahun pun belum tahu buat keputusan. Jadi kalau kes begini, apakah ia akan memudahkan lagi rakyat atau lagi melambatkan proses?

Jadi perkara ini pun saya rasa perlukan penjelasan dan kalau kita rasa untuk tidak menyusahkan rakyat, mungkin kita serahkanlah kepada pihak peringkat-peringkat dengan negeri-negeri yang ada, dengan garis panduan disediakan sebagaimana dipermudahkan sebelum pergi ke Mahkamah Buruh ada *mediation* yang berlaku di jabatan-jabatan perusahaan kalau kes-kes buruh. Akan tetapi kita tahu, kes-kes sekarang ini terlampau banyak. Jadi kita perlulah memikirkan cara untuk memudahkan cara rakyat agar niat kita untuk membantu rakyat yang memerlukan ini memang sentiasa

dirasai oleh rakyat. Itu sahaja ingin saya sebutkan, kongsi bersama untuk perhatian. Saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong kepada pindaan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Puchong.

#### 4.19 ptg.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan mengambil bahagian dalam perbahasan akta untuk meminda Akta Bantuan Guaman 1971.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan menaik taraf proses bantuan guaman, saya rasa ada beberapa perkara yang perlu dilihat sebagai perkara-perkara asas sebelum kita boleh mencapai di satu tahap di mana sistem bantuan guaman kita mencapai tahap yang mana kita boleh katakan, tahap yang memuaskan. Saya setuju apa yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Pasir Gudang berkenaan dengan akses kepada sistem ataupun pusat-pusat bantuan guaman. Ini menjadi perkara yang menjadi masalah kepada rakyat bukan sahaja di Johor tetapi juga di negeri-negeri lain.

#### ■1620

Saya rasa ini satu perkara yang seharusnya diambil kira oleh kerajaan apabila membuat pindaan-pindaan kepada akta-kata seperti ini. Keduanya Tuan Yang di-Pertua, apa yang cukup penting adalah supaya sistem yang dicadangkan itu memberikan apa yang disebutkan kepada *inspiration* kepada peguam-peguam supaya mereka ambil bahagian di dalam satu skema seperti ini. Tidak ada guna kita ada satu akta tetapi apabila kita ada akta kita lihat bahawa apa yang terkandung dalam akta itu dan juga cara dalam mana kita mengguna pakai akta itu tidak membawa sebarang manfaat kepada peguam-peguam tersebut.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, saya memetik daripada apa yang disebut oleh satu rencana di dalam *Free Malaysia Today*. Sejauh bulan Januari tahun ini dilaporkan 26 Januari 2017 di mana dinyatakan seperti berikut, *slow government payment causes legal aid lawyers to refuse cases*. Jadi ada masalah Tuan Yang di-Pertua di mana kita ada satu sistem. Dalam sistem itu ada banyak peruntukan melalui undang-undang tetapi kita lihat perkara asas peguam-peguam dikehendaki membuat kes. Mereka melakukan tugas itu, mereka membuat kes-kes tersebut. Akan tetapi apabila mereka melakukan kes tersebut, kita lihat bahawa tidak ada bayaran ataupun bayaran itu mengambil masa yang cukup panjang untuk sampai kepada mereka.

Ini adalah apa yang disebutkan di situ. *Many lawyers registered*— saya baca dalam bahasa Inggeris dengan izin. Itu salinan yang saya ada Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. *“Many lawyers registered with the government-sponsored criminal legal aid*

*scheme are shying away from representing the poor and the needy as payment are not prompt.*” Itu disebut sejak bulan Januari tahun ini. Untuk memberi angka-angka yang dicadangkan di sini kerana saya rasa angka ini serius dan saya harap bahawa kerajaan dapat mengatasi masalah ini.

Saya memetik daripada rencana yang sama. *“Selangor Bar Committee Chairman Salim Bashir had then said close to RM822,000...”* Ini jumlah yang besar. *We are talking about legal aid. “...close to RM822,000 had yet to be settled...”* Ini Selangor. *“...while in Negeri Sembilan counterpart Joseph Mathews said the amount going to lawyers there...”*, maknanya Negeri Sembilan. *“...was RM106,000.” Free Malaysia Today reporters’* yang buat siasatan itu, *“...understands that the total amount owed to lawyers in the peninsular between January to August last year it’s about RM3.4 million.”*

Maka kita lihat apa yang berlaku, *“ Salim had said the state legal aid committee had to literally beg its members to represent suspects and accused persons.”* So ini juga dibawa oleh Majlis Peguam sebagai satu perkara yang cukup serius kerana kalau kita ada seperti mana saya sebut tadi, undang-undang ada. Akan tetapi apabila undang-undang ada itu, kita mesti pastikan bahawa dana yang dicadangkan untuk dibayarkan itu juga ada.

Jadi saya hendak tahu kenapa ada tunggakan sebanyak itu? Nombor satu. Nombor dua, adakah langkah-langkah diambil supaya tunggakan itu dijelaskan dan sudahkah ia dijelaskan sehingga sekarang. Saya dimaklumkan bahawa Peguam Negara baru Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Apandi Ali. Beliau memang tahu berkenaan masalah ini dan telah pun memberi komitmen untuk menyelesaikan masalah ini. Jadi saya hendak tahu daripada kerajaan, apakah yang sudah jadi dengan apa yang disebut oleh Tan Sri Apandi Ali itu. Itu satu.

Nombor dua, saya juga difahamkan dan ini saya dapat baru tadi daripada bekas ketua satu negeri yang mengetuai biro bantuan guaman. Disebutkan bahawa hari ini kita ada jumlah peguam yang sangat rendah yang mengambil bahagian dalam skema ini. Jadi masa dahulu *for example in Selangor there was 90 lawyers registered with the yayasan.* Akan tetapi sekarang ianya nombornya turun kepada 10 atau 11.

Jadi apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua adalah seorang peguam ini diminta *cover* satu mahkamah. Misal kata dia diminta *cover* Mahkamah Petaling Jaya dan di Petaling Jaya itu bukan satu mahkamah. Ada tiga, empat mahkamah. *One lawyer has to cover it* dan masalahnya mahkamah ini bersidang serentak. So, *lawyer* ini tidak boleh pergi ke mahkamah-mahkamah yang lain.

Jadi ada kalanya di mana *lawyer* itu minta sahabat dia supaya sebut kes dia di dalam mahkamah lain. Ini telah pun menjadi masalah yang telah membawa siasatan terhadap peguam-peguam. So, jadi dalam satu keadaan kita hendak bantu tidak ada

nombor atau bilangan *lawyer* yang mencukupi. Jadi kita minta bantuan. Apabila minta bantuan itu, disiasat pula.

Dalam keadaan ini Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku adalah *lawyer-lawyer* itu pun mereka ini *they shy away*. Fasal itu perkataan digunakan *they shy from the scheme*. So saya sokong tindakan kerajaan dalam aspek ini di mana hendak diperkukuhkan lagi sistem kita yang mana kita boleh beri bantuan guaman kepada mereka yang dituduh. Akan tetapi apa yang perlu untuk kita ada satu sistem yang boleh mencapai matlamat kita itu. Ini satu perkara yang cukup penting dan saya minta supaya kerajaan mengambil serius perkara ini kalau boleh beri jawapan kepada saya.

*Have all these* hutang ini diselesaikan dengan peguam. Kedua, apakah usaha-usaha yang akan diambil oleh kerajaan supaya kita boleh memberi lebih inspirasi khususnya kepada peguam-peguam, bukan hanya peguam-peguam yang muda, yang baru mula dalam bidang guaman *but also the senior lawyer* supaya mereka juga boleh mengambil bahagian dalam skim sebegini. Itu perkara satu.

Perkara kedua Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan aspek yang disebutkan oleh sahabat-sahabat saya tadi. Saya tidak akan panjang lebar tetapi hanya untuk masukkan dalam ucapan saya juga berkenaan dengan apabila kita ini tarik balik akses ataupun penggunaan skema ini kepada orang yang tidak merupakan warganegara kita.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah ini terpakai kepada kes-kes *assigned* juga? Ada satu perbezaan yang besar di antara *assigned cases* dan *legal aid cases*. *Assigned cases* ini melibatkan banyak tertuduh yang dituduh untuk kes-kes yang membawa hukuman gantung sampai mati. *So, this is a very serious matter* dan saya tidak tahu sama ada sah atau tidak kerajaan hendak juga memanjangkan skema baru ini di mana kita hanya membekalkan bantuan kewangan kepada rakyat Malaysia tetapi bukan kepada warganegara asing. Khususnya di mana satu pertuduhan itu boleh membawa kepada hukuman yang sangat berat sekali.

Jadi dengan itu sahaja dua perkara yang saya bangkitkan. Saya harap saya dapat satu jawapan oleh Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, selepas Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

#### **4.27 ptg.**

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang ini. Saya sudah dengar banyak poin-poin yang saya akan *raise* ini telah dibawa oleh rakan-rakan saya. Akan tetapi saya hendak *add* juga sedikit untuk memberi pandangan lain.

Pada dasarnya saya menyokong rang undang-undang ini kerana ia memberikan bantuan guaman kepada kanak-kanak. Ini adalah penting demi menjaga kebajikan kanak-kanak yang didera ataupun yang menjadi *victim of sexual offences*.

Saya prihatin bahawa *legal aid* sudah lama menjadi satu institusi dan saya dengar tadi daripada Yang Berhormat Puchong bahawa terdapat banyak duit yang terhutang pada peguam-peguam yang telah memberi *legal aid*. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi jawapan yang tepat kepada isu itu dan juga menunjukkan kepada kita *the openers of the institution*. Okey.

Saya faham bahawa pindaan ini akan menambahbaikkan aspeknya merangkumi kanak-kanak. Namun, saya ada beberapa soalan dan juga perlu tegur Menteri mengenai rang undang-undang ini kerana terdapat perkara-perkara yang juga tidak masuk akal.

Pertama, definisi baru perkhidmatan bantuan guaman ataupun *legal aid services* dalam fasal 3 yang memasukkan seksyen 2A yang baru ini yang mana *legal aid services* ini cuma diberikan kepada rakyat Malaysia. Saya sudah dengar banyak. Semua Ahli Parlimen tanya kenapa tidak bagi kepada orang luar. Jadi isunya saya minta Menteri jawab adalah dari perspektif kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu pekerja migran di Malaysia ini banyaknya ada yang sah dan ada yang tidak sah, tanpa izin. Anggaran konservatif sekarang adalah empat juta orang ke enam juta orang golongan ini. Kita semua tahu, mereka adalah golongan yang terdesak dan paling miskin. Kalau kita tidak buat satu *extension of legal aid services* kepada migran-migran ini, adakah ia isu tentang kewangan ataupun isu tentang moral? Itu *I think is very important*, dengan izin. *How much will it cost for us to provide legal aid to these migrant workers? Is this a question of cost to the government or is this moral obligation* di bawah *human rights* kepada rakyat? Saya minta Menteri kalau boleh bagi justifikasi yang penting kerana kita semua prihatin dan kebanyakan kita mempunyai pembantu rumah, ada pekerja-pekerja daripada Indonesia, Nepal. *We need to get an explanation. Is this a financial burden? How big is the financial burden?*

■1630

Baik, saya bagi senario ini yang sedikit rumit tentang isu *citizenship* dan *legal aid*. Katakan seorang anak kecil dan dia adalah *victim of sexual offences*. Tetapi tidak mempunyai *citizenship* itu katakan bapanya daripada Malaysia, isteri dia daripada Indonesia, tetapi mereka tidak kahwin, maka mereka tidak dapat *citizenship* Malaysia. Rang undang-undang ini akan memastikan dia tidak dapat *legal aid services at all*. Dan ini bukan satu *fictional scenario*. Ini banyak berlaku di Kelana Jaya, di kawasan saya memang terdapat tiga, empat kes macam ini. Jadi saya hendak tanya rang undang-undang ini katanya untuk kepentingan kanak-kanak, tetapi pada halnya dengan klausa

ataupun syarat *citizenship* ini, kita sebenarnya akan memastikan kanak-kanak yang tidak bersalah, *completely innocent why deny them legal aid to such a child*.

Saya merujuk kepada perkara yang lain iaitu fasal 7 di mana dulunya pemohon *legal aid* kena bayar RM2 ini telah ditimbulkan oleh banyak orang. *Fee* sahaja RM 2. Macam dulu lah kita pergi ke hospital RM 5. Yang tidak masuk akal ialah *fee* baru ini diberi kuasa mutlak kepada seorang Menteri *to decide*. *It's a prerogative to decide*. Kita tidak boleh meminda RM 2 *fee* kepada *open blank cheque fee*. Saya bagi satu *calculation* yang senang. Katakan terdapat 10 ribu kes *legal aid*. Kerajaan dulu caj RM 2 dapat RM 20 ribu. Kalau kita tukar 10 ribu kes ini dia caj RM 100 untuk *fee registration*, kerajaan dapat RM 1 juta. *This is too much*. Kalau boleh itu Yang Berhormat Menteri, saya faham *you* ada kuasa membuat *fee* baru tetapi beritahu kita di Dewan yang mulia ini, apakah yang, *what is the fee that you want to propose?* RM 10? RM100? RM 50?. Kalau boleh beri jawapan.

Saya merujuk kepada fasal 8 di mana Ketua Pengarah Bantuan Guaman ataupun *Director General Legal Aid* memberi kuasa mutlak sekali lagi untuk menentukan sama ada seorang itu boleh dapat nasihat atau tidak. Saya nak tanya, *if you have saving clause* macam ini, ya, apakah sebenarnya *guideline* yang *Director General* akan pakai? *You* tidak boleh beri kuasa yang mutlak kepada *Director General* kalau *Director General* tidak suka muka dia, *oh sorry this legal is not for you*. *It cannot be like this*. Kita tidak boleh Dewan yang mulia ini untuk membuat undang-undang yang tidak masuk akal. Sekurang-kurangnya bagi sedikit *guideline* apakah boleh memastikan *Director General* ini memberi kuasa mutlak untuk menolak satu-satu kes. Baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ialah dulu peguam, sudah *retired* lah lebih kurang enam tahun sejak menjadi ahli politik. Tetapi dahulu pun saya *charged*. *Fee* saya mahal, lebih kurang RM800 sejam. Ada banyak peguam-peguam lebih hebat, RM1800, RM2000 sejam pun ada. Tetapi *point* yang saya nak buat ialah ini, setiap orang yang bawa kes, kecil-kecil pun walaupun kes kecil sekurang-kurangnya *legal fee* RM3000 sampai RM 5000 *easily*. Kalau pergi *trial* RM10 ribu. Jadi maknanya *legal aid* ini dari segi sebagai satu servis adalah tersangat penting. Jadi saya hendak tahu kebanyakan penduduk kita, rakyat Malaysia ini yang setahu saya dari segi ekonomi, wang simpanan mereka cukup tiga bulan. *That's all*.

*Malaysian most, majority of Malaysian, 80 peratus* Malaysia tidak ada banyak simpanan. Tidak ada 12 bulan, tiga tahun. Simpanannya cukup tiga bulan sahaja. Kalau *legal fee* ini RM 5 ribu, RM6 ribu, habis. Maknanya kebanyakan penduduk kita terdesak dan memerlukan *legal aid*. Sama dengan orang yang menerima BRIM. 70 peratus rakyat kita menerima BRIM. Jadi dalam konteks ini kita perlu mengadakan *guideline* yang terperinci daripada *Director General*. Adakah *Director General* setuju atau tidak,

menteri setuju atau tidak untuk *Director General* ini perlu mengamalkan satu '*mean test*' yang lebih terperinci dan dipaparkan di dalam rang undang-undang ini kerana *legal fee* mahal, dan banyak penduduk, rakyat kita memang tidak ada wang tambahan ataupun wang simpanan.

Saya merujuk kepada fasal 9 pindaan 29G(1) dan (2). Di sini kita diberitahu bahawa kanak-kanak boleh mendapat *legal companion services*. Ini baik sekali ini. *It's a very good proposal* ya. Tetapi apa yang pelik ialah dalam pindaan baru 29H(3), seorang kanak-kanak boleh mendapat *legal service* tetapi kemungkinannya dikehendaki oleh *Director General* untuk bayar servis tersebut. Kalau kanak-kanak tidak kerja, didera seksual, *under tremendous pressure*, kenapa hendak minta dia bayar? *I mean*, kalau dia kanak-kanak, bagi sahajalah *free*. Bagi saya, *I think that clause*, klausa itu perlu dikeluarkan. Adakah rang undang-undang ini sebenarnya undang-undang fiskal, sebab banyak tentang isu yang hendak kena bayar ataupun rang undang-undang untuk menolong kanak-kanak. Dengan izin, *is this a fiscal amendment on and not really to help children in distress*. Saya minta 29H(3) ditarik balik. Kalau boleh itu, Yang Berhormat Menteri boleh masukkan dalam *white paper later* dalam sebelum *committee stage*.

Saya juga merujuk kepada pindaan 29I(2) Ketua Pengarah Guaman boleh pada bila-bila masa memberhentikan khidmat Pendamping Guaman. *Again*, nampaknya kuasa ini kalau betul-betul hendak tolong kanak-kanak, bagilah *full legal services, Legal Companion services*. Kenapa ada *saving clause* untuk tarik balik. Jadi kalau kita tidak buang semua klausa ini, subseksyen ini nampaknya tidak logik dan juga sedikit hipokrit lah. Seperti yang saya katakan terlebih dahulu, saya menyokong konsep untuk memberikan *legal aid* kepada kanak-kanak. Tetapi pindaan-pindaan yang saya telah *raise issue*, tentang, kalau boleh itu *please committee stage*, Yang Berhormat Menteri *consider putting it in a white paper amendment*.

Yang terakhir saya selalu menimbulk isu tentang kos implikasi kewangan. Kerajaan telah memberi tahu kita bahawa perbelanjaan wang tambahan akan berlaku tetapi amaunnya tidak tahu di dalam huraian kita itu. Saya rasa Yang Berhormat Menteri sangat profesional. Dia peguam yang lama. Saya *from the same profession*. Dia boleh kira. Kita sebenarnya boleh kira. Yang Berhormat Menteri kalau boleh beritahu kita berapakah kos *legal aid* setahun? Adakah hanya RM 10 juta setahun? RM 20 juta setahun? Dan dengan pindaan ini yang Cuma memasukkan *extension to child protection of sexual offences*. Saya rasa kosnya tidak akan kembang 10 peratus pun. *But is very important* Tuan Yang di-Pertua. *Very important* kita ke Dewan yang mulia ini dengan satu idea, berapa kos yang sebenarnya semua ini. Kalau kosnya sedikit, masuk RM 1 juta tambah RM 2, 3 juta, *I'm sure* Dewan yang mulia ini, semua Ahli Parlimen



*have no issue*, demi menjaga kebajikan anak-anak kecil yang didera. *We will fully support* walaupun kena bayar RM 10 juta pun okey bagi saya. Itu sahajalah jawapan saya. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi jawapan kepada semua soalan saya. *I stand by my word, I will support this very good legislation but clarification on finances is essential.* Terima kasih banyak.

#### **4.38 ptg.**

##### **Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:**

Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) 2017 iaitu Yang Berhormat daripada Beruas, Kuala Selangor, Kapar, Bukit Gelugor, Setiu, Bukit Katil, Kuala Kangsar, Sepang, Pasir Gudang, Puchong dan Juga Kelana Jaya. Saya akan menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan mengikut beberapa isu utama yang menjadi fokus kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada Ahli Yang Berhormat menyebut tentang pertama sekali isu berkenaan dengan pindaan yang menghadkan bantuan guaman kepada warganegara sahaja. Bagaimana kedudukan bukan warganegara dari segi akses kepada keadilan dan sejauh manakah perkara ini mewujudkan dan menyatakan bahawa perkara ini mewujudkan diskriminasi.

Sebenarnya Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan ini tidak akan menafikan had dan akses daripada mana-mana pihak untuk mendapat keadilan ataupun Bahasa Inggeris *access to justice*. Rasional bagi menghadkan kepada warganegara adalah bagi memastikan dana awam yang dibiayai oleh pembayar cukai dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan diberi keutamaan kepada rakyat negara ini. Keadaan ini juga sama seperti yang amalkan di Singapura di mana bantuan guaman dihadkan kepada warganegara sahaja. Pada masa yang sama warga asing juga boleh mendapat akses kepada keadilan daripada dalam *access to justice* dengan izin seperti agensi yang ada. Hari ini kita mempunyai YBJK, Yayasan Bantuan Guaman yang YBGK juga turut memberi bantuan guaman kepada yang bukan warganegara dan juga pihak mahkamah pula ada memberi bantuan guaman melalui *assigned counsel* bagi kes-kes yang membawa kepada hukuman mati.

#### **■1640**

Selain itu pihak kedutaan masing-masing juga memberi bantuan kepada warganegara masing-masing dan juga NGO-NGO yang berdaftar dalam negara kita. Berdasarkan kepada penjelasan di atas isu diskriminasi kepada warganegara asing tidak berbangkit. Kalau kita lihat nota daripada Jabatan Bantuan Guaman, saya dimaklumkan secara menyeluruh memang kes-kes bantuan guaman oleh warga rakyat

bukan Malaysia itu tidak begitu banyaklah, kalau kita lihat. Pada tahun 2017 tidak ada lagi, pada tahun 2015 saya percaya hanya 30 orang sahaja.

Jadi ini bermakna bukanlah suatu keadaan yang begitu banyak di mana mereka terdiri daripada warga asing tetapi pindaan ini sebenarnya mengemas kini terutama sekali yang saya sebut dalam ucapan dasar saya berkenaan dengan tarif bantuan guaman yang kita letak pada pindaan ini. Sebelum ini tidak adanya tarif yang menetapkan definisi bantuan guaman dalam negara kita.

Yang Berhormat daripada Beruas ada mencadangkan supaya peguam yang ramai dan kurang mendapat kes dijadikan sebagai peguam panel untuk membantu kes-kes bantuan guaman. Sebenarnya seksyen 5 Akta 26 ini sedia ada sememangnya membuat peruntukan bagi pelantikan peguam-peguam swasta sebagai panel peguam. Sehingga 1 Ogos 2017 seramai 382 orang peguam swasta berdaftar sebagai panel peguam Jabatan Bantuan Guaman.

Yang Berhormat juga telah menyebut tentang skop bantuan guaman perlu diperluaskan. Jawapannya Jabatan Bantuan Guaman sedang dalam tindakan untuk mengkaji semula bidang kuasa bantuan guaman yang diberikan di bawah Akta 26.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat juga menimbulkan tentang mengambil panel peguam Jabatan Bantuan Guaman bagi mengendalikan kes jenayah melibatkan hukuman mati, *capital punishment*. Pelantikan sebagai *assigned counsel* bagi kes jenayah yang melibatkan hukuman mati adalah terletak di bawah bidang kuasa mahkamah, jadi Jabatan Bantuan Guaman tidak bercadang untuk memasukkan bidang kuasa dalam kes hukuman mati di bawah Akta 26.

Sebenarnya kalau kita tengok daripada jadual dalam akta asal pada Akta 26 ini kes-kes jenayah ditetapkan kepada jadual iaitu bagi kes– izinkan saya, dalam jadual, jenis-jenis kes jenayah. Tuan Yang di-Pertua izinkan saya, dalam Jadual Ketiga adalah perihal prosiding sivil, Jadual Kedua perihal prosiding jenayah dan diwujudkan semua prosiding jenayah yang di dalamnya tertuduh tidak diwakili oleh peguam, mengaku salah kepada pertuduhan dan ingin membuat rayuan untuk meringankan hukuman berkenaan. Prosiding jenayah di bawah Akta Perlindungan Kanak-kanak dan prosiding jenayah di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Kecil. Setakat ini adalah dalam Jadual Kedua untuk kes-kes jenayah.

Yang Berhormat Kulai pula menimbulkan tentang diskriminasi...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Puchong bangun.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak beralih kepada isu berkaitan dengan bantuan guaman kepada warganegara asing dan sebaliknya kepada warganegara kita. Yang Berhormat Menteri, saya hendak minta apakah rasional di belakang keputusan yang dibuat ini kerana kalau kita lihat, saya setuju kalau kita lihat dari segi *accuse person*. Memang kita ada perbezaan di antara warganegara dan warga daripada luar negara.

Akan tetapi kita kena faham bahawa kedua-dua mereka ini akan dituduh di mahkamah dan di dalam mahkamah kita ada hakim dan sebenarnya bila peguam pergi ke mahkamah, tugas peguam adalah untuk membantu mahkamah. Jadi di mana ada satu kes, kes itu akan berterusan dan hakim ini yang akan dapat faedah daripada hadir ataupun tidak seorang peguam di situ. Jadi bagaimana boleh kita lihat dari segi kewarganegaraan atau tidak, *whether or not the person is citizen, the case still goes on*. Sistem kita tetap menyediakan satu sistem di mana hakim ada di situ dan perlu buat penilaian kes.

Kita juga ada sistem di mana pendakwa raya dan kita ada sistem kepolisan di mana kes itu akan berlangsung seperti kes biasa. *So, how does the fact that the person* adalah warganegara dan tidak menjadi satu penilaian dalam perkara kita buat keputusan sama ada ataupun tidak kita hendak berikan bantuan guaman. Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih, Yang Berhormat Puchong. Sebenarnya Yang Berhormat Puchong ini sebut banyak kepada kes yang mana mahkamah melantik peguam iaitu *assign cases*. Dalam hal ini, kita mesti tahu Akta Bantuan Guaman ini diwujudkan daripada tahun 1971 di mana dalam semua negara bila bercakap tentang bantuan guaman, mereka tidak boleh menafikan daripada memenuhi syarat utama iaitu *means test*.

Jadi bererti dalam semua kes yang memerlukan bantuan guaman mereka memenuhi syarat utama untuk *means test* dan sekarang diwujudkan syarat warganegara Malaysia sebab selain daripada interpretasi *means test* yang mana kita bawa dalam pindaan ini, dahulu dalam akta lama itu kita meletakkan jumlah kewangan. Maknanya *means test* dari segi pendapatan. Kali ini kita mewujudkan dalam pindaan itu keadaan yang agak berbeza di mana penilaian kepada *means test* itu terletak kepada struktur yang akan ditetapkan.

Jadi dalam perkara ini bila kita tengok kepada warganegara ia akan menjadi konsisten dengan isu pindaan kepada *means test*. Apa yang berlaku sebenarnya saya sebut tadi, *access to justice* oleh bukan warganegara tidak dinafikan dengan pindaan ini. Ini hanya terletak dalam kes bantuan guaman tetapi dalam kes-kes lain sama ada hakim

melantik peguam, YBGK sendiri yang wujud daripada kewujudan peguam-peguam di bawah *Bar Council* yang mana YBGK dipengerusikan oleh Tan Sri Peguam Negara, memang memberikan khidmat kepada yang bukan warganegara.

YBGK juga, Yang Berhormat Puchong tadi tanya, Yang Berhormat Puchong sebut tentang isu kewangan pada YBGK yang mana Yang Berhormat Puchong mewujudkan bahawa seolah-olah macam pembayaran tidak dibuat oleh kerajaan sebab YBGK ialah juga dilihat setakat ini sebagai satu bantuan guaman yang dibayar oleh kerajaan tetapi melalui pintu badan Peguam Negara. Contohnya, pada 7 Mac 2001 YBGK diberi RM5 juta oleh kerajaan, 25 April 2012 – RM10 juta, 9 Julai 2015 – RM5 juta, 31 Mac 2016 – RM2.5 juta, 20 Oktober 2016 – RM2.5 juta dan 16 Jun 2017 – RM1.5 juta, sejumlahnya Kerajaan Malaysia, Kerajaan Barisan Nasional telah memberi wang kepada YBGK yang majoritinya daripada *Bar Council* yang kita pun tahu tidak begitu kata orang 100 peratus menyokong kepada kerajaan mendapat RM26.5 juta untuk bantuan guaman.

Jadi maknanya pintu kerajaan memberi bantuan guaman adalah pada dua pintu. Satu melalui YBGK, kedua melalui Jabatan Bantuan Guaman tetapi dalam Jabatan Bantuan Guaman disebabkan oleh pindaan dalam *means test* itu kita wujudkan supaya fokus kepada warganegara Malaysia. Bererti bukan warganegara Malaysia masih boleh mendapat bantuan guaman melalui pintu YBGK. Saya sebut juga tadi tentang peranan-peranan NGO dan juga kedutaan-kedutaan yang memang berada di mahkamah ataupun boleh dihubungi oleh mahkamah untuk kes-kes yang warganegara mereka terlibat menyebabkan boleh dilantik di bawah *assigned counsel* oleh hakim, itu penerangan saya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri untuk penjelasan itu. Daripada situ, lanjutan daripada itu persoalan saya, saya berterima kasih kerana diberi maklumat yang begitu terperinci berkenaan dengan jumlah wang yang disalurkan baik kepada yayasan ataupun melalui Jabatan Peguam Negara. Kita lihat bahawa wang itu dananya memang besar telah pun disalurkan.

Soalan saya walaupun kita sudah salurkan jumlah wang yang sangat besar itu kenapa masih ada tunggakan hutang-hutang yang sangat besar yang telah pun menjadi satu sebab yang mengakibatkan peguam-peguam tidak berminat lagi untuk mengambil bahagian di dalam skema ini? Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah itu? Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

■1650

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat Puchong, sebenarnya isu pembayaran dana kepada YBGK adalah daripada Kementerian Kewangan dan

bukan daripada Bahagian Undang-undang. Jadi, saya tidak boleh jawab kenapa ada tertunggak. Akan tetapi setakat ini baki dana yang berbaki dalam akaun pengurusan YBGK setakat ini adalah sebanyak RM1.290154.95 juta.

Bermakna, YBGK pun ada duit dalam akaunnya dan baki dana yang masih belum disalurkan oleh Kementerian Kewangan adalah sebanyak RM8.5 juta. Ini antara Kementerian Kewangan dengan YBGK. Akan tetapi saya mengambil *point* daripada Yang Berhormat. Bererti bahawa dalam perkara pembayaran kepada peguam-peguam ini, dalam kes bantuan guaman itu, pembayaran profesional tidak diminta. Hanya *disbursement*. Akan tetapi dalam kes ini, saya rasa sebelum pembayaran dibuat, saya tidak begitu pasti tetapi mungkin proses untuk pembayaran, untuk membuat kajian pengesahan pembayaran dan sebagainya. Itu jawapan saya setakat ini. Saya tidak tahu lebih kepada perkara ini. Yang Berhormat...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Hanya di situ kalau boleh Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, boleh saya minta supaya satu- kalau boleh satu jawapan bertulis diberikan kerana saya perlu.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Ya, saya boleh bagi jawapan bertulis.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Yes, I have to forward it. Read to them.* Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat ada membawa isu tentang pendampingan *legal companion*, di mana ramai Yang Berhormat menimbulkan isu berkenaan dengan *legal companion*. Sebenarnya, *legal companion* yang diwujudkan dalam Akta Bantuan Guaman (Pindaan) ini adalah sesuatu yang baru. Pertama sekali, *legal companion* ini tidak menafikan kanak-kanak yang terlibat untuk mendapat perkhidmatan peguam dalam mahkamah. Maknanya, *legal companion* ini tidak menafikan mereka untuk mendapat khidmat peguam sama ada swasta ataupun daripada bantuan guaman.

Akan tetapi *legal companion* ini yang diwujudkan, yang diterangkan dalam pindaan pada seksyen ini adalah lebih kepada menawarkan perkhidmatan kepada mana-mana kanak-kanak yang menjadi mangsa di bawah Akta Jenayah Seksual. Dia boleh menghubungi Pejabat Jabatan Bantuan Guaman di setiap negeri-negeri untuk mendapat khidmat nasihat *legal companion*. Maknanya, khidmat nasihat di luar mahkamah. Apa yang berlaku selalunya dalam keadaan kes-kes sedemikian, kemungkinan bila laporan polis dibuat, kanak-kanak itu akan dihantar ke hospital dan kemungkinan Jabatan Kebajikan akan berada di situ. Akan tetapi pegawai daripada Jabatan Kebajikan mungkin tidak ada kemahiran dari segi isu proses prosedur undang-undang. Kalau kita ingat dalam Dewan ini di sesi yang lepas, saya bila membawa kepada akta itu, ada menerangkan bahawa kes jenayah seksual ini yang adanya

mahkamah khas daripada Pejabat Ketua Hakim Negara memberikan arahan bahawa kes ini diselesaikan dalam masa setahun.

Jadi, dalam perkara ini, daripada *legal taskforce* yang membuat penilaian kepada kedudukan akta ini sebelum dalam perbincangan, kita mendapat tahu dalam banyak keadaan, kadang-kadang kanak-kanak itu bila dia menjadi mangsa, dia masih di bawah umur dan apabila kes pergi ke mahkamah, dia sudah dalam definisi sudah dewasa. Dalam *level* sudah baligh sebagai contoh dan dia mungkin kadang-kadang kes dia tidak mahu jadi saksi sebab dia rasa segan dalam keadaan ini. Jadi, dalam kes *legal companion* yang kita wujudkan dalam pindaan ini supaya mereka boleh mendapat bantuan perkhidmatan nasihat guaman. Jadi, itu memberikan sekurang-kurangnya kefahaman tentang proses yang berlaku.

Jadi, ini tawaran kepada khidmat yang diberikan oleh Jabatan Bantuan Guaman. Sebenarnya kalau kita lihat juga daripada statistik Jabatan Bantuan Guaman, sebenarnya pegawai-pegawai dalam Jabatan Bantuan Guaman setakat ini Tuan Yang di-Pertua, adalah hanya seramai 82 orang sahaja. Panel peguam setakat 1 Ogos seramai 382 orang. Jadi, dengan adanya pindaan *legal companion* ini, harapan saya panel peguam ini boleh ditambah supaya bantuan ini dapat juga diberikan kepada mangsa-mangsa di bawah Akta Jenayah Seksual Kanak-kanak. Jadi, sebenarnya objektif adalah untuk memberi, menawarkan khidmat bantuan. Akan tetapi ini tidak sama seperti *watching brief* dalam mahkamah. Ini kerana dalam kes *watching brief*, hakim yang memberikan kebenaran kepada peguam untuk mewakili tetapi *legal companion* ini adalah hanya khidmat yang kita beri.

Terpulanglah kepada kanak-kanak ataupun keluarga kanak-kanak tersebut yang mahu menghubungi Jabatan Bantuan Guaman untuk mendapat apa-apa bantuan. Kalau kita tengok dalam pindaan kepada seksyen dalam *blue bill* ini, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, kita sudah memberikan *breakdown* kepada khidmat pendampingan guaman yang boleh diberi maksud menasihati, mendapatkan maklumat, mendampingi orang yang dibantu, menasihati penjaga, pelindung dan juga ditambah kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman boleh pada bila-bila masa memberhentikan khidmat pendampingan guaman yang diberi kepada orang yang dibantu. Bermakna, ia datang daripada pembayaran bajet daripada Jabatan Bantuan Guaman. Bermakna, kerajaan yang memberikan khidmat ini. Terpulanglah kepada mangsa ataupun keluarga mangsa yang memerlukan bantuan ini ataupun tidak.

Sebenarnya Yang Berhormat Kelana Jaya tadi timbul tentang isu fi. Yang Berhormat Kelana Jaya cakap, takkanlah kanak-kanak pun hendak dikenakan fi. Sebenarnya Yang Berhormat, kalau kita tengok kepada Akta Ibu kepada Akta Bantuan Guaman ini, kita tidak boleh lari daripada kuasa Menteri. Kalau kita tengok pun dalam

perkara ini, dalam aspek fi, mana-mana orang yang telah layak memberi bantuan guaman di bawah akta ini adalah dikehendaki untuk membayar kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman fi pendaftar sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

Maknanya, Menteri pun boleh tidak ditetapkan. Jadi, sudah tentu secara logik, dalam kes kanak-kanak, akan dikeluarkan kemudian selepas pindaan ini, pindaan kepada jadual-jadual tentang isu pembayaran, sebagai contoh. Takkanlah kanak-kanak kita hendak suruh dia bayar. Macam mana dia hendak cari duit dengan dia jadi mangsa. Kemudian, dia hendak bayar. Hendak katakan RM2 dulu pun ramai yang tidak bayar.

Yang Berhormat tanya tentang— saya tidak ada keseluruhan tetapi mungkin pegawai saya boleh bagi tentang jumlah berapa banyak perbelanjaan kerajaan bagi bantuan guaman setiap tahun. Sebentar lagi saya akan dapat. Kalau tidak saya akan bagi jawapan bertulis tetapi kalau tidak silap saya, dalam anggaran saya, lebih daripada RM20 juta setahun dari segi bantuan kepada pembayaran kepada Jabatan Bantuan Guaman tetapi saya kena tengok dari segi jawapan menyeluruh. Ya, saya dapat ini. Peruntukan perbelanjaan mengurus Jabatan Bantuan Guaman 2013. Saya baca tahun pada tahun 2017 sebanyak RM24,461.300, pada tahun 2016 sebanyak RM26,830.200. Tahun 2015 sebanyak RM21,913.715.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Juta. Juta, juta, juta.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** RM21 juta. Maaf. Maknanya, semuanya juta. Ia campur emolumen dengan perbelanjaan yang lain-lain. Jadi, kalau kita tengok daripada bajet bantuan guaman dengan bajet YBGK, kita boleh cakap secara menyeluruh memang perbelanjaan begitu besar oleh kerajaan dan dalam YBGK pun, termasuk juga pembayaran untuk bukan warganegara Malaysia. Jadi, Yang Berhormat Limbang menimbulkan tentang...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Menteri, minta maaf. Minta maaf, Yang Berhormat Menteri. Kalau boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Pertanyaan saya ialah oleh kerana kita *expand services* kepada kanak-kanak yang didera secara seksual, berapakah *additional cost*? Kalau kita punya bajet katakan RM20 juta setahun, saya rasa *expanding this to encapsulate this kind of offences*. Ia tidak akan banyak berubah. Paling-paling pun dua tiga peratus saja. Apakah pendapat Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat Kelana Jaya, saya cukup berterima kasih kepada soalan Yang Berhormat. Memang dengan pindaan ini, perbelanjaan kepada Jabatan Bantuan Guaman kena tambah disebabkan *legal companion*, sebagai contoh dalam kes-kes jenayah seksual di negeri-negeri. Saya rasa

daripada 82 orang peguam yang ada di bawah Jabatan Bantuan Guaman tidak akan mencukupi. Itu sebabnya panel peguam itu diperlukan untuk menjalankan kes-kes ini. Saya berharap bahawa bolehlah permohonan kepada bajet ini diwujudkan dalam Bajet 2018 daripada Bahagian Undang-undang sebab ini diperlukan. Kemungkinan saya tidak tahu dalam masa yang terdekat boleh kita wujudkan satu pendekatan yang dibuat oleh negara-negara luar yang mana *legal aid* ini dilihat sebagai satu *tax deduction* kepada GLC ataupun syarikat-syarikat berhad. Mungkin bila dia letak duit kepada kes-kes dalam kes-kes bantuan guaman, boleh diberikan *tax deduction*, sebagai contoh.

Itu mungkin boleh dibincangkan dengan saya dan Mesyuarat Kabinet untuk membawakan *structure*. Oleh sebab dalam semua negara-negara di dunia, tidak boleh dinafikan antara sebab yang mana bantuan guaman itu tidak dapat diberikan secara sempurna ialah akses kepada *justice* itu mahal. Kalau kita tengok YBGK sendiri sebagai yang dikendalikan oleh *Bar Council*, dari segi *disbursement* sahaja berjuta. Belum lagi *professional fees*. Ini kerana peguam hari ini tidak macam dulu. Dulu peguam dia tidak caj *by the hour*. Saya pun dimaklumkan oleh *Bar Council* bahawa mereka mahu mewujudkan satu pendekatan baru bagi *Chambering student* yang membuat dalam Kamar, *Chambering student*, supaya meletakkan masa secara mandatori kepada kerja-kerja bantuan guaman. *That should be part of the structure* untuk mendapat lesen sebagai peguam bela atau peguam cara.

‘ Itu telah dicadangkan oleh *Bar Council* dan pindaan kepada *Legal Profession Act* ini dalam perbincangan dan kita hendak mengkaji sama ada perkara tersebut wajib diwujudkan sebagai satu prasyarat, sebagai contoh.

#### ■1700

Yang Berhormat Limbang bertanya tentang kawasan yang jauh dan terpencil di Pejabat Jabatan Guaman. Saya memang cukup setuju. Daripada 82 orang peguam yang di bawah Jabatan Bantuan Guaman, kawasan-kawasan luar bandar itu memang satu perkara yang cukup jauh untuk mereka mendampingi. Jadi bagi kawasan yang terpencil dan kurang kes permohonan bantuan guaman, Jabatan Bantuan Guaman akan menggunakan mode peguam panel bagi menyampaikan perkhidmatan bantuan guaman yang diperlukan. Selain daripada itu, klinik-klinik bergerak juga turut diwujudkan untuk memberikan perkhidmatan. Di Sarawak, seperti mana Yang Berhormat tahu, ada mahkamah bergerak dan mungkin ini bolehlah *Sarawak Bar Committee* kah mengkaji tentang wujudnya peguam bergerak dalam perkara ini.

Yang Berhormat Bukit Gelugor, tentang *means test*, ujian kemampuan yang dicadangkan dalam pindaan ini tidak menyatakan apakah ujian kemampuan yang ditetapkan oleh Menteri berbanding dengan seksyen 15 dan seksyen 16 Akta 26 memperuntukkan sumber kewangan. Pindaan yang dicadangkan adalah setakat mana



untuk meminda tatacara Menteri menetapkan apa-apa kriteria dan ujian kemampuan. Sebaliknya, Menteri masih lagi akan membuat ketetapan mengenai *means test* melalui perundangan subsidiari atau pemberitahuan yang akan dibuat daripada semasa ke semasa.

Yang Berhormat Kulai menimbulkan tentang ibu bapa tidak mendaftar perkahwinan, mempunyai tiga orang anak. Terdapat isu berkenaan hak penjagaan terhadap anak tersebut. Pemohon hadir ke Jabatan Bantuan Guaman dan dimaklumkan tidak layak mendapat bantuan guaman dan itu satu diskriminasi.

Jabatan Bantuan Guaman mempunyai bidang kuasa tertentu seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan Jadual Ketiga daripada Akta 26 asal. Bagi setiap permohonan bantuan guaman, Jabatan akan meneliti *merit case* dan fakta kes secara menyeluruh. Selain *merit case*, Jabatan Bantuan Guaman juga akan menjalankan ujian kemampuan untuk menentukan permohonan yang layak dibantu sahaja diwakili. Tiada isu diskriminasi dalam kes ini kerana ada kriteria tertentu yang diteliti bagi setiap permohonan bantuan guaman.

Yang Berhormat Jerantut menyatakan tentang layanan tidak mesra dan cawangan yang jauh daripada orang awam. Cadangan ini diambil maklum. Langkah-langkah penambahbaikan bagi aspek layanan dan aspek lain berkaitan perkhidmatan yang diberikan akan diambil kira dalam pelan transformasi. Jadi saya mohon kepada Yang Berhormat, jika ada apa-apa kes pegawai Jabatan Bantuan Guaman tidak mesra, tulislah surat kepada saya dan kita akan mengadakan siasatan. Akan tetapi 82 peguam dalam Jabatan Bantuan Guaman hendak mengendalikan kes, saya rasa kadang-kadang dia nak senyum pun muka dia ketatlah, Yang Berhormat ya. Bukan senang nak jadi...

Saya nak maklum kepada Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat tidak begitu ketahui, bahawa banyak kes yang berdaftar di bawah Jabatan Bantuan Guaman selalunya adalah kes-kes cerai berai. Saya pun peliklah, Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah kes lain tak minat kepada Jabatan Bantuan Guaman kecuali kes cerai berai. Dan masalah cerai berai ini, Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman ada belakang saya, bergaduh-gaduh nak cerai, lepas itu rujuk, lepas itu mengandung, lepas itu fail tak tahu nak buat macam mana. Jadi, peguam-peguam Jabatan Bantuan Guaman banyak kes cerai-berai. Secara automatik rakyat menganggap Jabatan Bantuan Guaman ini ialah jabatan cerai berai yang saya rasa tidak patut sebab dalam jadual yang saya sebut di bawah Akta Bantuan Guaman ini, kes-kes yang disebut itulah— jenayah saya dah sebut. Dalam Jadual Ketiga, dalam kes sivil...

Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tahu, mesti Yang Berhormat pun terperanjat bahawa bidang kuasa Jabatan Bantuan Guaman ini luas. Perihal prosiding jenayah, prosiding sivil dengan izin— Jadual Ketiga. Akta Perempuan Bersuami dan Anak-anak

(Nafkah) ya, Akta Perintah Nafkah, Akta Perempuan Bersuami dan Anak-anak (Penguatkuasaan Nafkah), prosiding berhubung dengan nafkah, jagaan, penceraian, harta sepencarian, hukum syarak, mahkamah. Ha itulah. Hak tanggungan di bawah Akta Pampasan Pekerja, hak tanggungan di bawah Akta Penanam Padi seperti mana Yang Berhormat Bukit Katil sebut tadi. Hak dan tanggungan di bawah Akta Harta Pusaka Kecil, hak dan tanggungan mengenai tindakan sivil bagi ganti rugi yang timbul daripada kemalangan yang melibatkan kenderaan bermotor. Ini pengertian di bawah Akta Pengangkutan Jalan. Hak dan tanggungan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang, hak dan tanggungan mengenai prosiding penceraian jagaan, hak dan tanggungan mengenai prosiding berhubung dengan penyewaan, hak dan tanggungan di bawah Akta Sewa Beli, permohonan Probet dan Surat Mentadbir Pusaka, hak dan tanggungan di bawah Akta Pengangkutan dan tuntutan pengguna.

Maknanya memang luas tetapi yang menjadi kes-kes ini ialah banyaknya kes cerai berai yang menyebabkan bukan sahaja seperti saya kata bila dia dah cerai berai, dah pergi ke mahkamah kemudian dia rujuk, itu satu isu. Keduanya, dia mengatakan dia tidak mampu tetapi dalam segi isu hadanah sebagai contoh, adanya kewangan di dalam prosedur mahkamah tersebut. Jadi ini yang menyebabkan kadang-kadang keadaan yang tidak difahami sangatlah yang mana bagi Jabatan Bantuan Guaman ini, kita membuat pindaan ini supaya kita dapat memberikan pengkhususan kepada kerja-kerja yang perlu dibuat oleh peguam-peguam di bawah JBG.

Yang Berhormat Pasir Gudang pula menimbulkan tentang kes yang dikendalikan JBG memakan masa yang lama. Dikatakan ada dakwaan pegawai JBG cadang melantik pegawai swasta jika ingin cepat. Kes-kes yang dikendalikan oleh Jabatan Bantuan Guaman melibatkan perbicaraan penuh yang memerlukan keterangan saksi-saksi yang diberikan seperti mana-mana kes. Mengikut kajian kes yang dijalankan, 50 peratus kes yang dikendalikan berjaya diselesaikan dalam tempoh kurang daripada satu tahun. Selebihnya, tempoh penyelesaian kes adalah berdasarkan kepada kes-kes tersebut dan selalunya kes yang lama ini disebut di bawah kes-kes syariah dan juga sivil.

Yang Berhormat Setiu tanya tentang jumlah ramai peguam. Saya dah sebut tadi 82 pegawai kerajaan, panel peguam seramai 382.

Yang Berhormat Gerik menyatakan bahawa Jabatan Bantuan Guaman hanya boleh mewakili orang yang dijatuhkan hukuman tetapi apa yang diperlukan oleh orang kampung atau orang luar bandar ialah nasihat undang-undang. Bagi bidang kuasa jenayah, JBG hanya boleh mewakili orang yang mengaku salah tetapi JBG juga boleh memberi nasihat guaman dalam beberapa perkara yang disebut dalam Jadual Kedua dan juga Jadual Ketiga.

Yang Berhormat Setiu menyatakan tentang fi memandangkan supaya fi yang nominal bagi perkhidmatan dikekalkan. Seksyen 2B mengehendaki bayaran fi, oleh itu ia mungkin akan menjadi penghalang kepada orang yang tidak berkemampuan termasuk kanak-kanak. Saya dah sebut tadi, fi yang dikenakan pada masa ini setakat ini hanya RM2. Seksyen 2B memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan kadar fi.

Dalam masa itu, di bawah seksyen 44 Akta Tafsiran 1948, kuasa untuk menetapkan fi dalam perundangan subsidiari termasuklah kuasa untuk mengecualikannya. Maksudnya kuasa untuk mengecualikan itu adalah diberi kepada Menteri yang bertanggungjawab.

Statistik kes bantuan guaman setakat ini, Jadual Kedua di bawah Akta Bantuan Guaman, perlakuan salah jenayah, Akta Kanak-kanak, akta-akta kesalahan kecil, statistik tiga tahun bagi kes yang melibatkan bidang kuasa jenayah. Setakat ini dalam kes seperti mana Yang Berhormat tahu, Akta Kanak-kanak 2001 bererti mereka yang mana yang dituduh adalah kanak-kanak, boleh juga mendapat bantuan guaman setakat ini. Pada tahun 2015, 405 kes. Pada tahun 2016, 258 kes. Tahun 2017 setakat ini 24 kes. Jadi bawah Akta Kanak-kanak 2001 yang mangsa itu kanak-kanak, memang mereka telah diberikan bantuan guaman pada tahun 2015, 2016 dan 2017 yang saya sebut tadi kepada Ahli Yang Berhormat sekalian.

Yang Berhormat juga telah menimbulkan— saya dah jawab Yang Berhormat Limbang. Ha, Yang Berhormat Kuala Kangsar dengan Yang Berhormat Jerantut. Yang Berhormat Kuala Kangsar bertanyakan apakah kelayakan dan kriteria bagi seorang pendamping guaman memberi khidmat pendampingan guaman.

Yang Berhormat Kuala Kangsar, seorang pendamping guaman boleh terdiri daripada pegawai undang-undang yang mempunyai latar belakang undang-undang dan juga kepada peguam panel Jabatan Bantuan Guaman yang mempunyai beberapa tahun pengalaman. Walau bagaimanapun, kriteria-kriteria mereka yang berkelayakan adalah mengikut kepada seksyen 32(2)(b) yang dicadangkan.

Yang Berhormat Jerantut pula mengenai layanan tidak mesra. Saya pun dah jawab tadi. Saya rasa setakat itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya memberi jawapan. Mana yang saya tidak sempat memberi jawapan, saya boleh beri jawapan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat sekalian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

***[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]***

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)*

***mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

***[Fasal 1 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]***

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

***[Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia (Dato' Jailani bin Johari) dan diluluskan]*

■1710

## **RANG UNDANG-UNDANG PENILAI, PENTAKSIR DAN EJEN HARTA TANAH (PINDAAN) 2017**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.10 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh. [Membaca selawat]* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Penilai, Pentafsir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta (Pindaan) 2017 untuk meminda Akta Penilai, Pentafsir dan Ejen Harta Tanah 1981 *[Akta 242]* dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Penilai, Pentafsir dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2017 atau selepas ini disebut sebagai akta yang dicadangkan bertujuan untuk meminda Akta Penilai, Pentafsir dan Ejen Harta Tanah 1981 ataupun dikenali sebagai Akta 242. Rang Undang-undang Penilai, Pentafsir dan Ejen Harta Tanah (Pindaan 2017) digubal bertujuan untuk supaya semua profesion berkaitan dengan industri perkhidmatan harta tanah di Malaysia dapat dikawal selia dengan lebih berkesan dan efektif agar perkhidmatan berkualiti dan bermutu tinggi dapat diberikan bagi menangani cabaran yang dihadapi oleh industri harta tanah pada masa ini dan juga masa hadapan. Ia bertujuan memperkemaskan kerangka kawal selia supaya lebih efisien dan efektif bagi memenuhi keperluan semasa rakyat. Profesion yang dikawal

selia ini akan meningkatkan keyakinan pelabur terhadap amalan perkhidmatan harta tanah di Malaysia di mana mereka bertanggungjawab sepenuhnya ke atas amalan yang dilaksanakan.

Rasional pindaan ini dilakukan adalah dengan mengambil kira peningkatan aduan yang diterima daripada orang awam mengenai penyelewengan dan salah laku yang dilakukan dalam amalan pengurusan harta. Dengan mewujudkan pendaftaran pengurusan harta di dalam akta yang dicadangkan ini, kawal selia secara menyeluruh dapat dilaksanakan oleh Lembaga Penilai, Pentafsir dan Ejen Harta Tanah Malaysia. Akta yang dicadangkan ini saling melengkapi dengan Akta Pengurusan Strata 2015 ataupun Akta 757 bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan komuniti strata serta tidak menyekat mana-mana pihak yang ingin menjalankan amalan pengurusan harta di bawah Akta 757.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan ini akan memberi manfaat kepada negara dalam empat aspek utama:

- (i) meningkatkan kepercayaan dan keyakinan orang awam, pelabur tempatan dan pelabur asing terhadap profesion harta tanah dengan memastikan perkhidmatan penilaian perejean dan pengurusan harta mempunyai kerangka yang lebih kemas dan efektif;
- (ii) perkhidmatan pengurusan harta dapat dipertingkatkan dengan melaksanakan perkhidmatan berdasarkan kod, etika dan standard amalan secara berintegriti dan telus;
- (iii) memastikan supaya kes-kes salah laku oleh pengurus harta yang menjalankan amalan pengurusan harta tanah yang tidak jujur dan tidak bertanggungjawab dibendung dengan mewujudkan sistem penguatkuasaan yang teratur yang membolehkan tindakan wajar dapat dilaksanakan dengan berkesan ke atas mereka yang melakukan kesalahan; dan
- (iv) dengan penawaran tanah yang terhad, pembangunan masa kini lebih tertumpu kepada pembangunan bertingkat. Oleh itu kepentingan dan kesejahteraan komuniti strata lebih terjamin dan terlindung haknya selaras dengan pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat akta yang dicadangkan ini adalah untuk mencapai lima objektif utama seperti berikut:-

- (i) menyelaraskan peruntukkan sedia ada berkaitan dengan amalan pengurusan harta untuk menangani cabaran masa kini dan hadapan;

- (ii) liberalisasi amalan pengurusan harta dengan membuka pendaftaran kepada semua pengamal pengurusan harta yang tidak berdaftar dan ia akan memberi manfaat kepada semua pihak iaitu pemilik, pelabur dan rakyat amnya;
- (iii) mengawal selia semua pengurus harta untuk memastikan keseragaman dan profesionalisme amalan pengurusan harta;
- (iv) selaras dengan Dasar Ekonomi Terbuka melalui Perjanjian Am Tarif dan Perdagangan (GATT), ia membuka peluang kepada warga asing untuk mendaftar di Malaysia bagi menyumbang kepakaran dan perkongsian teknologi dalam perkhidmatan harta tanah; dan
- (v) peruntukan baru turut dimasukkan bagi memberi kuasa kepada pegawai polis untuk menyiasat aduan yang melibatkan pengamal perkhidmatan harta yang haram.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan ini mengandungi 34 fasal untuk meminda Akta Penilai, Pentafsir dan Ejen Harta Tanah 1981 atau Akta 242. Peruntukan-peruntukan dalam akta yang dicadangkan ini diringkaskan seperti berikut:-

Fasal 1 bertujuan meminda tajuk harta ringkas bagi memasukkan tarikh berkuat kuasa pindaan yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda tajuk panjang akta dengan memasukkan perkataan "*pengurus harta*" di tajuknya. Fasal ini juga bertujuan mendaftarkan pengurus harta serta perkara yang berkaitan.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 1 dengan menamakan tajuk ringkas Akta 242 iaitu Akta Penilai, Pentafsir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta 1981.

Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 2 dengan memasukkan dua takrif baru iaitu "*pengurus harta percubaan*" dan "*pengurus harta berdaftar*". Fasal ini juga meminda takrif-takrif yang sedia ada untuk merangkumi amalan pengurusan harta. Takrif "amalan perejenan harta tanah" telah diperluaskan dengan memasukkan dengan izin, "*tenancy administration*".

Fasal 5 bertujuan meminda tajuk Bahagian III kata dengan memasukkan perkataan "pengurus harta".

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 9 dengan menggantikan nama "*lembaga*" dengan nama "*Lembaga Penilai, Pentafsir, Ejen Harta dan Pengurus Harta*" bagi menggambarkan pendaftaran pengurus harta. Selaras dengan pindaan ini, keahlian lembaga ditambah dengan memasukkan tiga pengurus harta berdaftar yang dilantik oleh Yang di-Pertua. Bagi memudahkan urusan pentadbiran lembaga, Jadual Pertama akan

diletakkan di bawah kuasa Menteri yang mana pindaan ke atas Jadual Pertama dibuat melalui pemberitahuan dalam warta.

Fasal 7 bertujuan meminda seksyen 10 untuk menambah fungsi lembaga, di mana lembaga diberikan kuasa untuk memegang secara amanah wang dalam pertikaian antara seorang berdaftar dengan kliennya.

Fasal 8 bertujuan meminda seksyen 12(1) dengan memasukkan perkataan "*dan pengurus harta*" selepas "*ejen harta tanah*".

■1720

Fasal 9 yang bertujuan meminda seksyen 14(1)(a) dengan menggantikan nama daftar penilai, pentafsir dan ejen harta tanah kepada daftar penilai, pentaksir, ejen harta tanah dan pengurus harta. Selain itu menambahkan tiga bahagian daftar kepada empat bahagian dengan memasukkan daftar untuk pengurus harta berdaftar dan firmannya.

Fasal 10 bertujuan meminda seksyen 15(1) dengan menggantikan nama pendaftar, penilai, pentaksir ejen harta tanah kepada pendaftar lembaga penilai, pentaksir, ejen harta tanah dan pengurus harta.

Fasal 11 bertujuan meminda seksyen 15A dengan memasukkan perkataan pengurus harta berdaftar selepas perkataan ejen harta tanah berdaftar. Fasal ini turut membuat pindaan di mana permohonan kuasa untuk menjalankan amalan sebagai pengurus harta berdaftar boleh dimohon di bawah seksyen 22I.

Fasal 12 bertujuan meminda seksyen 16(1A) dengan memasukkan perkataan pengurus harta subseksyen (5) dan subseksyen (7) dipinda dengan memasukkan perkataan pengurus harta berdaftar dan pengurus harta percubaan pada subseksyen (7)(b). Fasal ini juga menggantikan nama penilai daftar percubaan ataupun /ejen harta tanah percubaan dengan nama daftar percubaan pada subseksyen (7)(b).

Fasal 13 bertujuan meminda seksyen 17(1)(e) dengan menggantikan perkataan penilai atau perejenan harta tanah dengan perejenan harta tanah atau pengurusan harta. Fasal ini juga meminda subseksyen 17(1A) dengan memasukkan perkataan pengurusan harta selepas perkataan perejenan harta tanah.

Fasal 14 bertujuan meminda seksyen 17(A1) dengan menggantikan perkataan daftar penilai percubaan, ejen harta tanah percubaan dengan perkataan daftar percubaan.

Fasal 15 bertujuan meminda seksyen 18 dengan memotong subseksyen (6) untuk membenarkan orang yang bukan warganegara dan mempunyai kelayakan berdaftar dengan lembaga sebagai penilai berdaftar dan ataupun penilai percubaan.

Fasal 16 bertujuan meminda seksyen 19A dengan memasukkan penilaian pokok dan tanaman sebagai amalan penilaian. Subseksyen (c) dikeluarkan dari seksyen 19 dan diletakkan di dalam seksyen 22(2)J.

Fasal 17 bertujuan meminda seksyen 21(1) untuk melarang seorang penilai atau pentaksir berdaftar daripada menjalankan amalan pengurusan harta jika mereka tidak didaftar sebagai pengurus harta berdaftar di bawah seksyen 22F.

Fasal 18 bertujuan meminda seksyen 22A(1)(f) dengan menggantikan perkataan perejean harta tanah dengan pengurusan harta. Fasal ini juga meminda subseksyen (1A) dengan memasukkan perkataan atau pengurusan harta selepas perkataan penilaian.

Fasal 19 bertujuan meminda seksyen 22B(1A) dengan menomborkan semula (1A) kepada (1B). Fasal ini juga memasukkan subseksyen (1A) yang menyatakan seseorang itu telah menjalankan amalan perejean harta tanah sekiranya beliau bertindak sebagai ejen untuk menerima komisen, fi, upah dan sebagainya.

Fasal 20 bertujuan meminda seksyen 22C dengan memasukkan perkataan perunding perejean harta tanah selepas perkataan broker rumah. Fasal ini juga memasukkan subseksyen (2)(d) dengan membenarkan seorang perunding membantu seorang ejen harta tanah dalam amalannya. Definisi perunding dijelaskan dalam subseksyen (2)(a) iaitu seseorang yang diambil bekerja oleh ejen harta tanah berdaftar untuk membantunya dalam amalan perejean harta tanah.

Fasal 21 bertujuan meminda seksyen 22D dengan memotong subseksyen (5) untuk membenarkan orang yang bukan warganegara dan mempunyai kelayakan berdaftar dengan lembaga sebagai ejen harta tanah berdaftar/ejen harta tanah percubaan.

Fasal 22 bertujuan meminda seksyen 22E(1) dengan menggantikan perkataan daftar penilai percubaan atau ejen harta tanah percubaan dengan perkataan daftar percubaan.

Fasal 23 bertujuan memasukkan bahagian baharu iaitu VB berkaitan pengurus harta seksyen 22F dan 22G memperuntukkan syarat-syarat pendaftaran pengurus harta dan pengurus harta percubaan. Manakala seksyen 22H memperuntukkan kelayakan untuk pendaftaran pengurus harta dan pengurus harta percubaan. Seksyen 22I menjelaskan amalan pengurusan harta dan seksyen 22J meletakkan sekatan-sekatan ke atas amalan pengurusan harta.

Fasal 24 bertujuan meminda seksyen 23 dengan memasukkan perkataan pengurus harta dan pengurusan harta di seluruh seksyen. Pindaan juga dibuat dengan menomborkan semula (1A) kepada (1B). Fasal ini juga memasukkan subseksyen (1A) yang menyatakan ketuanpunyaan tunggal, perkongsian atau pertubuhan perbadanan perlu membuat permohonan untuk menjalankan amalan penilaian, pentaksiran, perejean atau pengurusan harta.



Fasal 25 bertujuan meminda seksyen 24 untuk memasukkan perkataan pengurus harta dan pengurusan harta pada seluruh subseksyen. Fasal ini juga memasukkan subseksyen baharu (1)(j) yang memperuntukkan bahawa ianya merupakan satu kesalahan jika seorang berdaftar menjual, memindahkan atau menyewa kecilkan kuasa amalannya kepada orang lain. Selain itu dua perintah baharu dimasukkan di bawah sub perenggan (h)(vii) dan (viii) iaitu memberi amaran atau menolak pertuduhan.

Fasal 26 bertujuan meminda seksyen 25 dengan menggantikan nama daftar penilai percubaan/ejen harta tanah percubaan kepada daftar percubaan. Selain itu pindaan dibuat dengan memasukkan perkataan pengurus harta berdaftar dan pengurus harta percubaan.

Fasal 27 bertujuan meminda seksyen 26 dengan menggantikan nama daftar penilai percubaan/ejen harta tanah percubaan kepada Daftar Percubaan.

Fasal 28 bertujuan meminda seksyen 30(1)(b) dengan menggantikan nama daftar penilai percubaan/ejen harta tanah percubaan kepada Daftar Percubaan. Pindaan kepada seksyen 30(1)(e)(h) dan 30(2) menggantikan perkataan pentaksir atau ejen harta tanah dengan perkataan pentaksir, ejen harta tanah atau pengurus harta. Pindaan juga dibuat dengan memotong perenggan (g).

Fasal 29 bertujuan meminda seksyen 30A dengan bernombor semula seksyen 30A sebagai seksyen 30B. Fasal ini juga memberi kuasa kepada seorang Majistret mengeluarkan waran kepada seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor untuk memasuki dan menggeledah premis serta menahan sesiapa pun yang berada di dalam premis.

Fasal 30 bertujuan bernombor memasukkan seksyen 30A sebelum seksyen 30B yang telah dinomborkan semula yang memberi kuasa pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada Inspektor bagi menyiasat perlakuan yang bertentangan dengan akta ini.

Fasal 31 bertujuan meminda seksyen 30B akta dengan menomborkan semula seksyen 30B sebagai seksyen 30C.

Fasal 32 bertujuan meminda seksyen 30C akta dengan menomborkan semula seksyen 30C sebagai seksyen 30D.

Fasal 33 bertujuan meminda seksyen 31A dengan memberi perlindungan terhadap tindakan guaman, pendakwaan dan prosiding dalam mana-mana mahkamah terhadap lembaga, ahli lembaga, jawatankuasa dan ahli jawatankuasa yang dilantik lembaga serta mana-mana orang atau pegawai yang diberi kuasa untuk bertindak bagi pihak lembaga yang melakukan tugas dengan niat baik.

Fasal 34 memperkatakan peruntukan kecualian. Pindaan-pindaan lain yang tidak diperkatakan dengan khusus dalam huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata akta yang dicadangkan ini akan dapat mengatasi beberapa masalah penipuan penyelewengan dan tindakan tidak beretika yang sedang dihadapi dalam industri harta tanah di Malaysia kerana tiada kawal seliaan. Ia juga menjelaskan skop tugas seorang penilai, pentafsir ejen harta tanah dan pengurus harta. Akta yang dicadangkan ini akan melindungi hak dan kepentingan rakyat dengan adanya kawal selia yang lebih efektif dan berkesan. Ia juga akan meningkatkan kredibiliti lembaga penilai, pentaksir dan ejen harta tanah Malaysia sebagai badan profesional yang mengawal penilai, pentaksir, ejen harta tanah dan pengurus harta.

■1730

Pindaan yang dicadangkan ini juga menjamin hanya penilai, pentafsir, ejen harta tanah dan pengurus harta yang berdaftar sahaja boleh menjalankan amalan supaya keyakinan pelabur dan rakyat terhadap industri harta tanah di Malaysia dapat ditingkatkan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada sesiapa yang menyokong.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penilai, Pentafsir dan Ejen Harta Tanah 1981 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

5.30 ptg

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk sama-sama berbahas dalam suatu akta untuk meminda Akta Penilai, Pentafsir dan Ejen Harta Tanah 1981.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Kita sambung hari Isnin ya.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Hari ini hari Khamis, malam ini malam Jumaat saya kena balik kawasan. Yang Berhormat

pun kena balik kawasan. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, 7 Ogos 2017.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang]***